

**Bil. 21**

**Isnin  
18 Mei 2015**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

## K A N D U N G A N

<b>MENGGANGKAT SUMPAH</b>	(Halaman	1)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:</b>		
- Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru	(Halaman	1)
- Memperkenankan Akta-akta	(Halaman	1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara	(Halaman	2)
- Pelantikan Ketua Pembangkang	(Halaman	3)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	3)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015	(Halaman	24)
Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan (Pindaan) 2015	(Halaman	48)
Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 2015	(Halaman	76)
<b>USUL:</b>		
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M.16(3)	(Halaman	77)
<b>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:</b>		
■ Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl): Penggulangan Syarikat No. 28NCC8-530-2011 - <i>Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)</i>	(Halaman	77)
■ Mewartakan Lebih Banyak Laluan Basikal Dalam Bandar Raya Kuala Lumpur - <i>Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)</i>	(Halaman	79)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
4. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
5. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] - UMNO
6. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] - MCA
7. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K, D.S.A.P, D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] - PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] - PBB
11. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
12. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] - UMNO
13. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
14. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] - UMNO
15. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO
16. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO

17. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Idris Jala - *Senator*
19. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.G.D.K., S.P.D.K., P.S.M., J.P. [Pensiangan] - PBRB
20. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
21. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
22. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P. [Kuala Pilah] - UMNO
24. “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
25. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
26. “ Menteri Pendidikan II, Dato’ Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kwan - *Senator*
30. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
31. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
33. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K. [Ranau] – UPKO
34. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
35. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P. [Telok Intan] – GERAKAN

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato’ Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan a/l Murugan [Tapah] - MIC

3. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO
6. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
7. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
8. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA
9. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB
10. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO
12. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun - *Senator*
14. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] - UMNO
15. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggaru] - UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] - UMNO
17. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah - *Senator*
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
19. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] - UMNO
20. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Lee Chee Leong - *Senator*
22. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] - MIC
23. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] - UMNO
24. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] - PBS
25. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] - UMNO

26. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] - PBB
27. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] - UMNO
28. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, [kosong]

#### AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] - UMNO
8. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
9. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
11. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keterah] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] - UMNO
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
19. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
20. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] - UMNO
21. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
22. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
23. “ Dato’ Hasan bin Arifin, D.S.A.P. [Rompin] - UMNO
24. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
25. “ Dato’ Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
26. “ Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO

27. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
28. “ Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titawangsa] - UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
30. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
31. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
32. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
33. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
34. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
35. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
36. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
37. “ Datuk Madius bin Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
40. “ Datuk Mas Ermeyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] - UMNO
41. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] - PRS
42. “ Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
43. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] - UMNO
44. “ Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] - UMNO
45. “ Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
46. “ Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] - PBB
47. “ Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
48. “ Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] - SPDP
49. “ Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
50. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
51. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
52. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
53. “ Dato' Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
54. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
55. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] - UMNO
56. “ Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA
57. “ Dato' Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
58. “ Dato' Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] - UMNO

59. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
60. “ Datuk Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] - UMNO
61. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
62. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
63. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
64. “ Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
65. “ Ir. Shaharuddin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
66. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
67. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
68. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
69. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
70. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
71. “ Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
72. “ Dato’ Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
73. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
74. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
75. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
76. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
77. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] - UMNO

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
4. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
5. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
6. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
7. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
8. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
9. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
10. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
11. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
12. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]



13. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
14. “ Dato’ Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
15. “ Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
16. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
17. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
18. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
19. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
20. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
21. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
22. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
23. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
24. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
25. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
26. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
27. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
28. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
29. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
30. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

#### **AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
3. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
4. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
5. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
6. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
7. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
8. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
9. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
10. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
11. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
12. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
13. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
14. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
15. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
16. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
17. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
18. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]

19. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
20. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
21. “ P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
23. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
24. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
25. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
26. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
8. “ Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
9. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
10. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
12. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
13. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
14. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
15. “ Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
16. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
17. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
18. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

19. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
20. “ Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
21. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**BEBAS**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Tuan Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Encik Che Seman bin Pachik

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi

Suriyani binti Mohd. Noh  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Azmir bin Mohd Salleh  
Noraidah binti Manaf  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Siti Norlina binti Ahmad  
Hazwani Zarifah binti Anas  
Siti Aishah binti Md. Nasir  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Muhammad Dzulhazmi bin Sha'arin  
Amir Arshad bin Ab Samad

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

Isnin, 18 Mei 2015

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]
- Yang Berhormat Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengangkat sumpah sebentar tadi iaitu Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Rompin.

Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberi sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga dapat berkhidmat dengan cemerlang.

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan akta yang telah diluluskan di Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2014) 2015.

## PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu. Sila.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“ 29 April 2015

### Perutusan Daripada Dewan Negara kepada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015;
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2015;
3. Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015;
4. Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2015;
5. Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015;
6. Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014;
7. Rang Undang-undang Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan Di Luar Negara 2015;
8. Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No.2) 2015;
9. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2015;
10. Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2015;
11. Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2015;

#### ■1010

12. Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015
13. Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014
14. Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2014
15. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2014

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

## PERLANTIKAN KETUA PEMBANGKANG

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 4A(3), saya suka hendak memaklumkan iaitu mengikut maklum balas yang saya terima dan saya berpuas hati terhadap maklum balas itu iaitu bahawa Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Parlimen Permatang Pauh telah sebulat suara mendapat sokongan dari kalangan ahli-ahli pembangkang di Parlimen untuk dilantik sebagai Ketua Pembangkang. *[Tepuk]* Yang Berhormat Permatang Pauh, selamat kembali ke Parlimen dan selamat bertugas kembali sebagai Ketua Pembangkang. *[Tepuk]*

## JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah pergerakan pendapatan per kapita rakyat sejajar dengan ekonomi Malaysia yang dilaporkan telah berkembang dengan purata lebih 5% sepanjang 15 tahun sekalipun berdepan dengan kejatuhan harga komoditi utama dan tekanan ke atas ringgit.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1 Malaysia. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara telah berkembang sebanyak 5.5% setahun bagi tempoh tahun 1999 hingga tahun 2014 manakala pendapatan per kapita nasional pada harga semasa telah meningkat sebanyak 6.7% setahun daripada RM13,581 pada tahun 1999 kepada RM35,333 pada tahun 2014.

Dalam masa yang sama, pendapatan purata isi rumah juga telah meningkat sebanyak 6.0% setahun daripada RM2,472 pada tahun 1999 kepada RM5,919 pada tahun 2014. Manakala pendapatan median meningkat sebanyak 6.3% setahun daripada RM1,700 kepada RM4,258 dalam tempoh yang sama. Ini memberi makna peningkatan pendapatan isi rumah adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pertumbuhan purata KDNK negara.

Pendapatan per kapita rakyat dan isi rumah yang lebih mantap ini telah dicapai meskipun dalam persekitaran ekonomi dunia yang mencabar. Dalam menangani persekitaran luar yang tidak menentu seperti berdepan dengan kejatuhan harga komoditi utama dan tekanan ke atas ringgit, negara masih bertuah kerana mempunyai asas ekonomi yang pada ketika ini adalah kukuh dan pelbagai. Kedudukan ini didorong kerana kita telah pun mempelbagaikan asas struktur ekonomi kita di mana kita tidak terlalu bergantung kepada mana-mana subsektor ataupun komoditi.

Sebagai contohnya, sumbangan sektor perkhidmatan kepada ekonomi kita telah meningkat pada tahap 51.2%, sumbangan sektor pembuatan pada tahap 23.4% dan pergantungan kita pada komoditi minyak dan gas adalah pada kadar 15%. Namun begitu, kerajaan akan sentiasa memantau trend ini secara dekat dari semasa ke semasa kerana kejatuhan harga minyak dan nilai mata wang ringgit merupakan fenomena jangka pendek bila mana trend harga minyak kini telah pun menunjukkan sedikit tahap pemulihan.

Sekiranya fenomena ini berterusan pastinya kerajaan akan mengambil langkah-langkah proaktif yang bersesuaian bagi menghadapi suasana tersebut. Berdasarkan pada faktor utama yang saya nyatakan tadi kita yakin negara mampu untuk terus mengekalkan tahap ekonomi yang mampan serta berada di landasan kukuh untuk mengekalkan momentum pertumbuhan meskipun berdepan dengan kejatuhan harga komoditi dan tekanan ke atas ringgit. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah proaktif secara khusus yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk menggalakkan ataupun mewujudkan situasi di mana rakyat dapat menikmati hidup yang lebih baik sekali gus untuk

membantu mencapai agihan pendapatan yang lebih saksama sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dan pergerakan kos sara hidup. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerang. Sebenarnya menjadi tumpuan kita dalam menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi dalam keadaan ekonomi hari ini kualiti hidup dan sara hidup rakyat menjadi keutamaan. Antara perkara yang kita boleh lakukan adalah dengan meningkatkan *upskilling* bermakna meningkatkan tahap kemahiran di kalangan rakyat.

Saya pernah nyatakan juga *tentang flexi hours, working flexi hours* kepada kaum wanita, ibu tunggal yang tinggal di rumah dan juga untuk meneruskan agenda memberikan pendidikan sepanjang hayat. Ini dapat memastikan bahawa sekurang-kurangnya mereka mendapat pendapatan yang lebih daripada aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan.

Kedua, kita juga menyediakan bantuan-bantuan permohonan bagi memulakan perniagaan makro kredit dan kita antara negara yang telah pun diberikan pengiktirafan sebagai negara yang mempunyai kemudahan makro kredit bagi dipinjam oleh rakyat. Ini semua telah dapat kita laksanakan dengan baik atas sokongan-sokongan yang diberikan oleh Yang Berhormat.

Saya juga ingin memberikan beberapa fakta tambahan bahawa pada lima tahun lepas kita dapat mengekalkan kadar inflasi kita kepada 3% dan kita jangka ia akan dapat dikekalkan atau diturunkan memandangkan harga komoditi yang semakin rendah. Keduanya, kita juga telah berjaya mengekalkan kadar 3% pengangguran sejak 20 tahun yang lepas. Ini semua adalah petunjuk dan petanda bahawa kita berada di landasan yang baik tadi. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerang.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan angka yang dikatakan begitu mantap, apakah jurang di antara yang kaya dengan yang miskin di sini dengan *Gini coefficient* yang dikatakan begitu baik sebelum ini?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih, Yang Berhormat Kepong. Saya pernah menjawab di Dewan ini secara spesifik tentang jurang di antara 20% teratas, 20% menengah dan 40% terbawah. Daripada jawapan saya yang lalu, saya tidak dapat bagi spesifik ataupun *figure* jumlah yang tepat tetapi kadar pertumbuhan di bawah B.40 terbawah kadar pertumbuhannya lebih tinggi daripada menengah 40 dan juga T.20, tertinggi 20.

Ini menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan B.40 yang terendah akan membawa kepada mengecilnya jurang antara pendapatan yang paling tinggi dengan yang paling bawah kalau kita melihat kepada peratus pertumbuhan bagi kumpulan-kumpulan yang saya nyatakan tadi seperti ditanya oleh Yang Berhormat Kepong. Terima kasih.

**2. Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah punca hanya RM1.6 juta yg digunakan daripada RM8 juta yg diperuntukkan untuk Orang Asli menerusi TEKUN walaupun telah dilancarkan sejak dua tahun lalu.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat dari Gombak. Yang Berhormat Gombak bertanyakan kenapa cuma RM1.6 juta sahaja daripada RM8 juta yang diperuntukkan untuk Orang Asli menerusi TEKUN yang telah dilancarkan 2 tahun lalu. Maksud soalan itu mengikut fahaman saya kenapa kecil jumlah yang diberi kepada Orang Asli dan kenapa sambutan tidak begitu hebat sebagaimana yang diharapkan.

#### ■1020

Jawapannya adalah kita perhatikan sambutan daripada masyarakat Orang Asli agak tidak memberangsangkan dalam hal ini walaupun kita mengadakan peruntukan yang secukupnya. Selain daripada RM8 juta yang disebutkan itu, TEKUN juga memberikan



peruntukan ataupun pinjaman yang dikenakan *interest* yang begitu rendah iaitu 4%. Akan tetapi yang RM8 juta itu, 0% *interest* ya. 0% *interest* pun kurang mendapat sambutan dan yang 4% pun cuma ada lebih kurang 92 orang sahaja yang menerima dan jumlah RM1.4 juta. Jadi saya telah berbincang dengan pegawai-pegawai TEKUN dan kementerian, mungkin kita perlu memperhebatkan lagi aktiviti-aktiviti penerangan supaya dapat memberikan kesedaran dalam kalangan Orang Asli bahawa ada peluang bagi mereka untuk meningkatkan ekonomi dan pihak kerajaan, TEKUN, sedia membantu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma ingin saya perelaskan sedikit. Ini bukan soal jumlah yang kecil. Akan tetapi saya kira prinsip pengagihan yang tidak adil kepada mereka yang memerlukan bantuan. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, daripada maklumat yang saya peroleh, jumlah Orang Asli yang telah menerima bantuan ini hanya 48 orang yang mana 11 orang dari kawasan Teluk Intan, 10 orang dari Parlimen Bera dan 27 orang dari Parlimen Rompin dan Parlimen Rompin ini dibuat semasa Pilihan Raya Kecil baru-baru ini. Di mana Teluk Intan juga diagihkan ketika Pilihan Raya Kecil. Jadi persoalan saya, apakah Kerajaan Persekutuan melihat TEKUN ini sebagai sogokan politik supaya Orang Asli menyokong mereka? [Tepuk] Itu yang pertama. Ini statistik yang ada di tangan saya.

Keduanya, apakah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk merombak semula skim TEKUN ini seperti yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor yang mana kita juga telah melancarkan program Hijrah yang membiayai modal perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil dengan peruntukan RM100 juta tanpa mengira kaum, tanpa mengira ideologi politik, tanpa mengira agama dan 0% *interest*. [Tepuk] Saya sendiri telah melancarkan program ini dua kali dan sambutannya cukup baik daripada seluruh rakyat negeri Selangor.

Jadi persoalan yang kedua ialah apakah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk memecahkan minda lama ini yang bersifat perkauman yang sempit dan akhirnya tidak mencapai sasaran untuk mengangkat martabat peniaga-peniaga kecil dan orang yang memerlukan bantuan di dalam negara kita?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat kita ini dia hendak pancing ya. Itu baru umum. Kejayaan belum tahu lagi. [Ketawa].

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kita sudah buat. Ini hendak menjawablah ini.

**Seorang Ahli:** Jawab, jawab, jawab.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kita hendak jawablah. Tidak ada soal ketidakadilan, pilih kasih atau tujuan politik. Sebab apa....

**Seorang Ahli:** Bantu masa pilihan raya saja.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Nanti saya bersuara tinggi, Ahli-ahli Yang Berhormat kata saya cengil. Akan tetapi sikap yang ditunjukkan itu agak kita rasa tidak elok. Ini kerana statistik yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Gombak tadi, itu statistik bagi tiga kawasan. Akan tetapi statistik bilangan penerima dari kawasan lain Yang Amat Berhormat tidak sebut. Kenapa pilih-pilih begitu? *This is not true*. Sebab saya hendak sebut sini, jumlah yang menerima umpamanya 228 orang. Yang Amat Berhormat sebut berapa orang? So, baki yang banyak-banyak itu Yang Berhormat tidak sebut. *This is all political, we know that*.

Begitu juga yang lain, yang 4% *interest* pun 92 orang *and all this*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *they are already long time ago* dapat pinjaman ini. Tidak ada semasa pilihan raya kecilnya. Tidak betul tuduhan itu. Jadi saya rasa, RM100 juta Yang Amat Berhormat sebut Selangor itu, yang telah memperuntukkan RM100 *million* konon-kononnya, belum tahu lagi.

**Beberapa Ahli:** [Beberapa Ahli bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Konon-konon.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *[Ketawa]*. Ya atau tidak? Orang kata *yet to be seen the response*. Manakala kita TEKUN RM2 bilion. *We have the fund RM2 bilion. [Tepuk] We have given almost 300,000. This is all open to everybody.* Orang Aslikah, orang Melayukah, orang bukan Melayukah, orang Indiakah, Cina-India kah, tidak ada pilih kasih. *It is for all.*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Itu jawapan tidak benar.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebab Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** 300,000...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya baca, CEO, Datuk Abdul Rahim Hassan, ini CEO TEKUN Tuan Yang di-Pertua. Apa dia kata? *"Matlamat penubuhan TEKUN ialah bagi membantu ahli UMNO"*. *[Dewan Riu]*

**Seorang Ahli:** Jawab, jangan tidak jawab. Jawab.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, ini kenyataan yang dibuat. Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pengarah Eksekutif TEKUN, Datuk Abdul Rahim Hassan berkata *"Matlamat penubuhan TEKUN ialah bagi membantu ahli UMNO"*. *[Dewan Riu]*

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jadi RM2 bilion untuk ahli UMNO lah, RM2 bilion.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak apalah.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** RM2 bilion ini untuk ahli UMNO.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *No, no. It is okay* Tuan Yang di-Pertua. *It is okay.* Kita tahu Yang Berhormat Gombak...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *No, no.* Tuan Yang di-Pertua, saya tengok Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada Tuan Yang di-Pertua. Kita kenal siapa Yang Berhormat Gombak. *[Dewan Riu]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kita kenal siapa... *[Dewan Riu]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jawab soalanlah. Soalan tidak jawab.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Soalan nombor tiga.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Bila beliau bercakap, *is always politics.* UMNO, UMNO, UMNO, UMNO. *[Dewan Riu]* Dia fobia itu, fobia. Sudah kena 'mandrem'. *[Ketawa]*. Ya atau tidak?

**Seorang Ahli:** Jawablah.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *No,* jawapannya tidak betul Tuan Yang di-Pertua yang mengatakan bahawa TEKUN ditubuhkan untuk UMNO, tidak betul. *I want to stress this.* Tidak betul. *This is the answer.* *[Disampuk]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *Then you kena pecat your CEO.* *[Dewan riu]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *[Ketawa]*. Okey, terima kasih, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Ini sesi soal jawab Yang Berhormat, bukan berbahas.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebab itu kita perlukan Tuan Yang di-Pertua sebagai Speaker, hebat. *[Dewan riuh]* Jangan letak jawatan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua jangan tunduk kepada tekanan. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya duduk di atas Yang Berhormat. Saya tidak tertekan dari mana-mana. *[Ketawa]* Ada lagi yang minat kepada soalan ini?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamd Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Ada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila berdiri, sila.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamd Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mendapat aduan mengatakan bahawa TEKUN lambat membayar pinjaman kepada peminjam yang telah diluluskan selepas dua bulan. Adakah ia disebabkan tidak ada Pilihan Raya Kecil? Mengapa itu lambat dibayar? Terima kasih. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Senyum Yang Berhormat, senyum. Jawab dengan senyuman.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Senyumlah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu cara dia Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *I will try my best* untuk senyum. *[Ketawa]* Dengan kerenah yang macam ini, payah hendak senyum. Tuan Yang di-Pertua, sebagai respons pertama, saya rasa dukacitalah Yang Berhormat.

#### ■1030

Seorang Admiral, mantan Admiral membuat soalan macam itu. *I'm very sorry. [Ketawa] I'm very sorry for you.* Dahulu duduk di Admiral itu begini dia. Disiplin apa semua. Masuk Dewan, macam ini punya kelas. *Sorry.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Lebih bagus daripada Menteri. Lebih bagus punya kelas Menteri. Tidak payahlah.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jangan personal. Jangan peribadi.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Pandan. Ini Yang Berhormat Pandan, kasihanlah, tolonglah. *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Jawablah Yang Berhormat Menteri, jawab.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, ini menteri jawab ke ataupun dia tidak faham?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Saya respons dahulu. Jawapannya tidak betul, bukan semua kes permohonan lambat bayar. Itu *maybe* ada kes-kes terpencil. Bukan dasar TEKUN, mungkin pegawai TEKUN. *Maybe if you have such a problem, complaint, buatlah aduan.* Kita boleh ambil tindakan. *But it's not a policy, it's not our policy that's all I have to say, thank you.*

**3. Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kesan langsung pelaksanaan GST pada ekonomi negara terutama peniaga dan rakyat bawahan sejak dilaksanakan; dan
- (b) bagaimana Kementerian atasi penipuan dan penyelewengan peniaga ke atas pengguna

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Pelaksanaan GST mulai 1 April 2015 adalah selaras dengan usaha kerajaan dalam memperkemas dan meningkatkan

keberkesanan sistem percukaian negara untuk menjamin pertumbuhan hasil yang kukuh bagi faedah rakyat serta mengurangkan kebergantungan kepada hasil seperti sumber petroleum. Sumbangan hasil petroleum telah berkurangan daripada 41.3% pada tahun 2009 kepada 30% pada tahun 2014. Langkah penting bagi memastikan kewangan kerajaan untuk membantu rakyat terus mampan bagi jangka masa panjang.

GST boleh meningkatkan 0.3% KDNK pada tahun ini dan meningkatkan 0.5% sektor eksport. Pelaksanaan GST juga telah memberi impak positif ke atas penarafan ekonomi Malaysia oleh agensi-agensi *rating* utama seperti *Moody's*, *A3 positive*, *Standard and Poor's*, *A negative stable*. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Bank Dunia, peratusan *shadow economy* atau ekonomi terselindung berbanding KDNK bagi Malaysia adalah sebanyak 30%.

Dengan GST, peniaga akan keluar berdaftar kerana terdapat insentif yang disediakan iaitu peniaga yang berdaftar boleh menuntut kembali GST yang dibayar atas input perniagaan mereka. Di kalangan negara maju yang melaksanakan GST kadar *shadow economy* atau pelarian dan penipuan cukai hanyalah sekitar 10% hingga 15% sahaja. Itu juga diharapkan berlaku di Malaysia. Dengan GST peniaga akan dapat bersaing dengan cara yang lebih sihat di samping dapat menyimpan rekod perniagaan dengan lebih sistematik melalui sistem perakaunan GST.

Selain itu di bawah GST peniaga yang berdaftar dan layak dapat menuntut semula cukai input yang ditanggung oleh mereka. Contohnya, GST yang dibayar oleh peniaga seperti perolehan mesin, bahan pembungkusan, utiliti dan lain-lain input yang dikenakan GST boleh dituntut semula oleh peniaga dan tidak akan menjadi kos kepada perniagaan.

Berbeza dengan sistem SST yang lama, cukai jualan dan cukai perkhidmatan, peniaga tidak dapat menuntut cukai yang dibayar kerana tiada kemudahan tuntutan cukai input yang disediakan. Maka kos 5%, 6% dan 10% SST dahulu dipindahkan kepada pengguna dengan membayar cukai yang lebih tinggi 8% hingga 15%. Rakyat sebenarnya mendapat manfaat yang banyak ekoran dari tiadanya unsur cukai berganda dan bertindih serta harga yang dibayar lebih telus di mana mereka tahu berapakah jumlah cukai yang perlu dibayar.

Selain itu struktur GST yang dicadangkan adalah bersifat progresif. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak menafikan bahawa pelaksanaan awal GST telah memberi peningkatan kadar inflasi secara *one-off* iaitu sebanyak 1.08%. Bagi mengurangkan impak pelaksanaan GST, kerajaan telah memperkenalkan pakej bantuan seperti berikut; melebarkan bantuan subsidi bersasar dengan meningkatkan amaun pemberian BR1M sebanyak RM300 ke atas BR1M sedia ada. Kadar cukai pendapatan individu dikurangkan sebanyak satu hingga tiga mata peratusan.

Melalui langkah ini seramai 300,000 yang kini membayar cukai pendapatan tidak lagi perlu membayar cukai. Cukai pendapatan ini juga akan distrukturkan semula di mana pendapatan bercukai pada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi 100,000 kepada melebihi 400,000. Kadar cukai maksimum yang kini 26% pula dikurangkan kepada 24%, 24.5% dan 25%. Justeru pembayar cukai akan menikmati penjimatan bayaran cukai sekurang-kurangnya sebanyak 5.3%. Cukai syarikat yang diturunkan daripada 25% kepada 24%. Cukai PKSSMB diturunkan daripada 20% kepada 19% dan cukai koperasi diturunkan 1% hingga 2%.

Selain itu pelbagai barangan dan perkhidmatan atas tidak dikenakan GST. Kita semua sudah sedia maklum barang makanan asas seperti beras, sayur, daging, tepung, gula, minyak masak, termasuk buah-buahan, ubatan penting nasional dan bahan bacaan, perkhidmatan pengangkutan awam, kesihatan, pendidikan, pembelian rumah kediaman juga tidak dikenakan GST. Senarainya begitu panjang dan kita adalah contoh negara yang paling banyak sekali yang mengecualikan GST ataupun *zero rated* GST. Kerajaan juga telah menetapkan supaya penjualan runcit minyak petrol RON95, diesel dan LPG diberi pelepasan GST. Ini bermakna pengguna tidak perlu membayar GST bagi pembelian produk petroleum tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, para peniaga sewajarnya mematuhi undang-undang dan peraturan GST. Sehingga 10 Mei 2015 sebanyak 4,849 aduan berkaitan isu GST telah diterima oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Sejak GST dilaksanakan meliputi antara lain pengeluaran invois yang tidak menepati kriteria yang ditetapkan kesalahan klasifikasi barang dan pengesahan layanan GST ke atas pembekalan.

Untuk maklumat Yang Berhormat, Jabatan Kastam melalui Jabatan Peguam Negara telah membuka 13 kertas siasatan di mana dua dalam proses pendakwaan di bawah seksyen Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan dan 11 lagi dalam proses siasatan. KPDNKK pula telah menyediakan kertas siasatan sebanyak 815 kes dan 44 kes akan dibawa ke mahkamah.

Jabatan Kastam akan terus melaksanakan operasi mengesan kesalahan yang dilakukan oleh peniaga supaya peniaga membuat semua dokumentasi dan rekod berhubung transaksi perniagaan termasuklah resit pembelian dan penjualan dengan tepat untuk mengelakkan sebarang kesilapan dan kes penipuan terhadap pengguna. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita akui bahawa GST adalah satu sistem percukaian yang baik. Cuma harapan kita apakah penambahbaikan yang akan dilakukan oleh kerajaan dan juga kelemahan-kelemahan yang dikesan oleh kerajaan. Kemudian, setujukah kerajaan kalau kita cadangkan bahawa pengguna, selain daripada pengguna dia juga adalah pelapor. Maknanya kita beri insentif kepada pengguna yang membuat laporan. Peranan itu diturunkan kepada pengguna supaya ramai pihak yang melaporkan kesalahan dan kelemahan, itu satu. Dengan cara itu saya fikir tidak ramai orang berani naikkan harga barang dan kesempatan kerana pengguna adalah pelapor kepada setiap kesalahan yang dibuat.

Kemudian, hari ini kerajaan zero kepada barangan. Apakah boleh kerajaan kaji pula supaya kita bagi zero kepada kelompok dan kumpulan tertentu. Misalnya kumpulan OKU tidak dikenakan GST. Kumpulan pelajar dan mahasiswa tidak terkena. Kumpulan yang di bawah eKasih tidak terkena. Maknanya pengguna diberi hak untuk melaporkan dan ada kumpulan-kumpulan tertentu tidak terlibat. Apakah kerajaan sedia untuk mengkaji perkara ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Antara kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan GST ialah peniaga tidak menolak SST 5% dan 10% dalam penetapan harga barang mereka. Mereka menambah 6% kepada 5% menjadi 11% Tuan Yang di-Pertua. Lima campur enam, jadi sebelas. Sepuluh campur enam, jadi enam belas. Pada 1 April baru-baru ini apabila GST dilaksanakan, kita diberitahu dan dimaklumkan dalam semua akhbar bahawa enam pengeluar kereta menurunkan harga kereta. Kenapakah harga kereta turun Tuan Yang di-Pertua? Harga kereta turun kerana SST pada kereta ialah 10%. SST itu sudah tiada diganti dengan GST 6% maka harga kereta turun.

#### ■1030

Namun adakah hanya kereta yang SST nya 10%? Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Ada banyak lagi barang yang SST 10%. Pakaian Tuan Yang di-Pertua, daripada baldi songkok Tuan Yang di-Pertua itu sampai *tie*, *coat* dan segala, baju dalam, seluar dalam, stoking, kasut, tali pinggang, dompet semua sekali itu 10% dahulu SST nya. Maka apabila GST dilaksanakan, pakaian Tuan Yang di-Pertua dan semua pakaian lelaki, semua pakaian wanita, semua pakaian bayi, semua pakaian seluruh rakyat Malaysia ini dahulu 10% sekarang 6% sepatutnya turun. Akan tetapi adakah harga turun macam harga kereta? Tidak. Jadi adakah kerana GST salah atau peniaga yang salah Ahli Yang Berhormat? Peniaga yang salah. *[Dewan riuh]*

Semua perabot di rumah Tuan Yang di-Pertua dan semua perabot di rumah rakyat Malaysia, apa dia perabot. Katil, tilam, bantal, almari, kerusi, meja dan semua perabot yang ada di rumah itu semua dahulu SST nya 10%. Dengan GST, turun cukai itu kepada 6% tapi adakah perabot rumah turun. Tidak. Adakah salah GST atau salah peniaga Ahli Yang Berhormat? Salah peniaga sekali lagi. Soalannya adalah tentang kelemahan GST ya. Maka saya jawab.

Lagi Tuan Yang di-Pertua, apa lagi. Semua barangan elektrik di rumah. Apa dia? Kipas, TV, radio, *air-cond*, peti sejuk semua dahulu 10% SST dan sepatutnya barangan itu

turun harga. Adakah barangan itu turun harga? Tidak, belum. Adakah GST salah atau peniaga yang salah? Peniaga yang salah Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak faham ekonomi, fenomena inflasi.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuala wanita Tuan Yang di-Pertua, dahulu 10% sekarang 6%. Pampers bayi dahulu 10% sekarang 6%. Berus gigi dan segala *toiletries* dahulu 10% sekarang 6%, alat solek wanita dahulu 10% sekarang 6%, baju sekolah, uniform sekolah, peralatan sekolah dahulu 10% sekarang 6%. Ada 295 barang rumah zink, kayu untuk buat rumah, *tiles* dan cat rumah dahulu 10% sekarang 6%. Jika barang itu belum turun bukan salah GST tapi salah peniaga, Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalannya kelemahan GST.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya mereka ini boleh *claim* balik dan mereka sudah tahu bahawa 10% dalam stok itu mereka boleh *claim* balik daripada kastam, cukai lama dan juga cukai 5% dalam stok itu boleh *claim* balik daripada kastam tetapi mereka tidak mahu *claim*. Oleh kerana mereka tidak mahu *claim* pada permulaan ini, kadar inflasi 1.08%.

Tuan Yang di-Pertua, apabila harga stabil dalam masa satu hingga enam bulan daripada sekarang, rakyat tidak akan marah. Tidak akan marah tentang GST ini kerana mereka membayar cukai daripada harga barang yang stabil. Rakyat sedang marah tentang GST ini Tuan Yang di-Pertua kerana pertama harga barang dinaikkan oleh peniaga yang tidak beretika. Yang kedua mereka kena bayar cukai. Jadi dia marah dua kali. Harga barang dinaikkan dan GST dikenakan. Itu sebab rakyat marah sekarang. Akan tetapi percayalah bahawa apabila kita mula menangkap dan memasukkan mereka ini dalam penjara. Ada satu contoh AEON di Melaka, didenda RM150,000 kerana menaikkan harga barang sesuka hati. Apabila perkara ini semua dilakukan percayalah bahawa harga barang akan stabil dan *insya-Allah* GST ini akan memberikan kesan yang baik.

Pada dua cadangan Yang Berhormat Lenggong, saya ingat cadangan itu pengguna jadi pelapor. Memang KPDKK telah memberikan kuasa pelapor itu kepada seberapa ramai yang boleh termasuk kepada ketua-ketua kampung, tok-tok penghulu tetapi saya kira pengguna juga boleh melaporkan dan mereka boleh melaporkan dalam pelbagai aplikasi yang telah diumumkan oleh KPDKK dan kastam. Kita belum lagi memikirkan untuk memberikan insentif kepada pelapor.

Seterusnya, *zero* kepada pengguna cadangan daripada Yang Berhormat Lenggong itu contoh kepada OKU, siswa-siswi yang terlalu miskin ini juga kita akan buat kajian namun kepada mereka yang berada dalam pendapatan yang tertentu majoriti daripada pendapatan bulanan mereka itu digunakan untuk membeli barangan makanan yang telah kita kosongkan - *zero rated* barangan makanan itu. Semua bahan makanan mentah sayuran, ulam, makanan laut, semua sekali basah dan kering, beras, tepung, gula, rempah ratus semua sudah kosong, Tuan Yang di-Pertua. Kalau mereka beli pakaian. Katalah orang miskin beli pakaian dahulu 10% sekarang 6%. Kalau orang miskin beli perabot rumah dahulu 10% sekarang 6%. Kalau orang miskin beli tuala wanita dan juga pampers bayi dahulu 10%, sekarang 6%. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bagi penjelasan panjang lebar tetapi saya rasa masih lagi belum faham tentang GST. Dia sendiri tidak faham. [*Tepuk*]

Apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri membandingkan di antara SST pada 10% dan juga GST pada 6% Yang Berhormat Timbalan Menteri seolah-olah lupa bahawa SST 10% dikenakan pada harga kilang. Harga kilang ini jauh lebih rendah daripada harga akhir yang dibayar oleh pengguna yang telah melalui beberapa peringkat jualan dari kilang kepada pemborong, kepada pembekal dan lain-lain.

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, salah satu daripada kelemahan ataupun kekecohan yang berlaku akibat pelaksanaan GST ialah ke atas tambah nilai telefon ataupun *top up* yang sehingga sekarang masih lagi belum diselesaikan sehingga Yang Amat Berhormat Pekan terpaksa gam Yang Berhormat

Timbalan Menteri supaya tidak bercakap. Saya ingin tanyakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kerajaan, pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia bahawa GST hanya akan dikenakan kepada penggunaan. Bermakna akan tetap ada GST kepada *top up* ini. Bukankah cara yang terbaik untuk memastikan rakyat tidak dibebankan ialah dengan mengenakan kadar sifar kepada *top up* kerana *top up* ini meliputi kepada pengguna yang bukan bekerja, bersekolah, pencen dan lain-lain.

Jadi pada asas yang sama barang makanan mentah dikenakan kadar sifar bukannya lebih baik sekiranya *top up* juga dikenakan kadar sifar. Sekiranya kerajaan ingin mencukai kepada syarikat telekomunikasi perlulah mencukai ke atas keuntungan syarikat telekomunikasi itu mengenai satu bentuk cukai yang selalunya dipanggil *windfall tax* di atas kelebihan laba untung syarikat telekomunikasi bukan dengan cara sekarang iaitu mencukai melalui GST. Bermakna kerajaan tidak mencukai keuntungan syarikat telekomunikasi tetapi mencukai pengguna yang membebankan pengguna. Jadi mohon supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan maklum balas ke atas cadangan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Dahulu SST ini Tuan Yang di-Pertua dikutip dari kilang 5% untuk bekalan makanan yang diproses dan 10% untuk banyak bekalan yang saya sebut tadi. Apabila dikutip oleh kilang oleh kerana tidak ada sistem *input tax credit* sebagaimana sekarang kilang boleh *claim* balik, 10% itu adalah kos kepada kilang maka dimasukkan dalam harga diberikan dalam harga pemborong, pemborong anggap itu sebagai kos ada *tax on tax* terhadap 10% itu, cukai atas cukai dimasukkan dalam harga, dijual kepada pekedai, pekedai anggap itu sebagai kos tidak boleh di *claim* balik macam GST sekarang. Maka 10% itu dipindah kepada pengguna yang membayar bila kita beli pakaian, bila kita beli segala barang ada dalam harga barang-barang yang kita beli lebih daripada 10%, Tuan Yang di-Pertua. 10% itu jadi 15%, 16%, 17%. Sekarang ini 6% kekal 6%.

#### ■1050

Yang Berhormat Pandan tidak payahlah *lecture* saya tentang GST ini. Bukan hanya Yang Berhormat Pandan belajar tentang GST, saya juga belajar tentang GST dan saya diberi taklimat hari-hari, setiap minggu, kadang-kadang bila-bila masa saya minta mereka beri jawapan-jawapan. Sudah setahun setengah Yang Berhormat Pandan memperincikan tentang GST ini.

Kemudian *top up* ya. Dulu *top up* ada SST 6%. Sekarang 6% SST itu sudah tiada, diganti dengan GST 6%. Oleh sebab itu harga *top up* sepatutnya tidak berubah tetapi mereka maklumkan kepada kita bahawa yang 6% SST dahulu mereka bayarkan. Jadi apabila GST dimulakan, mereka kenakan GST pada *top up*. Contoh RM10, jadi RM10.60. Namun apabila kita telah berbincang dan mengadakan perbincangan termasuk saya sendiri, mereka bersetuju memberikan bonus apabila RM10 campur RM0.60 GST, dapat bonus RM1.20. Akan tetapi apabila saya berbincang dengan syarikat telco ini, empat orang CEO nya, saya kata kena turunkan kepada RM10. Pada hari yang sama Kabinet juga membuat keputusan turunkan kepada RM10.

Saya tidak pernah kata tidak ada GST pada *top up* ini Tuan Yang di-Pertua. Saya kata SST dibuang, diganti dengan GST. SST nya 6% dahulu, ganti GST 6%, harga tidak berubah. Oleh sebab itu, tidak boleh letak RM10 campur RM0.60. Perlu diletak ialah RM9.43 campur RM0.57 GST maka harga jadi RM10. Dalam perbincangan saya itu ialah jika RM10 campur RM0.60 boleh bagi RM1.20 bonus, saya tanya pada mereka, bolehkah RM9.43 campur RM0.57 ini diberi bonus untuk mencukupkan kredit RM10. Mereka kata boleh tetapi beri masa. Kemudian perkara itu dipindah kepada Menteri KKMM, beliaulah seterusnya mengambil alih daripada tugas saya. Itulah keadaan tentang *top up* ini dan setakat ini apa yang berlaku ialah masih lagi RM10.60 dengan bonus RM1.20. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin saya tidak ada pengalaman dengan GST, Menteri lagi banyak pengalaman tetapi masalah yang dihadapi oleh rakyat. Kalau dahulu SST ini tidak dinyatakan, kalau satu bil itu tidak ada SST 10%. Jadi sekarang soto, dulu RM3, sekarang sudah ada GST. Soto Tuan Yang di-Pertua, makanan, minuman ada GST. Jadi sama ada ini ada pemantauan atau tidak. Kalau kita kata rakyat mahu mengadu, kepada siapa

mengadu? Kepada kastam? Semua rakyat luar bandar turun pergi ke kastam, beribu-ribu orang akan turun di kastam, jadi macam mana? Jadi saya minta kepada Menteri dan kerajaan supaya ada kaunter-kaunter di bandar-bandar besar, banyak kaunter untuk orang melapor.

Kalau tidak macam saya pergi *supermarket*, saya beli barang, kena GST keseluruhannya. Kepada siapa saya mahu melapor? Kalau saya bolehlah pergi kastam tetapi kalau rakyat jelata, tidak tahu pun, mereka tidak tahu pun. Jadi kalau boleh kerana pemantauan tidak cukup Yang Berhormat Timbalan Menteri, pemantauan tidak cukup kerana soto yang kita makan itu, soto yang rakyat makan RM3 sudah ada GST. Tidak tahu ini betul mereka berdaftar dengan GST atau mengambil kesempatan untuk mendapatkan untung. Jadi kita minta kalau boleh kerajaan membuat kaunter-kaunter, tempat rakyat melapor, kaunter-kaunter di bandar-bandar besar, di luar bandar, di mana-mana tempat tertentu boleh melapor.

Beli barang nampak kita lapor, ini 6% sudah ditambah. Jadi sekarang ini mana yang salah? GST salah ataupun peniaga salah? Bagi saya GST yang salah kerana dulu 10% bila kita beli barang tidak ada dinyatakan dalam bil, ada 10% SST. Kalau tahu sana tambah 6%, jadi 16% lah kita bayar. Minta penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** GST ini ingin memberikan ketelusan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dulu tidak telus, rakyat tidak tahu walaupun mereka bayar cukai lebih daripada 10%, lebih daripada 6% sebab ia ada di dalam harga barang, dikutip oleh kastam di kilang. Ia bukan dikutip oleh kastam di hujung itu, dikutip oleh kastam di kilang tetapi kilang anggap sebagai kos cukai itu dipindah kepada pemborong, anggap sebagai kos tidak boleh *diclaim* macam sekarang, dipindah kepada pekedai, pekedai anggap sebagai kos dimasukkan dalam harga barang, pengguna yang membayar secara tidak langsung dan tidak telus. Sekarang ini telus dan peratus kita bayar, 6% sahaja yang kita bayar. Tidak ada cukai atas cukai.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, rakyat tidak tahu 10% ditolak. Kalau dia bayar RM10, dia tidak tahu sudah ditolak 10%, hanya dia tahu tambahan 6% sahaja.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, soto macam tadi yang diambil contoh. Soto ini Tuan Yang di-Pertua, semua bahan buat soto itu 0% GST. Malahan bahan-bahan makanan yang dijual di restoran-restoran 0% GST. Daripada dia memasak dalam minyak itu, minyak itu 0%, gas yang digunakan 0%, rempah-ratus untuk masak ikan itu 0%, beras 0%, bahan-bahan makanan mentah 0% GST. Mereka sebenarnya boleh menyerap GST itu kerana sebagai kedai dan restoran yang berdaftar, apabila pendapatan melebihi RM500,000 setahun, mereka boleh menuntut kembali cukai input dan mereka boleh turunkan harga.

Contohnya KFC Tuan Yang di-Pertua, dulu 6% cukai SST pada KFC, sekarang 6% cukai GST pada KFC. Ada 45 menu KFC dan 30 menu KFC tidak berubah. Kenapa menu KFC tidak berubah harga 30 menu daripada 45 menu? Ia kerana dulu SST nya 6% buang 6%, masuk GST 6%. KFC boleh menurunkan lima belas menu. Kenapa boleh turun? Ia kerana KFC boleh menuntut cukai input, *input tax credit* yang boleh mengurangkan kos perniagaan. Begitu juga penjual soto yang berdaftar dan juga kepada yang lain. Saya memberikan perhatian berat kepada cadangan Yang Berhormat Kalabakan supaya ada kaunter-kaunter untuk rakyat membuat aduan. Jika pergi ke pasar raya besar, mereka jarang membuat penipuan. Ia ada 'Z', ada 'S'. 'Z' itu *zero rated*, 'S' itu *standard rated* 6%. Kalau kita tidak mahu bayar cukai, beli yang 'Z' saja, kalau kita hendak membayar cukai untuk membantu rakyat dan negara, beli sedikit yang 'S' itu yang dulu cukainya lebih tinggi daripada sekarang. Terima kasih.

**4. Tuan Nga Kor Ming [Taiping]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa jumlah hutang negara sebenar setakat April, 2015 dan apakah langkah kerajaan untuk mengurangkan ledakan hutang yang semakin menggunung.



**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Mac, 2015 ialah sebanyak RM596.8 bilion atau 52.1% daripada KDNK. Daripada jumlah berkenaan, 97% atau RM579.2 bilion adalah hutang domestik sementara bakinya RM17.6 bilion atau 3% merupakan pinjaman luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang.

■1100

Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan mikro ekonomi terus kukuh serta dapat memampkan sebarang krisis.

Selain daripada itu, bagi memastikan paras hutang adalah terkawal dan terurus, beberapa langkah kawalan berikut perlu dipatuhi iaitu:

- (i) memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai melalui hasil negara dan seterusnya memastikan sebahagian daripada hasil negara tersebut dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan; dan
- (ii) mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemah, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada *outcome* bagi mengelakkan pembaziran.
- (iii) pinjaman kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan; dan
- (iv) pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang.

Sekian terima kasih.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Meninjau jawapan daripada Timbalan Menteri, adalah fakta umum sejak Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dipecat dan dizalimi, negara Malaysia telah mengalami hutang negara kita semakin meningkat, tidak pernah menurun, dan defisit berpanjangan tiap-tiap tahun sepanjang 18 tahun. Adakah kerajaan bersedia untuk mengurangkan pemborosan dan pembaziran seperti pembelian jet peribadi baru untuk mengurangkan beban hutang negara?

Kedua, yang lebih penting di mana *international rating agency*, Fitch Ratings telah memberikan amaran di mana akan menurunkan *downgrade* Malaysia daripada A- mungkin kepada BBB+, di mana sekiranya perkara ini berlaku, rakyat akan menerima bahang daripada *downgrading* tersebut.

Saya hendak tanya kepada Menteri, sejak tahun lepas sehingga kini, nilai mata wang Ringgit Malaysia, prestasinya merupakan nilai mata wang yang paling teruk di benua Asia. Sejak tahun lepas, nilai ringgit telah susut nilai 18% jika dibandingkan dengan USD. Jika kita bagikan contoh Singapura, apabila Singapura dipaksa meninggalkan Malaysia, Ringgit Malaysia lebih hebat daripada *Singapore Dollar* di mana RM1 boleh tukar SGD1.20. Akan tetapi selepas 50 tahun, kini tepuk dada tanya selera, RM2.71 baru boleh tukar SGD1 di mana pelabur-pelabur sudah hilang keyakinan kepada pengurusan kewangan kerajaan.

Apakah yang sebenarnya berlaku kepada nilai mata wang ringgit kita? Kita simpan duit dalam bank dapat *fixed deposit* 3% tetapi di luar susut nilai 18%. Apakah sebenarnya telah terjadi kepada Ringgit Malaysia? Apakah rancangan kerajaan untuk menjaga kestabilan ringgit, nilai mata wang kita?

Sekian, terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Pertama, jet itu bukan jet peribadi, itu jet kerajaan. Maka saya harap Yang Berhormat betulkan fakta dahulu.

Kedua mengenai Fitch. Kenapa Yang Berhormat mesti menggunakan Fitch tetapi tidak mengatakan Moody's atau Standard and Poor's? Moody's telah mengatakan bahawa dari segi kredit rating kita adalah positif dan Standard and Poor's adalah mengatakan stabil. Maka kita tidak harus melihat satu sahaja. Akan tetapi, tentu dari segi kerajaan, kita sentiasa menambahbaikkan dari segi apa-apa perbelanjaan. Oleh itu kita melihat setiap tahun *Auditor General Report* dari dahulu setahun sekali, kini kita keluarkan tiga kali dan sekarang ini menunjukkan bahawa terdapat perubahan.

Ketiga, dari segi pengurangan atau boleh dikatakan nilai mata wang ringgit yang menurun. Itu disebabkan kerana harga minyak mentah telah menurun dari USD100 lebih hingga USD50 lebih dan baru-baru ini USD60 lebih. Akan tetapi kita dapat melihat terutamanya baru-baru ini apabila minyak mentah harganya menaik, nilai mata wang kita semakin kukuh. Dari 31 Mac 2015 hingga 13 Mei 2015, ia telah mengukuh sebanyak 3.1%. Kalau dibandingkan dengan Thai Baht, pada masa ini ia mengurang 3.5%, ia negatif 3.5%. Ini bermakna sangkut paut harga nilai mata wang ringgit dengan komoditi iaitu minyak mentah.

Juga, Amerika Syarikat kita tahu bahawa negara itu pada masa sekarang ekonomi mereka semakin pulih. Maka banyak boleh dikatakan pelabur melabur wang mereka ke dalam Amerika Syarikat. Ini menyebabkan nilai mata wang bukan sahaja Ringgit Malaysia tetapi di Asia pun dan juga di Australia dan sebagainya juga menghadapi penyusutan nilai mata wang.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga atas jawapan Menteri soal pengurangan hutang negara kita.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri soal keberkesanan penguatkuasaan supaya perbelanjaan kita dikurangkan. Kita melihat tiap tahun kita nampak perbelanjaan kita kian meningkat dan perbelanjaan kepada pembangunan pun meningkat. Yang ketara sekali adalah perbelanjaan pengurusan. Adakah keberkesanan penguatkuasaan kita terutama sekali SPRM untuk meninjau atau memantau penjawat-penjawat awam kita?

Baru-baru ini saya melihat tangkapan yang dibuat di negeri Sabah soal korupsi antara penjawat-penjawat awam kita. Jadi kalau kita melihat daripada Laporan Audit Negara kita itu ketara betul. Pembelian satu pen sampai tiga kali ganda harga dia daripada pembelian *direct* kepada pasar. Sama juga dengan pembayaran kerajaan terhadap pembayaran hotel-hotel pegawai-pegawai kerajaan. Kalau kita *booking hotel* secara internet, mungkin tujuh kali ganda yang pembayaran daripada pihak kerajaan.

Jadi adakah pihak kerajaan dapat memantau dan mengambil tindakan ke atas laporan-laporan audit itu? Apa keberkesanan dia, apa *performance* ketelusan, kebocoran semua wang perbelanjaan kita yang begitu meningkat pada setiap tahun? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Pertama dari segi peningkatan perbelanjaan mengurus. Kita melihat semenjak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memegang jawatan, setiap tahun defisit negara kita sebenarnya mengurang dari segi perbelanjaan defisit dari 6.7% bajet defisit kita telah menurun sehingga 3.5% untuk tahun lepas, dan tahun ini dijangka menurun sehingga 3.2%. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan sedang mengimbangkan, memastikan bahawa perbelanjaan adalah baik dan berhemah supaya terdapat kecukupan wang daripada pendapatan untuk digunakan dari segi pembangunan. Maka sekarang polisinya adalah sebarang pinjaman ini adalah digunakan khusus untuk pembangunan bagi memberi manfaat untuk jangka masa hadapan.

Kalau kita lihat dari segi isu korupsi, baru-baru ini kita mengetahui bahawa dari segi *transparency index*, dari segi tangga kita juga telah meningkat dari 53 kepada 50 daripada 175 buah negara. Ini jelas menunjukkan bahawa komitmen negara kita untuk memerangi dan juga membanteras rasuah.

Dari segi isu-isu yang dihadapi setiap kali dibentangkan dalam *Auditor General Report*, kita juga tahu bahawa KSN sekarang sendiri bersama-sama dengan, boleh dikatakan KSU-KSU berjumpa dengan pihak media untuk menjelaskan isu-isu dan langkah-langkah susulan yang diambil untuk memastikan isu-isu ini dapat dikurangkan dan akhirnya memberi keyakinan lebih ramai.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, boleh dapat soalan tambahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Bakri.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi satu peluang. Tadi saya dengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sini saya hendak tanya, mengapa negara jiran, negara Brunei mata wang dia tidak susut nilai walaupun harga minyak mentah jatuh kepada paras yang rendah tetapi mata wang negara Brunei setinggi sama dengan negara jiran kita, Singapura? Minta penjelasan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri memberi peluang.

■1110

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tambahan. Nombor satu, kalau kita lihat negara Brunei kenapa kita tidak lihat negara Russia di mana *rubber* telah menurun sebanyak 50%. Nombor satu. Nombor dua itu kerana Brunei dia *pack* dengan nilai mata wang Singapura. Terima kasih Yang Berhormat.

**5. Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kerajaan akan mengkaji cadangan untuk mewujudkan zon keselamatan di sepanjang perbatasan Malaysia-Thailand seperti yang telah dilaksanakan di Zon Timur Sabah sebelum keadaan melarat ke tahap yang mendesak untuk bertindak sedemikian.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, selamat datang dan kita mengalu-alukan penyertaan Yang Berhormat Rompin dan juga Yang Berhormat Permatang Pauh sebagai anggota Dewan Rakyat. Buah delima, saya jawab soalan nombor lima.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya terdapat 16 buah hingga 22 buah agensi pelaksana yang menjalankan tugas dalam kawalan sempadan negara di bawah kuasa-kuasa yang telah diperuntukkan oleh undang-undang yang sedia ada. Kerjasama erat di antara semua agensi terlibat dan penyelarasan di bawah jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan telah memberikan impak yang positif dalam pengawalan sempadan negara.

Malaysia juga mempunyai hubungan dua hala yang erat bersama dengan Kerajaan Thailand dan pengurusan sempadan negara. Perwujudan pelbagai jawatankuasa dua hala Malaysia-Thailand sejak sekian lama telah berjaya menyelesaikan banyak isu dan masalah persempadanan negara.

Melalui jawatankuasa tersebut, pelbagai program bersama telah dianjurkan dan dilihat telah berjaya mengharmonikan masyarakat di sempadan kedua-dua buah negara serta mewujudkan semangat setia kawan dan sikap saling hormat-menghormati di antara kedua-dua negara.

Dalam menilai situasi semasa, kerajaan melalui agensi-agensi keselamatan melihat tiada keperluan untuk mewujudkan zon keselamatan di sempadan Malaysia-Thailand secara khusus. Keadaan ini adalah berbeza dengan zon keselamatan di Pantai Timur Sabah yang diwujudkan berdasarkan kepada pelbagai isu keselamatan iaitu di antaranya pencerobohan di Lahad Datu. Muka bumi persempadanan di Utara Semenanjung Malaysia juga adalah berlainan dengan Pantai Timur Sabah di mana kawalan yang komprehensif dan

penggunaan aset secara bersepadu adalah diperlukan sebagaimana yang telah dan sedang dilakukan oleh ESSCOM sekarang.

Selain daripada itu, ancaman-ancaman di kawasan ESSZONE adalah berbeza dengan ancaman sempadan Malaysia-Thailand yang mana kedua-dua negara memahami dan saling bantu-membantu dalam menyelesaikan isu-isu secara bersama. Hubungan baik di antara Malaysia dan Thailand melalui pelbagai jawatankuasa telah dibentuk serta keharmonian masyarakat di sempadan hasil daripada penganjuran pelbagai program telah mewujudkan sikap toleransi dan saling kerjasama di antara kedua-dua pihak untuk menyelesaikan sebarang isu keselamatan.

Walau bagaimanapun, setiap aspek keselamatan dan kedaulatan sentiasa diberi keutamaan yang tinggi dan agensi keselamatan berkaitan sentiasa siap siaga dan bertindak mengikut keperluan keselamatan semasa. Terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Malaysia disasarkan sebagai negara destinasi bagi kes penyeludupan migran menerusi Thailand yang bertindak sebagai negara transit bagi kegiatan di mana PATI, termasuk saya juga difahamkan etnik Rohingya juga sanggup bersekongkol dan membayar kepada sindiket jenayah untuk diseludupkan masuk ke Malaysia melalui Thailand. Saya juga difahamkan wujud khabar angin baru-baru ini terdapat kem perkampungan dan juga kubur PATI etnik Rohingya di sempadan Malaysia dan Thailand.

Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah perkembangan proses rundingan antara Thailand dan juga Malaysia dalam pengurusan sempadan Malaysia-Thailand melalui konsep dengan izin, *core management* khususnya dalam konteks keselamatan sempadan termasuk membendung aktiviti jenayah penyeludupan migran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengurusan sempadan, kita ada pelbagai jawatankuasa yang telah dibentuk. Pertama sekali, kita ada General Border Committee Malaysia-Thailand. Ini dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Perdana Menteri Thailand. Kita ada High Level Committee Malaysia-Thailand dipengerusikan oleh Panglima Angkatan Tentera dan juga Thailand, Regional Border Committee Malaysia-Thailand dan seterusnya. Jadi, jawatankuasa yang ada memadai untuk menyelesaikan masalah hubungan kita dengan Thailand.

Berhubung dengan apa yang berlaku baru-baru ini Yang Berhormat, ini ialah masalah antarabangsa di mana orang yang ingin keluar daripada negara masing-masing mencari negara sama ada negara transit ataupun menganggap bahawa negara tersebut adalah destinasi mereka. Jadi apa yang berlaku sekarang ini dengan orang-orang Rohingya, kita kena bertanya sama ada mereka belayar dari Myanmar yang akan mengambil masa 12 hari kalau ikut bot yang mereka pakai ataupun mereka belayar daripada negara jiran. Kalau ikut apa yang kita lihat, pergerakan yang begitu cepat mereka belayar daripada negara jiran. Apa yang menjadi masalah kepada kita, semasa mereka belayar dalam keadaan kapal yang daif, yang paling laju pun, 7 knot mereka sedang ditunda oleh pihak negara jiran.

Jadi, apakah Malaysia yang sedang menunggu, kapal kita pun menunggu di sempadan, jadi orang datang hantar dekat kita. Kita hendak terima begitu sahaja? Akan tetapi kita ialah orang yang cukup berperikemanusiaan. Siapa sahaja yang sampai kepada kita, kita akan beri makanan, minuman, minyak dan juga memperbaiki kapal. Itu prinsip kita. Akan tetapi kalau berlaku kecemasan, kita akan selamatkan mereka dan sudah pasti apabila kita selamatkan mereka, kita akan bawa mereka ke sini. Itu ialah berhubung dengan Rohingya supaya orang faham bahawa Malaysia sekarang sedang menampung 45,000 orang Rohingya yang ada kad UNHCR ini, sudah berada di sini 45,000 orang. Kalau termasuk semua *refugees*, kita ada 152,000 orang.

Jadi negara-negara lain bercakap-cakap mengatakan Malaysia tidak berperikemanusiaan, tetapi seorang pun tidak ambil orang-orang Myanmar. Mereka hanya

bercakap tidak berperikemanusiaan, tidak ambil UNHCR yang sepatutnya uruskan mereka pergi ke negara ketiga, sudah berbelas tahun mereka di sini, baru berapa orang sahaja yang telah dapat dipindahkan ke negara ketiga. Kebanyakannya sudah melihat Malaysia sebagai destinasi. Apa-apa yang kita buat sekarang ini akan mengundang kepada pembukaan *floodgate* dengan izin, kepada yang ada ratusan ribu yang menunggu untuk datang bukan sebagai negara transit, tetapi sebagai negara destinasi sebenarnya.

Jadi itu ialah yang kedua berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat, sebab pertanyaan agak banyak. Persoalan sama ada kita terjumpa kubur atau kem dan sebagainya, buat masa ini ia akan dijawab oleh Kementerian Dalam Negeri. Ini kerana apa pun tuduhan yang dibuat, kita akan siasat. Akan tetapi pada keseluruhannya, apa yang media antarabangsa sebut sering kali orang-orang tempatan, media rasmi dan tidak rasmi mengulanginya berkali-kali seolah-olah dilihat Malaysia tidak berperikemanusiaan.

Tambah orang-orang yang macam saya, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, melihat orang-orang yang menghadapi masalah, sudah pasti hati kita cukup berat untuk menolak mereka. Kita tidak tolak, kita bagi segala kemudahan. Akan tetapi yang kadang-kadang kita kecil hati melihat negara jiran sanggup tunda bot bawa dekat kita. Orang yang dalam bot itu bukan orang Rohingya.

Contohnya baru-baru ini daripada yang datang itu, kita lihat lebih daripada separuh orang Rohingya tetapi sebahagiannya orang Bangladesh dan ada juga orang yang tidak dikenali. Maksudnya, kemungkinan semasa operasi yang dibuat oleh negara jiran itu, dimasukkan semua orang yang dijumpai ke dalam bot dan datang ke sini termasuk orang yang menyeludup orang pun masuk dalam bot sekali. Bermakna dalam itu ada orang miskin, ada jutawan jugalah yang masuk dalam bot sebab mereka terlibat dengan kes-kes penyeludupan manusia dan sebagainya.

#### ■1120

Malaysia sekarang ini sedang menanggung beban kepada masalah kehadiran migran seperti Rohingya dan juga lain-lain pendatang daripada pelbagai negara termasuk daripada negara Afrika dan juga negara Eropah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seronok tengok Tuan Yang di-Pertua ada tadi. Saya ingat kalau mari sudah tidak jumpa Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanya dulu soalan sama ada saya seronok atau tidak.  
[Ketawa]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak dapatkan penjelasan sebab Yang Berhormat kata tadi ada juga pihak yang mengambil kesempatan daripada isu ini untuk proses pemerdagangan manusia. Baru-baru ini dilaporkan oleh berita di televisyen ada dua orang dikatakan bekas ahli politik Malaysia yang terlepas daripada serbuan itu daripada ditahan oleh pihak berkuasa dan pihak berkuasa dikatakan masih dalam penyiasatan iaitu ke atas dua orang bekas ahli politik Malaysia yang dikatakan terlibat dalam projek pemerdagangan manusia. Jadi saya hendak dapatkan penjelasan sejauh mana hasil siasatan tersebut dan apakah kerajaan telah mengenal pasti bekas ahli politik Malaysia dan apakah boleh diumumkan di dalam Dewan yang mulia ini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga seperti Yang Berhormat Pokok Sena sebenarnya bergembira dengan Tuan Yang di-Pertua berada di sini dan sama ada Tuan Yang di-Pertua gembira atau tidak itu nombor dua. Ini kerana tugas Tuan Yang di-Pertua sebagai Speaker nombor satu adalah bagi kami gembira. Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak gembira, maka bersujudlah di tikar sembahyang.

Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat ini agak besar sebab ia melibatkan nama-nama yang harus disebut dan sebagainya. Sudah pasti bila Yang Berhormat berbahas nanti, selepas perbahasan Rancangan Malaysia Ke-11 nanti, Yang Berhormat boleh menyebut perkara ini dan Kementerian Dalam Negeri akan menjawabnya dengan sebaik mungkin sebab semua perkara yang Yang Berhormat telah sebutkan itu, siasatan sedang dibuat termasuklah seorang Ahli Parlimen tidak dibenarkan untuk melawat ke satu kawasan kerana satu operasi sedang berjalan. Bila operasi berjalan, sudah pasti tentera, polis dan semua itu ada senjata. Jadi kita hendak pergi melawat seperti biasa itu tidak dapat dibenarkan lagi kerana operasi sedang berjalan.

Jadi jawapan Yang Berhormat ini saya tidak mahu jawab secara bertulis tetapi saya minta Yang Berhormat untuk bincangkan dalam perbahasan nanti supaya dijawab oleh Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila. Yang Berhormat ini jarang-jarang tanya tetapi tidak apa. Soal keselamatan. Sila.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya anggap apa yang telah dihuraikan mengenai dengan penyambutan negara Malaysia terhadap pendatang-pendatang tanpa izin yang baru berlaku iaitu dengan kumpulan Rohingya dan juga Bangladesh. Nampaknya apa yang telah digambarkan di sini ialah dalam perkara ini, negara Malaysia terbuka untuk menerima kedatangan orang-orang yang tanpa ada dokumen ini. Saya keliru sedikit. Adakah Kerajaan Malaysia sekarang ini sudah menetapkan bahawa ia bukan lagi menjadi negara transit tetapi negara destinasi dan negara Malaysia menerima dengan secara terbuka atas nama perikemanusiaan.

Bukankah ini bertentangan dengan peraturan dan undang-undang kita atas nama mempertahankan kedaulatan negara, di mana kita tidak membenarkan orang-orang tanpa izin masuk secara senyap-senyap mahupun terbuka. Kalau itu berlaku, bererti kita akan membuka negara Malaysia secara terbuka sebagai destinasi bukan sahaja daripada negara Thailand ataupun negara jiran tetapi seluruh dunia pun. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan dari Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia terbuka untuk pelancong-pelancong yang ada pasport untuk datang ke negara ini. Itu yang terbuka. Yang tidak ada pasport, tidak boleh hadir. Siapa sahaja tidak boleh hadir ke negara ini tanpa pasport. Makna kata dia mesti datang untuk jadi pelancong, tidak ada masalah. Kemudian, urusan-urusan lain ialah berhubung dengan permit kerja dan sebagainya. Itu ialah melalui proses biasa yang diuruskan oleh imigresen dan juga lain-lain lagi.

Malaysia pegang prinsip bahawa tidak menerima sesiapa yang tidak ada dokumen, tidak ada pasport bagi mudahnya untuk datang ke negara ini. Berhubung dengan Rohingya dan Bangladesh yang datang baru-baru ini, sudah pasti apa pun teori, mereka ini mesti datang bukan daripada negara asal. Kalau negara asal, tidak mungkin bot itu datang ambil orang Bangladesh, selepas itu datang ambil orang Rohingya, selepas itu berlayar ke sini. Itu tidak mungkin. Dia mesti datang di negara jiran dan mereka ini telah dikejar, mungkin diburu ramai-ramai. Maka dimasukkanlah ke dalam bot dan selepas itu ditunda keluar ke perairan antarabangsa. Akan tetapi mungkin dalam keadaan tertentu, dalam kealpaan dan sebagainya, mungkin mereka masuk ke negara kita.

Kumpulan yang pertama yang kita terima itu sudah pun kita jumpa sudah berada di sini. Di kawasan Malaysia dan hasil maklumat orang ramai, kita telah bawa mereka ke Belating pada masa ini.

Yang Berhormat, yang saya sebutkan tadi, kalau sekiranya bot tersebut datang ke negara kita, kita tidak akan benarkan mereka masuk. Kita kena ingat itu. Itu prinsip yang pertama. Tidak akan benarkan masuk tetapi kalau mereka ada masalah dari segi makanan, kita bagi. Makanan seperti beras. Akan tetapi kadang-kadang dia bermasalah kerana beras mungkin mereka tidak dapat masak kalau tempat itu terlampau sesak. Kita bagi makanan yang boleh mereka makan dan juga minuman. Kalau sekiranya mereka tidak cukup minyak, kita bagi minyak lagi tetapi berlayarlah ke tempat lain. Ke perairan antarabangsa dan sebagainya tetapi kita tahu bila kita berada di sempadan sana, kita nampak bahawa banyak daripada bot ini yang jalan cukup perlahan ditunda oleh bot keselamatan negara yang berkenaan. Jadi itu kita tidak puas hati.

Walau bagaimanapun, kita tidak boleh buat apa-apa sebab itu dalam kawasan negara mereka. Akan tetapi bila mari kepada kita, ini dia keputusan kita. Bahawa kita tidak menerima mereka begitu sahaja kerana mereka pelarian. Kita tidak berbuat demikian. Kita akan bagi pertolongan kemanusiaan di laut sana dan bukan di darat. Selepas itu mereka akan pergi ke perairan antarabangsa ataupun ke negara mana yang mereka hendak pergi. Akan tetapi bukan Malaysia. Itu nombor satu.

Akan tetapi kalau berlaku kecemasan semasa mereka berada di perairan, di sempadan di sana, berlaku kecemasan, sudah pasti Malaysia akan memberi pertolongan dan kita akan menyelamatkan mereka. Kalau macam cerita dulu, berlakulah di beberapa tempat di negara di dunia ini bot mereka berlubang, air masuk, jadi kita menyelamatkan. Akan tetapi Malaysia pegang prinsip bahawa bukan kita buka negara ini untuk orang masuk dengan begitu sahaja kerana itu bukan polisi kita dan tidak benar kalau mengatakan bahawa...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Malaysia menerima orang asing dengan begitu mudah dan sebagainya. Tidak.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** [Bangun]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kita mengikut peraturan dan mereka yang ditangkap akan dimasukkan ke kem latihan dan akan dibicarakan. Selepas itu akan dihantar balik ke negara asal mereka. Akan tetapi kes Rohingya, tiada masalah sebab mereka tidak ada dokumen dan negara asal mereka tidak mengiktiraf keasalan mereka.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah cukup tiga soalan tambahan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bagi satu minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi saya tidak akan boleh untuk...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita tidak ada masa untuk soalan baru. Kita bagi soalan tambahan. Satu minit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi yang bertanyakan, Yang Berhormat Kuala Selangor, selepas itu Yang Berhormat Pokok Sena, selepas itu Keningau. Tiga yang bertanya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ini isu penting.

**Seorang Ahli:** Semua pentinglah!

**6. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah langkah kerajaan untuk memupuk sikap bencikan rasuah di kalangan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi di Malaysia; dan
- (b) bilakah kerajaan akan melantik Ketua Pesuruhjaya SPRM mengikut Perlembagaan Persekutuan seperti pelantikan hakim-hakim, Peguam Negara dan Ketua Audit Negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari bahawa soal pendidikan anti rasuah adalah perkara penting dalam usaha untuk kita menolak budaya amalan rasuah di kalangan rakyat dan ia haruslah dibentuk dari zaman persekolahan bagi melahirkan generasi yang berintegriti di masa hadapan sebagaimana pepatah Melayu ada mengatakan, '*melentur buluh biarlah dari rebungnya*'.

■1130

Oleh itu, berbagai-bagai program telah dilaksanakan di peringkat sekolah. Antaranya ialah Kempen Wira Anti Rasuah di mana kempen merupakan satu inisiatif baru SPRM dalam mendekati masyarakat dan pelajar sekolah. Pendekatan ini menjadi lebih strategik kerana ia menyasarkan guru dan pelajar sekolah rendah. Ia merupakan langkah yang amat penting kerana berdasarkan Kajian Persepsi Keberkesanan Tindakan SPRM 2014 komuniti Cina mempunyai tahap keyakinan paling rendah terhadap SPRM. Pada tahun 2015, memandangkan kempen ini telah memberi impak positif dalam usaha pencegahan rasuah di peringkat pelajar sekolah maka Kempen Wira Anti Rasuah telah diperluaskan kepada semua jenis sekolah kebangsaan di Malaysia.

Kedua, kurikulum pencegahan rasuah sedang disusun semula bagi kegunaan sekolah rendah dan menengah di bawah Program Pembangunan Modul dengan kerjasama Institut Aminuddin Baki. Kemudian, ceramah kesedaran diteruskan untuk pelajar dan guru

sekolah-sekolah di samping ceramah ketika lawatan pelajar ke SPRM di ibu pejabat negeri atau ibu pejabat di Kuala Lumpur.

Kempen Maskot Ejen Lang turut digunakan bagi menarik minat pelajar memahami peri penting memerangi rasuah khususnya di sekolah-sekolah rendah dan yang terakhir pendidikan SPRM kepada golongan muda turut dilaksanakan melalui media massa. Antaranya melalui animasi popular *Upin dan Ipin* di mana sebanyak tiga episod dihasilkan dan telah ditayangkan di TV9 pada 5.30 petang, di mana tiga siri *Upin Ipin Perangi Rasuah* turut dimuat naik di *YouTube* dan telah ditonton oleh jutaan orang sehingga kini.

Manakala di peringkat pengajian tinggi pula, pelaksanaan Program Anti Rasuah dilaksanakan melalui penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah. Sehingga kini Sekretariat Pencegahan Rasuah telah diwujudkan di semua universiti awam dan swasta, Institut Pendidikan Guru dan Institut Pendidikan MARA.

Bagi menjawab soalan (b), untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan masih mengadakan beberapa siri *engagement* dengan izin, dengan parti-parti politik bagi mendapatkan maklum balas dan sokongan sebelum ia dibentangkan di Parlimen ini. Siri *engagement* ini masih berterusan bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas dari pihak yang berkepentingan supaya apabila dibentangkan kelak ia akan mendapat sokongan 2/3 sekurang-kurangnya daripada Ahli-ahli Parlimen. Oleh itu, belum ada tarikh muktamad yang dapat ditentukan bilakah pindaan perlembagaan ini akan dibentangkan. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang ringkas. Pada tahun 2000, satu kajian telah dibuat oleh Universiti Kebangsaan Malaysia yang bernama kajian persepsi rasuah di kalangan mahasiswa universiti menggunakan kaedah pendidikan dan juga kaedah psikologi. *Finding* ataupun dapatan daripada kajian ini adalah 35% daripada responden mengakui mereka akan mengambil rasuah atau boleh mengambil rasuah apabila menjadi pegawai kerajaan. Ini satu dapatan yang amat membimbangkan. Lima tahun kemudian, kajian susulan dibuat, *finding* nya sama. Soalan saya keadaan sekarang ini bagaimana?

Kedua, bilakah kerajaan akan mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan SPRM di Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada *detail* tentang peratusan perbandingan di antara kajian UKM tahun 2000 hingga 2005 dan sekarang. Maknanya sudah 10 tahun. Satu soalan yang baik. Sebagai *indicator* atau indikasi kepada SPRM bagi melihat keberkesanan program pendidikan kepada pelajar dan institusi pengajian tinggi. Saya mengharapkan ada pengurangan daripada jumlah tersebut. Baru dapat.

Sebanyak 15% daripada jumlah pelajar yang kita buat menyatakan kesanggupan menerima rasuah dalam mempercepatkan urusan. Maknanya daripada 35% kurang kepada 15%. Seramai 23.7% menyatakan kesanggupan memberi rasuah untuk tidak diambil tindakan sekiranya mereka terlibat dalam satu jenayah, 30.5% menyatakan kesanggupan mereka untuk menyalahgunakan kuasa sekiranya mereka mempunyai kuasa ataupun pangkat. Ini adalah statistik yang dibuat pada tahun 2002. Lebih tepatlah, maknanya bukan sekarang. Maafkan saya, ini bukan sekarang, ini tahun 2002. Maknanya masih lagi benda yang sama tetapi lebih tepat berbanding apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Bharu yang juga merupakan ahli dalam JKMR.

Namun begitu, bagi perkara keberkesanan ini saya akan berjumpa dengan Yang Berhormat untuk mencari jika ada kajian terkini tentang berapakah peratusan terbaru bagi kita melihat, menilai sama ada keberkesanan pendidikan yang kita jayakan ini telah mencapai matlamat ataupun tidak.

Keduanya dari segi jawatankuasa atau suruhanjaya yang dinyatakan, ia akan dilakukan bersekali terhadap perjawatan pesuruhjaya SPRM yang bakal kita kemukakan kelak. Maknanya masih sama dengan jawapan asal saya tadi. *Engagement* yang telah kita buat kita telah selesai dengan Parti Barisan Nasional, Parti PAS dan DAP, kita sedang mencari masa untuk berjumpa. Sekarang ini sudah ada Ketua Pembangkang yang baru,



kita boleh mengadakan *engagement* dengan parti PKR. *Insyallah* selepas selesai semuanya ini kita akan muktamadkan apakah penemuan kita dan kita akan kemukakan kepada Dewan setelah kita bersedia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mekanisme yang akan digunakan oleh kerajaan bagi memastikan rakyat terutama di kawasan luar bandar lebih bersedia dan memahami aspirasi kerajaan dan kepentingan pembentukan Komuniti ASEAN yang dijangka akan bermula pada akhir tahun ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Parit Sulong ada bertanyakan tentang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa Yang Berhormat, jangan tengok masa itu Yang Berhormat. Ini sebagai makluman. Pagi tadi kita ada upacara angkat sumpah lebih kurang 10 minit. Jadi, menurut Peraturan Mesyuarat 24(5) sesi mulai bertanya itu berakhir selepas 11.30. Jadi, apabila saya mengambil kira itu maka ada masa lagi. Sila Yang Berhormat. Jangan panik Yang Berhormat, saya tahu masa.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih. [Ketawa] Saya ingatkan mungkin sudah tamat jadi saya tidak bersedia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sebab Ahli Yang Berhormat mahu saya duduk di atas sini. [Dewan riuh] Sila.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Sulong atas soalan yang dikemukakan. Pembentukan Komuniti ASEAN merupakan pembentukan yang terdiri daripada tiga tonggak komuniti iaitu Komuniti Politik Keselamatan, Komuniti Ekonomi, Komuniti Sosial Budaya yang bertujuan untuk memastikan keamanan, kestabilan dan kemakmuran bagi semua rakyat negara ASEAN. Kementerian Luar Negeri telah banyak menganjurkan program serantau bertujuan untuk mempromosikan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN dan juga Komuniti ASEAN kepada semua golongan masyarakat. Penyebaran dan promosi ASEAN dilakukan melalui media elektronik dan media cetak seperti televisyen, radio dan surat khabar serta pameran bergerak.

Antara-antara program serantau yang telah dilaksanakan adalah Pertandingan Logo ASEAN, temu bual dengan pegawai-pegawai kanan kementerian melalui siaran radio dan televisyen, program kesedaran yang disiarkan televisyen dan radio serta syarahan umum kepada pelajar-pelajar universiti dan pegawai-pegawai kerajaan. Tambahan juga dalam masa yang terdekat kementerian telah merancang untuk mengadakan beberapa program serantau ASEAN yang melibatkan pemimpin-pemimpin tempatan termasuklah ketua-ketua kampung bagi menerangkan faedah dan kepentingan ASEAN kepada rakyat.

Usaha-usaha untuk memberi penerangan mengenai Komuniti ASEAN akan melibatkan kerjasama pelbagai kementerian yang berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi memberi fokus kepada golongan tertentu seperti golongan nelayan, kaum wanita dan lain-lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Timbalan Menteri yang menjawab soalan nombor tujuh tadi. Jadi, selain daripada insentif untuk proses integrasi dalam ASEAN ini adakah pihak kementerian bercadang untuk memperbanyakkan *people-to-people* program dengan izin, dengan dikembangkan di kalangan Komuniti ASEAN bagi tujuan untuk mengurangkan jurang dari segi pembangunan ekonomi, sosial dan infrastruktur antara negara anggota ASEAN. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah dia yang kita buat sekarang. Tema kita pun adalah "*People-centred ASEAN*". Maka, sudah tentu apa yang kita buat sekarang adalah untuk melihat supaya semua masyarakat dapat mengetahui apakah dia kepentingan? Apakah dia perkara-perkara yang boleh diambil oleh masyarakat keseluruhannya sama ada di bandar atau pun di luar bandar?

Kita juga sedang mencari satu kaedah di mana semua masalah perbezaan jurang pembangunan di antara semua negara itu akan dapat kita menanganinya melalui

bermacam-macam program seperti *human resource development*, *capacity building* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *enhance infrastructure*. Kita juga buat *communicating* dari segi *connectivity* di antara semua dengan negara yang ada.

■1140

Ini adalah kerana kita hendak melihat akhirnya apa yang kita buat juga dapat menjadikan ASEAN ini sebagai sebuah *regional* atau kawasan *single market*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua kerana kepentingannya adalah untuk melihat ASEAN ini menjadi salah sebuah ekonomi bagi kepentingan ekonomi dunia yang sekarang ini melihat ASEAN sebagai sebuah kawasan *opportunity* untuk membangunkan ekonomi dunia pada waktu sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Pada 15 Mei yang lalu, saya telah mengemukakan satu usul di bawah Perkara 18(1) dan (2) berkaitan dengan isu pembelian tanah di Tun Razak Exchange oleh Lembaga Tabung Haji. Saya menganggap isu ini sangat penting, isu besar yang menyentuh institusi kewangan umat Islam yang mempunyai dana RM56 bilion dan sudah pun berusia hampir 50 tahun yang diasaskan oleh semangat untuk meningkatkan ekonomi bakal-bakal haji umat Islam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Usul Yang Berhormat sudah saya terima...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, saya hendak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan saya telah memberikan respons kepada Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak sebut seperti mana Tuan Yang di-Pertua meluahkan kekecewaan kepada Tun Mahathir sebagai mentor Tuan Yang di-Pertua atas perbincangan yang remeh-temeh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tiada sebut saya kecewa, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, ya, atas isu yang remeh-temeh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seperti beginilah Yang Berhormat saya kecewa, seperti beginilah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, ya. Akan tetapi bagi saya bahawa isu Tabung Haji ini bukan satu isu yang remeh-temeh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dahulu. Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi saya juga hendak merakamkan rasa kecewa saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apabila usul ini ditolak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dahulu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Seperti mana Tuan Yang di-Pertua meluahkan rasa kecewa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya pun meluahkan rasa kecewa apabila usul saya ditolak sebab isu ini isu yang sangat besar, yang memerlukan pendirian Parlimen melindungi Tabung Haji itu sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat membantu saya untuk memperjelaskan lagi kekecewaan saya. Peraturan Mesyuarat 18(1) adalah dikhususkan kepada perkara yang perlu disegerakan selain daripada kepentingan awam dan spesifik. Dalam soal ini, saya tidak mengatakan bahawa usul Yang Berhormat itu tidak penting. Penting, Yang Berhormat. Akan tetapi, dalam soal ini Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat menimbulkan usul itu, tindakan telah pun diambil oleh kerajaan dan pihak Lembaga Tabung Haji iaitu menjual tanah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu. Jadi, apabila tindakan sudah diambil, apa lagi isu yang hendak dibincangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) ini? Pertama.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat.

Kedua, Rancangan Malaysia Kesebelas akan dibentangkan beberapa hari lagi. Ada lagi perbincangan di situ yang boleh Yang Berhormat bercakap dalam satu jam mengenai dengan Lembaga Tabung Haji. Saya akan benarkan Yang Berhormat. Jadi tidak nampak kesegeraan. Kekecewaan saya antara lain ialah apabila peraturan mesyuarat yang tidak bertepatan itu digunakan sering kali. Apa yang saya kata tidak tepat pun, Yang Berhormat kata tepat. Apabila sudah saya menulis surat begitu Yang Berhormat, maka itulah pemikiran saya. Jadi, jangan kecewa. Selepas pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas – kerja ini Yang Berhormat dalam...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua berkata bahawa saya boleh bercakap satu jam ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Beberapa jam sahaja Yang Berhormat hendak ketika itu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya minta komitmen daripada Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak, saya lagi kecewalah Tuan Yang di-Pertua. Usul saya tidak mahu bentang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berhenti Yang Berhormat. Begini Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat mahu bercakap satu jam, kalau ada Ketua Pembangkang tidak mahu bercakap dan memberikan laluan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat pembahas pertama, beberapa pun boleh. Boleh Yang Berhormat begitu? Sila setiausaha.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia ini Tuan Yang di-Pertua memang suka melawan ketua dia. Bukan dia hormat pun dia punya presiden.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila setiausaha. *[Ketawa]*

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN  
(PINDAAN) 2015**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.45 pg.**

**Datuk Chua Tee Yong [Timbalan Menteri Kewangan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015 untuk meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Chua Tee Yong [Timbalan Menteri Kewangan]:** Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Pasaran Modal 2 (CMP2) telah menggariskan strategi-strategi utama untuk memastikan perkembangan pesat sektor pasaran modal Malaysia di samping mewujudkan satu rangka kerja pengawalseliaan pasaran modal yang lebih kukuh dan teguh. Strategi-strategi yang telah digariskan di dalam Pelan Induk Pasaran Modal 2 juga adalah selaras dengan cadangan-cadangan yang telah diputuskan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan juga Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi meletakkan negara sebagai pesaing utama ekonomi di persada antarabangsa dan memastikan negara berada pada landasan yang betul bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Justeru, pihak Suruhanjaya Sekuriti bercadang untuk meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi memastikan undang-undang sekuriti di Malaysia kekal moden dan konsisten dengan perubahan pasaran modal global dan di Malaysia. Secara keseluruhannya, Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015 akan:

- (i) memperkenalkan suatu rangka kerja pengawalseliaan undang-undang baru bagi penjanaan dana masyarakat melalui ekuiti-ekuiti *crowdfunding*, dengan izin seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;
- (ii) mengiktiraf Malaysia sebagai negara mesra penghasilan bersih *netting-friendly jurisdiction*, dengan izin;
- (iii) membolehkan Suruhanjaya Sekuriti untuk melantik pengurus berkanun untuk tujuan pengurusan krisis bagi pasaran dan institusi-institusi pasaran modal;
- (iv) mengukuhkan perlindungan pemegang saham minoriti berkaitan pengambilalihan dan percantuman;
- (v) mengukuhkan perlindungan pelabur daripada segi integriti penzahiran maklumat; dan,
- (vi) membuat pindaan kecil dan berbangkit kepada akta sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 2007, peserta-peserta pasaran di peringkat global telah menggabungkan penggunaan teknologi dalam urusan perniagaan mereka bagi perkhidmatan kepada para pelabur di samping memanjangkan masa perdagangan serta pelaksanaan transaksi bagi harga yang lebih rendah. Selepas krisis kewangan global, pelbagai sistem perdagangan, *trading system* alternatif telah muncul untuk mengisi jurang

penjanaan dana akibat sekatan modal yang telah dikenakan institusi-institusi perbankan oleh badan piawaian global.

Di Malaysia juga, usahawan kecil sederhana dan syarikat yang baru juga turut mencari saluran alternatif untuk menjana dana atau meningkatkan modal untuk memenuhi keperluan meningkatkan modal mereka, sekali gus menangani jurang pembiayaan dan bekalan modal jangka masa panjang pada masa ini. Untuk membantu usahawan kecil sederhana dan syarikat yang baru dalam hal ini, RUU bercadang untuk memperkenalkan sub penggal 4, penggal 2, Bahagian II yang baru dalam akta sedia ada. Rangka kerja pasaran diiktiraf, *recognized market* yang baru ini membolehkan penubuhan platform perdagangan saham dan *derivative* yang baru yang memudahkan penjanaan dana masyarakat melalui ekuiti *crowdfunding* oleh usahawan kecil sederhana atau baru bermula untuk memperoleh modal melalui pelaburan kecil ekuiti daripada sejumlah besar pelabur.

Proses ini yang juga dikenali sebagai ekuiti *crowdfunding* akan dilakukan melalui penggunaan platform atas talian bagi mempromosikan dan memudahkan tawaran usahawan tersebut diakses oleh khalayak pelabur dengan cara yang lebih efisien, terurus dan telus. Memandangkan pelaburan dalam syarikat perusahaan kecil atau baru bermula ini membawa risiko tersendiri seperti risiko kecairan syarikat, *liquidity risk* serta kemungkinan projek yang ingin dimajukan daripada dana pelabur gagal, Suruhanjaya Sekuriti akan mewujudkan satu rangka kerja penyelarasan terhadap pengendali pasaran diiktiraf tersebut untuk memastikan pertumbuhan industri ini tidak akan menjejaskan kerangka perlindungan pelabur sedia ada. Ciri-ciri utama bagi rangka pasaran diiktiraf adalah seperti berikut:

- (i) pengendali sesebuah pasaran diiktiraf hendaklah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti;

#### ■1150

- (ii) memperuntukkan kuasa Suruhanjaya Sekuriti untuk mengenakan terma dan syarat, mengeluarkan arahan dan menyemak status dan mengubah status pasaran diiktiraf itu kepada pasaran diluluskan, *approve exchange* sekiranya risiko pasaran itu meningkat daripada taraf risiko sistemik; dan
- (iii) memperuntukkan perlindungan kepada syarikat-syarikat persendirian atau *private company* yang menawarkan saham mereka di bawah rangka kerja ini dapat didakwa bagi pelanggaran Akta Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, semasa ucapan Bajet 2014 kerajaan telah mengumumkan bahawa suatu akta akan digubal bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara *netting friendly jurisdiction* berhubung kebolehuatkuasaan peruntukkan penghasilan bersih penamat atau *enforceability of close-out netting provision* dengan izin di bawah perjanjian-perjanjian kewangan. Justeru pada Disember tahun lalu, Akta Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan telah pun diperkenalkan.

Walau bagaimanapun Akta Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan adalah terhad kepada perjanjian *derivative* melalui kaunter, *over the counter derivative* dan perjanjian beli semula atau *repurchase agreement (Repo)*. Justeru, untuk melengkapkan rangka kerja negara berkaitan kebolehuatkuasaan peruntukan penghasilan bersih penamat, rang undang-undang bercadang untuk memperkenalkan subpenggal 7, penggal 2, Bahagian II yang baru bagi merangkumi kontrak pasaran yang didagangkan di bursa, pinjaman dan pemberian pinjaman *securities borrowing and lending* dan prosiding ingkar oleh bursa, *default proceedings* berkaitan kontrak pasaran bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan pilihan di kalangan negara-negara ASEAN.

Antara lain subpenggal 7, penggal 2, Bahagian II yang baru yang pertama, akan memberi jaminan undang-undang bahawa penghasilan bersih penamat bagi kontrak pasaran pinjaman dan pemberi pinjaman sekuriti dan prosiding ingkar oleh bursa berkaitan kontrak pasaran boleh dikuatkuasakan. Kedua, memastikan pihak-pihak berkuasa dapat melaksanakan resolusi kewangan secara teratur tanpa menjejaskan penguatkuasaan penghasilan bersih penamat kontrak-kontrak pasaran modal.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Bahagian II Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan memperuntukkan kehendak bagi kelulusan dan kewajipan-kewajipan institusi-institusi pasaran modal. Institusi pasaran modal ini antara lain merujuk kepada

institusi pasaran modal diluluskan oleh Bursa Malaysia, pusat penjelasan diluluskan atau *clearing house* dan pengendali pasaran diiktiraf atau *recognized market operator*.

Walau bagaimanapun Bahagian II pada masa ini tidak mempunyai peruntukkan berkaitan pemulihan dan resolusi sesuatu institusi pasaran modal sekiranya berlaku krisis rangka kerja berkaitan pemulihan atau resolusi sesuatu institusi pasaran modal, ini adalah penting untuk memastikan bahawa pasaran modal negara beroperasi dengan baik sewaktu krisis supaya tidak menjejaskan perlindungan pelabur dan ekonomi negara. Mengambil kira hal di atas rang undang-undang akan meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan dan memperuntukkan satu rangka kerja yang khusus berkaitan penerusan operasi pemulihan atau resolusi bagi institusi-institusi pasaran modal dengan penggunaan subpenggal 5A penggal 2 Bahagian II yang baru bagi memperuntukkan:

- (i) kuasa Suruhanjaya Sekuriti untuk mengarahkan antara lain suatu pemindahan kawalan atau pemberian akses ke atas suatu perniagaan atau urusan sesebuah institusi pasaran kepada seseorang pengurus berkanun yang dilantik oleh Suruhanjaya Sekuriti sekiranya difikirkan perlu bagi kepentingan awam dan bagi perlindungan pelabur;
- (ii) kuasa Suruhanjaya Sekuriti dalam menyelia pengurus berkanun tersebut; dan
- (iii) satu kehendak bagi mana-mana orang untuk memberikan bantuan akses dan maklumat kepada pengurus berkanun itu dalam menjalankan fungsinya.

Peruntukan-peruntukan dan rangka kerja yang dicadangkan di atas juga terdapat di dalam rangka kerja undang-undang pasaran saham negara lain sejajar dengan saranan prinsip-prinsip bagi institusi pasaran kewangan oleh Organisasi Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (IOSCO). Selain itu, pihak Bank Negara Malaysia juga turut mempunyai peruntukan bagi melantik suatu institusi perantaraan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Subpenggal 5A yang baru ini juga akan memperuntukkan semua peruntukkan-peruntukkan am berkaitan institusi-institusi pasaran modal. Ini termasuklah memindahkan seksyen 32 dan seksyen 33 sedia ada ke dalam subpenggal 5A ini dan memperkenalkan seksyen 40G baru yang memperuntukkan kuasa untuk mengenakan suatu yuran tahunan yang perlu dibayar oleh institusi pasaran modal. Rang undang-undang juga akan meminda seksyen 27 bagi menjelaskan fungsi Suruhanjaya Sekuriti untuk memberi nasihat kepada Yang Berhormat Menteri sebelum Yang Berhormat Menteri membuat satu perintah bagi penutupan atau penggantungan sesuatu bursa saham dan bursa *derivative*.

Seksyen ini juga akan dipinda bagi memperuntukkan dengan jelas hal keadaan yang perlu dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Sekuriti sebelum memberikan nasihat kepada Yang Berhormat Menteri bagi tujuan tersebut. Selain itu, bagi memudahkan operasi serta memastikan sebaran maklumat mengenai penutupan atau pengantungan sesuatu bursa saham atau bursa *derivative* dapat dijalankan dengan pantas dan efisien. Rang undang-undang juga akan meminda subseksyen 30(7) bagi memperuntukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti boleh menyiarkan perintah penutupan atau penggantungan tersebut melalui akhbar harian nasional berbahasa kebangsaan dan satu akhbar harian nasional berbahasa Inggeris berbanding dengan keperluan untukewartakan perintah tersebut pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengukuhkan perlindungan kepada pemegang saham minoriti, peruntukan berkaitan pengambilalihan percantuman dan pengambilalihan paksa di bawah penggal 2 Bahagian VI, CMSA akan dipinda seperti yang berikut:

- (i) memperuntukkan bahawa kod Malaysia mengenai pengambilalihan dan percantuman akan diterbitkan untuk memperuntukkan prinsip-prinsip berkaitan pengambilalihan dan percantuman dan disokong oleh garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti;

- (ii) untuk menjelaskan jenis orang yang boleh dianggap bertindak bersama *person acting in concert*;
- (iii) untuk meluaskan peruntukan pengambilalihan paksa di bawah seksyen 222 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan untuk merangkumi sekuriti boleh tukar;
- (iv) bagi memberi kuasa kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk melantik penasihat bebas bagi penerima tawaran sekiranya penerima tawaran itu gagal untuk melantik penaksir bebas; dan
- (v) untuk menjelaskan dan menyelaraskan jenis-jenis tindakan pentadbiran yang boleh diambil oleh Suruhan Sekuriti jika terdapat sebarang ketidakpatuhan terhadap kehendak-kehendak di bawah penggal ini.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan fungsi Suruhanjaya Sekuriti bagi memastikan pelabur adalah dilindungi rang undang-undang akan meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan dengan memasukkan seksyen 59A yang baru bagi membolehkan pelabur mengambil tindakan terhadap seseorang orang berlesen bagi salah laku wakilnya. Seksyen 59A yang baru ini akan mendapatkan prinsip bahawa seseorang prinsipal sebagai contoh suatu syarikat broker saham adalah bertanggungjawab terhadap salah laku remisier nya kerana remisier tersebut adalah bertindak sebagai ejen kepada syarikat broker saham itu.

Bagi tujuan ini seksyen 59A ini memperuntukkan bahawa segala kontrak yang mengecualikan tanggungan syarikat broker saham bagi tingkah laku remisier nya adalah terbatal. Selain itu, bagi mengukuhkan integriti maklumat di dalam dokumen penzahiran yang diberikan kepada pelabur serta bagi memastikan pihak-pihak yang terlibat dalam penyediaan dan penzahiran maklumat tidak terlepas daripada tanggungjawab dan liabiliti masing-masing, rang undang-undang juga akan meminda seksyen 248, seksyen 257 dan seksyen 273 akta dan memperkenalkan seksyen 280A yang baru. Antara lain cadangan ini menghendaki pihak-pihak yang terlibat dalam penyediaan sesuatu dokumen penzahiran untuk memaklumkan kepada Suruhanjaya Sekuriti jika terdapat sebarang perubahan material berkaitan dokumen penzahiran itu dan juga membatalkan segala kontrak yang mengecualikan tanggungan pihak penerbit *issuer* bagi sebarang liabiliti.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga bercadang untuk membuat pindaan kecil dan berbangkit seperti berikut.

Fasal 3, fasal 16, fasal 35 dan fasal 44 akan meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan dengan memotong seksyen 89, seksyen 95, seksyen 298, seksyen 371 kerana ia adalah lewat, *redundant* memandangkan kehendak di bawah seksyen-seksyen ini adalah turut diperuntukkan di bawah seksyen-seksyen yang lain di bawah undang-undang sekuriti.

Fasal 15 akan meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan dengan memotong seksyen 94 untuk membenarkan pekerja syarikat broker saham untuk membeli sekuriti melalui seseorang pemegang lesen perkhidmatan pasaran modal yang lain dalam hal keadaan yang diperuntukkan di dalam garis panduan Suruhanjaya Sekuriti.

Fasal 14 dan 32 akan meminda seksyen 92A dan seksyen 256ZP bagi mengadakan peruntukkan pembelaan usaha yang wajar, *due diligence defense* kepada orang yang telah melanggar seksyen-seksyen ini sejajar dengan seksyen 215 akta sedia ada.

Fasal 17 akan memperkenalkan seksyen 139ZS yang baru bagi membolehkan anggota skim persaraan swasta menamakan mana-mana orang lain untuk menerima apa-apa bayaran selepas kematian.

Fasal 18 akan meminda seksyen 160 bagi memperuntukkan bahawa caruman kepada dana pampasan pasaran modal boleh dipulangkan dalam hal-hal keadaan tertentu.

## ■1200

Fasal 19 akan meminda seksyen 201 untuk meluaskan kesalahan di bawah seksyen ini untuk merangkumi pemberi tip dalam kes perdagangan orang dalam, *insider trading*, dengan izin.

Fasal 31 akan meminda seksyen 256zo bagi melanjutkan tempoh serah simpan kepada Suruhanjaya Sekuriti Laporan Tahunan Pemegang Amanah dari dua bulan kepada empat bulan selepas berakhirnya tahun kewangan.

Fasal 36 akan memperkenalkan sub penggal tiga, penggal enam yang baru untuk mengadakan peruntukan penetapan produk pasaran modal Islam dan sekuriti Islam sebagai produk pasaran modal dan sekuriti.

Fasal 38 akan meminda seksyen 325 bagi menjelaskan bahawa cadangan bagi meminda sebarang peraturan badan pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf juga hendaklah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti terlebih dahulu.

Fasal 39 akan memotong bahagian 9A dan seksyen 316A hingga 316H akta sedia ada memandangkan ia kini diperuntukkan di dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 seperti yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2015.

Fasal 40, 41 dan 42 akan meminda seksyen 354, 355 dan 356 bagi menyelaraskan jumlah penalti yang boleh dikenakan di bawah seksyen-seksyen ini kepada jumlah yang diperuntukkan di bawah seksyen 220 akta sedia ada.

Fasal 43 akan meminda seksyen 369 bagi menjelaskan bahawa kesalahan pemberi maklumat palsu kepada Suruhanjaya Sekuriti adalah merangkumi maklumat yang diserahkan pada atau diserahkan simpan dengan Suruhanjaya Sekuriti.

Fasal 45 akan meminda seksyen 379, memantapkan kuasa Suruhanjaya Sekuriti untuk meluluskan badan alternatif bagi penyelesaian pertikaian pasaran modal, *alternative dispute resolution*. Peruntukan kecualian dan perolehan. Rang undang-undang ini juga memasukkan peruntukan kecualian dan peralihan untuk menangani isu-isu yang boleh berbangkit berikutan pindaan-pindaan yang telah dicadangkan.

Fasal-fasal lain dalam rang undang-undang ini adalah pindaan kecil atau berbangkit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kelana Jaya.

## 12.02 tgh.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahaskan secara dasar Rang Undang-undang D.R.16/2015, Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh tiga perkara dalam perbahasan peringkat dasar ini. Pertama ialah saya akan membahaskan isu pasaran bon itu, *part of the capital markets*. Kedua, saya akan membahaskan tentang – dengan izin *initial public offering (IPO)*. Ketiga, saya akan membahaskan tentang kawalan pasaran modal ataupun *capital control*, khasnya berkenaan dengan *Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA)* dan juga tentang *currency manipulation*.



Sebelum saya memulakan perbahasan saya, Tuan Yang di-Pertua saya ingin berkongsi sedikit tentang latar belakang pasaran modal. Sejak pertengahan tahun 1990-an iaitu masa *Bull Run* di KLSE 1995, sewaktu ekonomi Malaysia berkembang dengan pesat sekali sehingga ke *Asian financial crisis* pada tahun 1997 dan seterusnya ke *global financial crisis* 2008, pasaran modal sedunia telah meningkat berlipat ganda saiz pasaran modal sedunia. Walau bagaimanapun peningkatan atau kenaikan ini bukannya sesuatu yang kita boleh merasa bangga. Oleh kerana pembangunan pasaran modal tidak semestinya bermakna sesuatu ekonomi kita berkembang sama menjadi lebih stabil dan lebih maju. Sebaliknya apa yang kita lihat adalah dengan adanya lebih modal dengan izin, *market volatility* lebih menjadi-jadi.

Perkembangan pasaran modal sebenarnya menunjukkan bahawa syarikat-syarikat memerlukan lebih dana *external* untuk operasinya. Ini membimbangkan kerana Tuan Yang di-Pertua, *internally generated cash* dengan izin adalah lebih baik daripada pinjaman *external*. Apabila syarikat memerlukan lebih dana, mereka tidak lagi meminjam daripada pihak bank tetapi mengejar wang melalui pasaran modal iaitu melalui IPO ataupun *issuance of shares* dengan izin dan kedua, melalui pengeluaran bon-bon.

Fenomena ini bermakna syarikat-syarikat tidak lagi bergantung banyak kepada pihak bank di mana tradisi pinjaman adalah lebih konservatif dan pengawalannya adalah lebih ketat. Pada masa kini, syarikat-syarikat menganggap pasaran modal sedunia sebagai sejenis kasino, sejenis kasino yang boleh meruntuhkan ekonomi sedunia seperti yang berlaku pada tahun 2008 apabila pasaran modal sedunia runtuh akibat penggunaan *derivatives* berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran modal adalah di dalam bidang perniagaan, *merchant bankers, private equity, hedge fund managers* dan ini telah memesatkan pembangunan pelbagai instrumen-instrumen kewangan terutamanya *derivatives* dan bon. Pada tahun 1980-an, Michael Milken telah mencipta *junk bond* dan *leveraged buyouts*. Ini untuk memperkembangkan *Wall Street* tetapi akhirnya meruntuhkan *Wall Street* juga. Pada masa kini terdapat beratusan Michael Milken di dunia yang menggunakan pelbagai instrumen-instrumen kewangan. Salah satunya ialah *subprime mortgage derivative* yang telah menghancurkan dunia kewangan pada tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua, itu permulaan perbahasan saya memberi landasan konteks sedikit kepada isu-isu yang saya akan timbulkan bahawa pasaran modal ini bukannya satu yang baik dan bukannya sekiranya kita tidak kawal ia akan mengakibatkan bencana kewangan yang teruk sekali.

Perkara pertama yang ingin saya timbulkan Tuan Yang di-Pertua ialah isu pasaran bon. Dalam konteks pasaran modal Malaysia, kita telah melihat pasaran bon kita membesar berlipat ganda tetapi ini bukan satu perkara yang boleh dibanggakan kerana pada dasarnya pasaran bon adalah pasaran pinjaman, *bonds are borrowings*. Sekiranya kita pinjam banyak Tuan Yang di-Pertua, kita tidak perlu berasa bangga tetapi sepatutnya berasa malu kerana ia mewujudkan satu beban. Beban hutang ini akan ditinggalkan kepada anak-anak kita, waris-waris kita dan merekalah yang perlu bayar balik hutang yang ditinggalkan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan kita mengumumkan dengan megah sekali bahawa pasaran *Islamic* bon kita, pasaran sukuk kita adalah yang paling besar di dunia. Mereka lupa menyatakan satu soalan penting. Siapakah yang buat pinjaman? Siapakah yang pinjam? Kalau sukuk dikeluarkan dan dipinjamkan oleh negara lain di mana kita memperoleh faedah atau komisen sebagai pengatur pinjaman tersebut maka kita dapat manfaat itu, kita dapat manfaat fi dan juga komisen. Akan tetapi kalau kerajaan kita sendiri yang meminjam, maka kita yang berhutang tidak perlulah bermegah-megah sangat.

Tuan Yang di-Pertua, sudah selama setengah tahun kita menyaksikan kontroversi 1MDB dan kontroversi bon-bon yang dikeluarkan oleh 1MDB. Saya tidak akan mengambil masa ini untuk menghentam banyaklah tentang 1MDB sebab saya tahu di antara rakan-rakan kita daripada Pakatan Rakyat dan juga Barisan Nasional akan hentam 1MDB nantilah. Akan tetapi saya perlu menyatakan bahawa 1MDB adalah sangat memalukan kerana menghancurkan reputasi kewangan negara kita.

Pada masa pentadbiran mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir, beliau pun ada banyak *financial scandals*, bukan sahaja kini ya. Skandal Forex, kita kehilangan yang dianggarkan lebih RM30 bilion. Ekonomi negara pada masa itu tidak tumbang dan walaupun kehilangan wang yang ketara sekali, kehilangan itu akhirnya dapat dikawal dan

diserap ataupun *absorb by the economy*. Walaupun nampaknya— sekiranya benarlah kehilangan wang 1MDB ini memang berlaku, saya rasa ia tidak mungkin menumbangkan ekonomi negara tetapi kontroversi 1MDB di bawah pentadbiran Yang Berhormat Pekan telah menghancurkan reputasi negara dari segi penarafan kredit. Mengikut Laporan Bloomberg pada 18 Mac 2015, Andrew Colquhoun dari Fitch Ratings telah menyatakan bahawa penarafan kredit Malaysia, *the rating of Malaysia there is a more than 50% likely hood* diturunkan daripada taraf 'A-' ke 'BBB'.

#### ■1210

Ini akan membawa kesan yang besar ke atas pembayaran faedah kepada bon-bon kerajaan termasuk bon-bon yang dikitarkan semula ataupun *bonds that will be rolled over*, dengan izin.

Saya ingin tanya Menteri, berapakah jumlah bon-bon kerajaan? Berapa banyak daripada bon-bon tersebut akan matang dalam tiga tahun ini iaitu tahun 2015, tahun 2016 dan tahun 2017? Sekiranya penarafan kredit kita turun, jatuh, berapakah faedah yang perlu dibayar oleh kerajaan jika bon-bon tersebut dikitarkan semula? Adakah kerajaan sedia untuk membayar penuh pokok atau apabila bon-bon tersebut menjadi matang ataupun sampai *maturity*? Jika strategi kerajaan adalah untuk mengitar semula, *to roll over the matured bonds*, dengan izin, apakah faedah baru yang perlu dibayar oleh kita?

Saya juga ingin tanya Menteri, berapakah bon-bon kerajaan yang berada di dalam, denominasi Ringgit Malaysia dalam US Dollar dan mata wang lain? Sama ada bon-bon tersebut bersifat pinjaman terus atau sebagai penjamin, *guarantor implicit and explicit*?

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pasaran modal bon adalah fakta bahawa kerajaan Malaysia berhutang terlalu banyak. Hutang kerajaan mencecah RM590 bilion dan dari jumlah ini dianggarkan hutang bon kerajaan adalah sebanyak RM300 bilion. Hutang GLC dan badan-badan yang dijamin oleh kerajaan dikatakan di antara RM200 bilion sampai ke RM250 bilion. Saya harap Menteri boleh memberi angka yang betul tentang jumlah bon yang dipinjam oleh kerajaan dan juga jumlah bon yang dijamin oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua telah mendapat tahu pada sesi Parlimen 2014, khasnya bulan November itu, Menteri Kewangan II, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan telah memberitahu Dewan ini bahawa *letter of support* adalah tidak sama dengan *letter of guarantee*. Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi semua pakar kepakaran termasuk *Luc D'hooge, Head of Emerging Markets Bonds at Bank Vontobel AG Zurich* memberitahu *Bloomberg* baru-baru ini pada 27 Mac 2015, bahawa *letter of support* kerajaan adalah *as good as a letter of guarantee*. Jadi soalan saya dan saya rasa Dewan akan berminat tentang isu ini ialah, berapa helai *letter of support* yang *as good as a letter of guarantee* telah dikeluarkan oleh kerajaan? Apakah *exposure* sebenar kerajaan kepada jaminan-jaminan *letter of support* sebegini?

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada perkara kedua yang berkaitan tentang isu pasaran modal bon adalah kejatuhan mata wang Ringgit Malaysia. Mengikut laporan Credit Suisse Malaysia, pelabur asing memegang sebanyak 45% seluruh bon kerajaan dan 45% peratus ini bernilai sebanyak USD43 bilion ataupun bersamaan RM142 bilion. Sekiranya kerajaan masih tidak mengatasi isu pentadbiran lemah ataupun *weak governance*, dengan izin, seperti yang dilihat dalam kes 1MDB, maka terdapat kemungkinan besar bon-bon kerajaan akan dijual. Apabila bon-bon dijual, mata wang Malaysia akan kehilangan nilai apabila ditukar balik ke wang Amerika Syarikat yang dikeluarkan daripada negara ini. Ini akan terus menurunkan nilai mata wang negara kita.

Baik Tuan Yang di-Pertua, saya akan beralih kepada perkara kedua perbahasan saya iaitu isu *initial public offering* (IPO). Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2013 sejumlah RM22.5 bilion berjaya dijanakan daripada 18 IPO. Pada tahun 2014, RM24 bilion dijanakan daripada 14 IPO. Pada hari ini, pada masa ini ya, sampai ke bulan Mei, sudah hampir setengah tahun ke dalam tahun 2015, terdapat hanya dua IPO iaitu IPO Malakoff Corporation Berhad dan IPO Bioalpha Holdings Berhad yang disenaraikan di Bursa Malaysia, untuk tahun ini, sampai ke bulan Mei, dua sahaja. Berapa yang dijanakan? IPO

Bioalpha Holding Berhad itu menjanakan RM20 juta sahaja. Malakoff Corporation Berhad pula RM2.7 bilion, itu angka yang baik.

Akan tetapi, apabila kita lihat daripada konteks tahun 2013 dan tahun 2014, memang jatuh dengan ketara sekali. Tentang saham Malakoff ini, kita tahu dia telah menerima satu *negative reactions* daripada pasaran. Saya akan berikan huraian lebih tentang perkara itu. Akan tetapi untuk kini saya cuma hendak kata, pada hari ini, *report* daripada *The Malaysian Insider* and *The Edge* mengatakan bahawa saham Malakoff Corporation Berhad telah jatuh di bawah paras pembukaan IPO. Biasanya orang buat IPO, dia dapat premium. Kini kita tengok Malakoff Corporation Berhad punya *share*, sudah jatuh bawah sasaran IPO. Seperti apa yang telah berlaku kepada FGV.

Kejatuhan kuantiti dan kualiti pasaran modal Malaysia adalah ketara sekali. Ini menunjukkan bahawa terdapat satu *severe lack of investors' confidence*, dengan izin di negara Malaysia. Mengapakah ini berlaku? Memang sebahagian isu ada berkaitan dengan ekonomi dunia yang mengalami kemerosotan sedikit tetapi di Amerika Syarikat mereka naik. Di *Europe* memang ada kemerosotan sedikit. Akan tetapi saya rasa, *external factors* ini tidak akan sampai ke tahap seteruk ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin bangun Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Teruskan.

**Yang Berhormat Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya, saya hanya mahu mencelah sedikit sahaja. Apabila Yang Berhormat menyebutkan bahawa kehilangan keyakinan pelabur-pelabur, Yang Berhormat menyebut tentang saham Malakoff Corporation Berhad.

Saham Malakoff semasa IPO, RM1.80 yang setahu saya dalam minggu ini, minggu lepas, saham itu masih di situ juga. Turun naik saham ini adalah berdasarkan daripada apakah milikan satu-satu syarikat kerana Malakoff adalah berkisar kepada perniagaan dan produk *commodities* yang pada ketika ini menghadapi tekanan yang cukup kuat daripada pasaran dunia tetapi masih lagi dapat bertahan pada angka RM1.80, maknanya kaunter tersebut mempunyai kekuatan. Jangan lah hendaknya kita, menceritakan sesuatu perkara yang tidak jelas.

Keduanya, bila Yang Berhormat menyebut tentang 1MDB tadi. Adakah Yang Berhormat dapat maklum bahawa 1MDB adalah sebuah syarikat pelaburan. Apa yang kita bincangkan pada ketika ini, adalah *capital market* ataupun pasaran modal. Jadi apakah persamaan tentang apa Yang Berhormat sebutkan tadi? Terima kasih ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih kawan baik saya Yang Berhormat Jasin ya.

Pertama, Malakoff Corporation Berhad. Setiap syarikat yang buat IPO, di akan dapat premium, itu *fundamental basic principle* dalam *IPO exercise*. Jadi apabila selepas seminggu lebih itu nampaknya ia turun bawah IPO, maknanya *the market has spoken*. Saya bukan sini untuk *defend* Malakoff, saya cuma katakan apa yang berlaku dalam *market*. Daripada segi Malakoff sebagai penjana kuasa yang besar, ia tidak *impact* komoditi, tidak ada kena mengena dengan ia sebab semua kos ini ditanggung oleh TNB. Kita semua tahu. IPP kontrak itu besar, boleh baca kita.

Jadi apa yang Yang Berhormat Jasin cuba beri *opinion* ini saya tidak terima. Minta maaf ya Yang Berhormat Jasin.

Tentang 1MDB, ia semua ada kena mengena dengan isu pasaran modal. 1MDB keluar bon, bon itu adalah sejenis pasaran modal. Saya harap Yang Berhormat Jasin boleh terima pandangan saya, saya dibenarkan Tuan Yang di-Pertua saya akan teruskan dengan pembahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ekonomi Malaysia, kekurangan IPO bermakna prestasi dan standard inovasi perniagaan adalah dalam satu tahap yang rendah, dengan izin, *at this moment there is no new story, there is no new technology*. Jadi badan-badan pelaburan seperti EPF, KWAP, Tabung Haji, nampaknya tidak ada mempunyai daya lagi untuk membeli saham-saham IPO ataupun untuk *support* IPO. Oleh sebab hakikatnya, semuanya terperangkap dalam sarang labah-labah, *a spider's web*, dan sarang labah-labah itu adalah sarang labah-labah 1MDB.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin perhatikan IPO daripada segi kualiti. Walaupun kita lihat tadi Bioalpha dan juga Malakoff, syarikat Bioalpha kata dia mempunyai teknologi yang tinggi tetapi teknologi tersebut masih tidak dapat dibuktikan lagi. Dia cuma menjana RM20 juta sahaja. Jadi itu adalah isu yang sangat kecil sekali. Baik, kita tengok IPO yang dikatakan Yang Berhormat Jasin itu baik sekali. Kalau kita tengok, melihat IPO Malakoff, kita tahu ia adalah jauh lebih teruk daripada Bioalpha kerana Malakoff bukannya pergi IPO berhasrat untuk membangunkan industri penjana kuasa. Kebanyakan orang pergi IPO, dia dapat duit untuk membesarkan *business* dia. Akan tetapi IPO Malakoff merupakan suatu *cash out exercise*. Ini jelas sekali. Malakoff mempunyai enam buah loji penjana kuasa yang telah siap dibina dan sudah beroperasi bertahun-tahun.

#### ■1220

Jadi kesimpulannya ialah IPO ini adalah satu *cash out strategy* oleh Tan Sri Syed Mokhtar. Penggunaan strategi ini amat membimbangkan ya. Dengan izin, *if a well connected crony like Tan Sri Syed Mokhtar is cashing out by listing Malakoff, what does it mean for the rest of us, the non-crony Malaysian businessman? Should we also be cashing out?*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya akan meneruskan perbahasan saya dengan menyentuh perkara ketiga dan terakhir iaitu isu kawalan modal ataupun *capital controls*. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1998, selepas *Asian financial crisis* ya, pengawalan modal atau *capital controls* adalah satu-satunya strategi yang telah digunakan oleh Dr. Mahathir untuk mengurangkan padah jangka masa pendek sewaktu *Asian financial crisis*. Negara-negara yang tidak mengamalkan pengawalan modal semasa *Asian financial crisis* seperti Thailand, Indonesia, Taiwan, *South Korea* dengan izin, mereka telah *bite the bullet and came out stronger*.

Dalam dunia pasaran modal, sekiranya seorang pelabur ingin keluar daripada pasaran tersebut, Kerajaan Malaysia mempunyai kuasa untuk melambatkan keluaran tersebut dengan menggunakan *capital controls*. Akan tetapi, ini hanya boleh dilakukan semasa krisis ekonomi sahaja demi menjaga kepentingan ekonomi negara. Dengan izin, *capital controls can only be used to manage outflows and reduce the shock to the economic system*.

Tuan Yang di-Pertua, *capital controls* patut disimpan sebagai satu opsi dengan syarat ia tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya seperti apa yang dilakukan pada *Asian financial crisis*, disalahgunakan untuk meneguhkan urus niaga kroni. Kawalan modal hanya boleh digunakan ketika krisis ketara di mana *hot money* keluar terlalu cepat. Mujurlah Kerajaan Amerika Syarikat telah berhenti dengan *quantitative easing* satu dan *quantitative easing* dua kerana selagi Amerika Syarikat mencetak wang, ekonomi dunia dijadikan lebih tidak stabil dan lebih *hot money* diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kehairanan dunia yang kita hidup sekarang ini, di mana satu dunia yang dikuasai oleh syarikat besar seperti Goldman Sachs yang dilindungi oleh kerajaan Obama dan konco-konco mereka. Oleh sebab itu, kita perlu arif dalam isu *capital controls* dan tidak tertipu dengan falsafah *neo-liberal economics* yang mengejar wang tanpa apa-apa pertimbangan moral. Mungkin pada ketika ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita sedang berunding semeja dengan ahli politik neo liberal seperti Obama dan di sini saya sebenarnya berkata tentang *Trans-Pacific Partnership Agreement*.

Sambil mencetak wang secara unilateral, Amerika Syarikat juga dengan muka yang lain menyeru kita untuk mengamalkan *free trade* berdasarkan falsafah neo-liberal. Dari segi pasaran modal, TPPA akan memaksa kami untuk tidak mengamalkan sebarang pengawalan modal dengan izin "*Under TPPA, capital controls would not be allowed.*" Oleh itu, saya menyeru Dewan ini supaya menolak TPPA. Dr. Mahathir tidak akan tidur lena lah selagi rundingan TPPA tidak ditolak. Malangnya Tuan Yang di-Pertua, mantan Perdana Menteri tak *support* tetapi TPPA seperti dengan kes 1MDB, disokong oleh pemain golf terkenal Malaysia iaitu Perdana Menteri kita, Najib Razak.

Tuan Yang di-Pertua, berita terkini pula ialah soal Amerika Syarikat melalui *Senate* nya meminta satu syarat lagi dan syarat itu ialah tentang manipulasi mata wang ataupun

*currency manipulation*. Dia nak minta *currency manipulation clause* dimasukkan dalam perjanjian TPPA.

Tuan Yang di-Pertua, *currency manipulation* bermakna negara kita tidak boleh mengamalkan *balance of trade* yang keterlaluan. Maknanya *reserve* negara kita tidak boleh berada dalam tahap yang terlalu tinggi. Mengikut Amerika Syarikat, jika negara mempunyai *reserve* yang banyak, mempunyai duit akses yang banyak, kita bakal menjadi satu *currency manipulator*.

Inilah falsafah neo-liberal yang Obama bawa ke pinggir negara kita ini. Falsafah yang mengutuk orang yang jimat dan memuji orang yang meminjam duit berbilion-bilion. Oleh itu, jelaslah mengapa kerajaan pentadbiran Najib yang berhutang berbilion-bilion berkawan baik dengan neo-liberal Presiden Obama.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya menggulung perbincangan saya dengan menyebut sekali lagi tiga perkara yang diwujudkan tadi. Pertama, pentadbiran Najib...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Jangan sebut nama, Yang Berhormat. Itu boleh buat dalam ceramah, tetapi dalam Parlimen jangan sebut nama.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey, terima kasih, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, pentadbiran Yang Berhormat Pekan ya, tidak dapat membawa kemajuan ekonomi kita pada masa kini. Kedua, pentadbiran Yang Berhormat Pekan lemah dari segi *governance* seperti yang terpapar dalam kes 1MDB yang terlalu banyak soalan dikemukakan di *national* dan juga *international*. Kita pun tahu keadaan IPO sekarang adalah mendapat satu situasi *severe lack of investors' confidence*. Dan akhirnya, TPPA berdasarkan falsafah neo-liberal perlu ditolak dan juga *capital control* secara *limitation* perlu disimpan sebagai satu opsyen. Jadi, itu sahaja lah.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahar rang undang-undang ini. Saya berharap rakan-rakan dari Pakatan Rakyat dan juga Barisan Nasional menerima pandangan saya dengan hati terbuka demi kepentingan rakyat dan ekonomi negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Pandan.

## 12.26 tgh.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli Dewan yang mulia. Saya berbesar hati untuk turut sama berbahar mengenai rang undang-undang untuk meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Akta ini telah wujud dengan hasrat untuk mengawal selia pelaburan pasaran modal dan juga pasaran ekuiti dan seperti mana di mana-mana negara, tujuan utama sebarang rang undang-undang seperti ini adalah untuk memastikan bahawa pelaburan rakyat itu terjamin. Ini kerana pelaburan ataupun dana yang memacu pertumbuhan sebarang pasaran modal di sesebuah negara adalah dana daripada rakyat. Tambah lagi kalau di Malaysia ini, kebanyakan dana ini datang daripada rakyat yang kemudiannya dilaburkan mengikut amanah oleh badan-badan yang ditubuhkan oleh kerajaan. Rakyat meletakkan wang di dalam dana-dana ini dengan kepercayaan bahawa kerajaan akan memastikan bahawa dana-dana ini akan dilaburkan dengan baik.

Oleh sebab itu, walaupun rang undang-undang ini begitu rumit dan bunyinya begitu teknikal sehingga saya nampak tidak ada wakil rakyat daripada Barisan Nasional yang bangun ingin berbahar, tetapi sebenarnya rang undang-undang ini adalah antara yang paling penting dari segi keutamaan kepentingan awam melihat kepada beberapa perkara yang telah berlaku akhir-akhir ini.

Kita bersyukur kerana dalam isu 1MDB walaupun mengambil masa yang begitu lama untuk diterjemahkan kepada kefahaman rakyat – saya ingat wakil-wakil daripada Pakatan Rakyat telah mula bersuara sejak tahun 2009 lagi, mengambil masa hampir lima tahun untuk memahamkan rakyat bagaimana besarnya risiko kewangan dan akhirnya kesan kepada rakyat. Salah satu sebab kenapa ia mengambil masa yang panjang begitu ialah kerana peraturan di dalam pasaran modal, dari segi urus niaga dan lain-lain begitu

rumit sehingga saya pasti kalau mengikut kata mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad, sehingga sekarang dia pun belum faham sebenarnya apa yang berlaku di dalam 1MDB. Oleh sebab itu saya tidak terkejut bila rakan-rakan sebelah sana pun masih nampak terpinga-pinga mengenai rang undang-undang ini.

Lebih penting ialah kerana dana-dana rakyat ini yang dikutip daripada rakyat sama ada dibeli, sama ada rakyat yang membeli Amanah Saham, sama ada rakyat yang menabung wang dalam bentuk simpanan untuk pergi haji dalam Tabung Haji, sama ada potongan persaraan di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ataupun sama ada potongan dan tabungan yang wajib untuk persaraan baik di dalam Kumpulan Wang Amanah Pencen ataupun Lembaga Tabung Angkatan Tentera, kelima-lima tabung rakyat yang utama ini adalah satu dana yang cukup besar yang menjadi pemacu dan enjin kepada perkembangan dan pertumbuhan pasaran saham dan juga pasaran modal di negara ini.

#### ■1230

Saya sempat sebentar tadi, saya ingat lama lagi ada masa, kot-kot ada wakil dari sebelah sana tetapi tak sempat.

Berikut ialah pecahan dana-dana mengikut laporan terkini. Kumpulan Wang Amanah Pencen, laporan terkini 31 Disember 2014, dana yang diuruskan untuk wang pencen RM109 bilion. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 31 Disember 2014 melaporkan dana sebanyak RM694 bilion. Tabung Haji, sekarang ini semua orang tahu berapa banyak wang di dalam Tabung Haji. Mengikut laporan setakat tahun kewangan 2013, dana sebanyak RM43 bilion. Permodalan Nasional Berhad yang menguruskan amanah saham setakat tahun kewangan tahun 2013, dana sebanyak RM268 bilion dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang menguruskan bayaran gratuity kepada pesara-pesara tentera setakat tahun kewangan berakhir tahun 2013, RM9.1 bilion jumlah asetnya.

Kelima-lima dana awam ini bila dicampur semuanya, jumlah paling konservatif ataupun paling kurang sebanyak RM1.1 trilion. Ini adalah wang rakyat yang bukan datang dari peruntukan negara. Ini adalah wang simpanan pekerja, simpanan angkatan tentera, simpanan orang ramai yang dimasukkan ke dalam tabung-tabung ini dengan harapan kerajaan ataupun pegawai-pegawai yang telah diberikan amanah menjaganya sebaik-baik mungkin. Ini kerana bagi sebahagian besar penabung, inilah satu-satunya simpanan hari tua.

Jika kita banding dengan jumlah pelaburan yang ada di dalam pasaran modal atau *capital market* dan juga pasaran saham ataupun ekuiti *market* dengan izin, bagi tahun setakat yang terakhir yang saya dapat, bagi kewangan terakhir tahun 2013, dilaporkan bahawa pasaran modal kita berjumlah RM2.7 trilion. Pasaran ekuiti atau pasaran saham sebanyak RM1.7 trilion. Ini bermakna keseluruhan pasaran kita dari segi saham, dari segi bon, dari segi *unit trust* dan lain-lain berjumlah RM4.4 trilion.

Kalau dibandingkan tabungan rakyat sebanyak RM1.1 trilion berbanding dengan jumlah keseluruhan pasaran RM4.4 trilion, bermakna 25% daripada wang yang berlegar dan berkisar di pasaran saham dan pasaran modal kita adalah wang tabungan rakyat. Ini bukan wang pelaburan daripada syarikat, ini bukan wang yang datang dari luar negara, ini bukan wang hasil daripada kebijakan kerajaan menambahkan pendapatan negara. Ini wang tabungan simpanan hari tua rakyat, 25%.

Oleh sebab itu, pasaran modal dan pasaran saham kita ini banyak dipengaruhi oleh pergerakan dan tindakan pelaburan yang dibuat oleh kelima-lima pasaran saham ini. Oleh sebab ia adalah satu institusi pelaburan yang sangat dominan dengan jumlah yang sangat besar sehingga 25%, maka sudah tentu ada risiko besar. Kalaulah tidak ada tata kelola yang baik oleh Menteri-menteri yang diberikan amanah untuk menjaga dana-dana ini ataupun pegawai-pegawai yang dilantik untuk menjaga amanah ini, maka mereka dengan mudah sahaja boleh mengalih dan membuat keputusan pelaburan yang akhirnya merugikan rakyat.

Oleh sebab itu, saya cukup bimbang Tuan Yang di-Pertua, terutamanya kebelakangan ini apabila ada kecenderungan kerajaan untuk menggunakan satu kaedah pembiayaan yang dipanggil dengan izin, *off balance sheet*. Ini kerana kalau kerajaan atau

Yang Amat Berhormat Pekan datang ke Parlimen dan membentangkan satu belanjawan yang besar untuk membeli jet contohnya, untuk membuat bangunan-bangunan yang kita persoalkan kewajarannya contohnya, sudah tentu ia akan menjadi topik perbahasan dan akan terpaksa menjawab baik daripada Pakatan Rakyat ataupun Barisan Nasional.

Membentangkan belanjawan yang memasukkan hutang-hutang negara untuk perbelanjaan-perbelanjaan yang dipersoalkan begitu juga akan menjadi sasaran kepada laporan dan analisa antarabangsa, baik daripada agensi penarafan, baik dari bank, baik daripada makalah-makalah ekonomi dan lain-lain. Maka jalan pintas yang akhir-akhir ini digunakan oleh kerajaan ialah dengan menggunakan satu badan, syarikat, atau agensi yang kononnya swasta tidak terbabit dengan kerajaan, menerbitkan hutang bon yang kemudiannya digunakan untuk membiayai projek-projek kerajaan. Perkara ini kita telah bentangkan dan kita bahaskan lama. Kita tanya kenapa kerajaan contohnya, terutama rakan saya dari Serdang selalu mempersoalkan kewujudan satu syarikat yang dipanggil PFI Sdn. Bhd.

Syarikat ini menanggung hutang sehingga berpuluh-puluh bilion, nombor dua selepas 1MDB. Alasannya ialah syarikat ini adalah satu kenderaan, agensi atau syarikat yang digunakan untuk mendapatkan hutang ataupun pembiayaan swasta bagi membiayai projek-projek kerajaan. Buat balai polis pun pakai yang inilah. Apabila dibuat kampus-kampus UiTM contohnya, diberi konsesi kepada syarikat konsesi swasta tetapi syarikat konsesi itu terpaksa pergi kepada badan-badan kerajaan juga, bank-bank kerajaan juga, contohnya Bank Pembangunan yang dijamin oleh kerajaan juga. Jadi dengan cara kecenderungan ini, maka nampak seolah-olah hutang kerajaan atau perbelanjaan kerajaan itu tidak tinggi tetapi sebenarnya tanggungan kepada rakyat adalah cukup besar.

Akan tetapi yang lebih membimbangkan yang saya hendak bawa dalam perbahasan kali ini ialah apabila wujud agensi-agensi yang dijadikan syarikat untuk mengambil pembiayaan daripada swasta dengan cara menerbitkan bon, dengan cara meletakkan saham, dengan cara-cara lain, akhirnya kelima-lima dana yang saya sebutkan tadi menjadi risiko dan sasaran utama kalau-kalaulah dalam keterdesakan kerajaan, maka dana-dana ini yang digunakan untuk membeli baik saham, atau baik hutang, atau baik bon, atau baik kertas-kertas yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat kecil yang seperti yang saya sebut tadi.

Kita sudah tahu tentang 1MDB. Saya ambil contoh satu bon yang diterbitkan oleh Tabung Haji, kononnya untuk membangunkan Bandar Malaysia Sdn. Bhd. Bon ini berjumlah RM968 juta kalau tak silap saya. Kalau mengikut laporan media dan laporan kewangan, semasa ia diterbitkan dalam tahun 2014, 2013, jumlah keseluruhan bon yang diterbitkan ialah RM1.5 bilion.

Sampai sekarang kita masih tanya siapa sebenarnya yang membeli lebih kurang RM500 juta bon yang belum kita tahu. Permodalan Nasional Berhad menafikan walaupun ada laporan yang jelas setahun yang lepas bahawa baki itu dibeli oleh Permodalan Nasional Berhad, tetapi hari ini sekarang ia nafikan. Kalau bukan Permodalan Nasional Berhad, siapa yang membeli?

Ada yang membuat spekulasi bahawa bon RM968 juta itu diterbitkan pada kadar diskaun. Kadar diskaun ini maknanya sekarang ini dapat RM968 juta, bila bayar masa matang nanti kena bayar RM1,500 juta. Akan tetapi saya tanya kepada rakan-rakan di dalam dunia pelaburan, kita biasa mendengar bon yang diterbitkan pada kadar diskaun, tetapi takkan diskaunnya sampai 40%.

#### ■1240

Tidak akan terbitkan pada RM998 juta, Tabung Haji beri kepada 1MDB sekarang, bila matang 10-15 tahun, 1MDB pula kena bayar kepada Tabung Haji RM1,500 juta, maknanya ada RM600 juta keuntungan dalam tempoh itu. Tidak masuk akal kerana selalunya diskaun ini 4%, 6%, 8%. Jadi sehingga sekarang, saya minta...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Mengenai isu terbitan bon yang telah pun dibuat oleh 1MDB, terutamanya terbitan pertama yang telah pun dibuat di mana difahamkan dalam media-media kewangan seperti *The Edge* dan juga KiniBiz, disebut bahawa diskaun 12% telah pun diberikan kepada pelabur untuk bon pertama 1MDB, RM5 bilion itu. Kita difahamkan bahawa Lembaga Tabung Haji dan juga dana kerajaan yang lain telah pun mengambil sebahagian daripada

bon tersebut. Kita hendak tahu juga sama ada Lembaga Tabung Haji dan lain-lain dana memperoleh bon-bon tersebut secara langsung daripada 1MDB, ataupun melalui *secondary market*, iaitu ada orang lain yang telah pun mengambil bon tersebut dengan kadar 12% diskaun dan sama ada LTH mendapat manfaat 12% diskaun tersebut ataupun membayar dengan harga yang lebih tinggi?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Ini adalah perkara-perkara oleh sebab kerumitan pasaran saham dan pasaran modal dan melibatkan penglibatan besar daripada dana-dana kerajaan, dana rakyat seperti ini. Perkara-perkara begini lah yang menyebabkan begitu mudah wang rakyat tercicir dan tiris.

Saya ambil contoh, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya rasa kebanyakan daripada baik wakil yang ada di sini, ahli dewan ataupun yang di luar masih kurang faham tentang diskaun dan lain-lain. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi bermakna begini. Kalau ada orang tengah, orang tengah itu telah membeli bon itu pada kadar diskaun 12%. 12% ini contohnya kalau bon itu bernilai RM1 bilion, dia hanya perlu beri wang kepada 1MDB, RM880 juta. Apabila 1MDB membayar balik bon itu, dia dapat RM1 bilion. Jadi maknanya untungnya RM120 juta. Yang ditanya oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bagi manfaat rakyat yang mendengar di luar ialah apakah apabila agensi-agensi kerajaan baik Tabung Haji, baik Lembaga Tabung Angkatan Tentera, kalau ada yang beli, baik Kumpulan Wang Amanah Pencen, apabila mereka membeli bon-bon daripada 1MDB, adakah mereka membeli terus, ataupun mereka membeli daripada orang tengah? Kalau ada orang tengah, maka RM120 juta keuntungan yang saya bagi contoh tadi, besar kemungkinan orang tengah telah ambil bahagiannya maka untung yang akan diperoleh Tabung Haji itu adalah lebih rendah dan akan ada orang yang membuat keuntungan atas angin, buta-buta sahaja.

Saya mohon supaya soalan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara itu dimasukkan kemudian kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong menjawab selepas ini dan beri penjelasan dan perincian yang jelas kepada semua bon-bon yang telah diterbitkan oleh 1MDB contohnya. Apakah bon ini telah dibeli secara langsung oleh agensi-agensi pelaburan kerajaan ataupun dibeli melalui orang tengah kerana kita dengar banyak laporan contohnya apabila 1MDB menerbitkan bon yang diuruskan oleh Goldman Sach contohnya. Banyak perkara yang kita dengar yang menyebabkan keuntungan kepada syarikat atau bank yang menguruskan itu berlipat kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung tentang pelaburan. Tabung Haji tadi saya sebut tentang penerbitan bon RM998 juta dan kita masih lagi belum mendapat jawapan tentang baki bon itu. Kalau dilihat kepada struktur bagaimana keseluruhan bon itu diterbitkan juga, saya menjadi bimbang kerana seolah-olah harta dan dana rakyat ini dikitarkan semula dari satu agensi kepada satu syarikat dan pulang balik yang akhirnya terdedah hanyalah rakyat. Yang akan menanggung risiko itu hanyalah rakyat.

Ambil contoh bon yang diterbitkan oleh Tabung Haji. Tabung Haji membeli bon RM998 juta daripada Bandar Malaysia Sdn. Bhd. sebuah anak syarikat 1MDB. Apa cagarannya? Cagarannya ialah dua perkara besar. Satu ialah tanah seluas 400 ekar di Bandar Malaysia Sdn. Bhd. ataupun di Sungai Besi. Akan tetapi sebelum tanah itu boleh dibangunkan, 1MDB melalui anak syarikat Bandar Malaysia Sdn. Bhd. perlu memindahkan operasi ketenteraan yang ada di situ di enam lokasi ataupun enam pangkalan tentera udara. Ini termasuklah Pangkalan Tentera Udara Sendayan, memindahkan operasi Unit Udara Tentera, Unit Udara Polis Diraja Malaysia ke lapangan terbang di Ipoh, menaik taraf pangkalan tentera udara di Butterworth, menaik taraf pangkalan tentera udara di Kuantan, di Gong Kedak. Sebelum pembangunan tanah itu dapat dibuat dan tanah itu dicagarkan kepada Tabung Haji, 1MDB perlu memindahkan perkara ini.

Pada masa yang sama cagaran yang kedua ialah 1MDB mencagarkan kontrak-kontrak pembangunan dan naik taraf pangkalan-pangkalan tentera udara ini kepada Tabung Haji. Kemudian 1MDB pula melantik satu agensi di bawah Lembaga Tabung Angkatan Tentera untuk membangunkan naik taraf projek-projek ini. Maknanya Tabung Angkatan tentera pada pemahaman saya, perlu mengeluarkan wang untuk menaik taraf keenam-enam ini. Wang itu mereka tunggu daripada 1MDB.



Akan tetapi, pada masa yang sama 1MDB telah mencagarkan kontrak keenam-enam itu kepada Tabung Haji. Tabung Haji pula hendak dapat wangnya bergantung kepada pertamanya, keenam-enam projek naik taraf itu selesai, tidak tergendala, tidak rugi dan keduanya, pembangunan tanah itu. Maknanya semua berkait dan katakanlah oleh sebab 1MDB tidak mampu membayar anak syarikat ataupun agensi Lembaga Tabung Angkatan Tentera, maka keenam-enam naik taraf pangkalan tentera udara ini terbengkalai. Apabila terbengkalai, maknanya dengan izin, *collateral* ataupun cagaran yang diberikan kepada Tabung Haji tidak boleh pakai.

Oleh sebab projek ini dan cagaran tidak boleh pakai dan projek ini tergendala maknanya 1MDB tidak boleh membangunkan tanah yang 400 ekar itu. Apabila tanah yang 400 ekar ini tidak boleh dibangunkan, maka sudah tentu tidak ada wang untuk membayar Tabung Haji. Maka Tabung Haji terpaksa cuba dapatkan balik wang daripada tanah 400 ekar dan juga enam projek ini. Akan tetapi enam projek tadi telah terbengkalai dan tanahnya pula tidak boleh dibangunkan kerana memang tidak ada wang. Maknanya bon RM998 juta tadi, saya persoalkan kepada Yang Berhormat Baling dan Menteri-menteri terbabit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa ini adalah pindaan rang undang-undang.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Saya faham, saya faham. Saya akan kaitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kalau pindaan maknanya perkara-perkara yang dipinda sahaja yang boleh dibahaskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tidak apa. Saya akan kaitkan, ya. Sebab itu, ini contoh, ini yang saya hendak balik kepada pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu maknanya saya bimbang dengan segala rang undang-undang yang hendak dipinda, setakat ini kita tidak ada keyakinan bahawa kawal selia ataupun pelaksanaan ataupun penguatkuasaan undang-undang yang di dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan ini telah terbukti berkesan mengawal dan juga menjaga baik kepentingan rakyat seperti mana yang saya sebut bahawa tujuan rang undang-undang ini adalah untuk menjaga kebajikan rakyat.

Apa jaminan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dengan segala perubahan ini boleh mengelakkan daripada berlakunya satu struktur penerbitan hutang yang saya sebutkan tadi.

#### ■1250

Hutang yang diberikan dengan cagaran yang kita tidak pasti yang mana dengan satu sahaja kegagalan, baik di peringkat projek ataupun baik di peringkat pembangunan keseluruhan dana rakyat itu yang dilaburkan melalui agensi-agensi ini akan terjejas. Saya bagi satu lagi contoh kepada Dewan yang mulia ini, kita bising ataupun kita terkejut dengan pembelian tanah di Tun Razak Exchange oleh Tabung Haji baru-baru ini. Kita terkejut juga dengan bon ini yang kita perlukan jawapan. Akan tetapi selama tujuh hingga lapan tahun, saya rasa Dewan ini terlepas pandang kepada satu lagi pelaburan yang dibuat oleh Tabung Haji yang saya yakin sehingga sekarang telah menyebabkan kerugian ratusan juta wang penabung pendeposit Tabung Haji.

Pelaburan yang saya maksudkan itu ialah pelaburan di dalam sebuah syarikat Ramunia Holdings Berhad. Ramunia ini ialah sebuah syarikat perkhidmatan sokongan *oil and gas* atau minyak dan gas yang berpangkalan di Teluk Ramunia. Pada ketika tahun 2005, 2006 dan 2007 dengan perkembangan sektor minyak, ia adalah salah satu kaunter yang menarik banyak minat dan perhatian. Tabung Haji telah membeli ekuiti yang besar di dalam Ramunia Holdings ini. Pada tahun 2007 sehingga ke akhir 2008, Tabung Haji meningkatkan pegangan di dalam Ramunia Holdings ini sedikit-sedikit sehingga akhirnya mengawal sekurang-kurangnya 25% daripada saham Ramunia Holdings.

Pada ketika ia mengumpulkan saham Ramunia Holdings ini harga yang dibelinya adalah di antara RM1 sehingga RM1.40. RM1 sehingga RM1.40 dalam tempoh dua tahun itu. Kemudian, pada Jun 2012 oleh sebab Tabung Haji telah mengawal Ramunia Holdings ini, Tabung Haji telah menukar namanya sehingga menjadi Tabung Haji Heavy Engineering. Kalau di semak di pasaran saham, saham itu sekarang diperdagangkan di bawah Tabung Haji Heavy Engineering. Dia beli pada harga RM1 hingga RM1.40. Dewan yang mulia, saya

baru semak tadi harga saham Tabung Haji Heavy Engineering yang mengambil alih Ramunia Holdings ini, yang terkini harganya 30 sen satu saham. Maknanya telah hilang RM1.10 atau RM1.

Kalau saham ini dibeli RM100 juta saham, RM200 juta saham maka Ahli Dewan boleh buat kesimpulan sendiri berapa kerugian yang telah dialami oleh pendeposit-pendeposit Tabung Haji akibat daripada satu keputusan pelaburan yang dibuat oleh Tabung Haji. Daripada Ramunia Holdings ini sahaja Tabung Haji telah kerugian ratusan juta ringgit. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan ini perlu dilihat dengan lebih jelas dan lebih dalam, bukan dari soal teknikal semata-mata. Dewan ini boleh memperbahaskan soal teknikal ini sampai pukul 5 pagi dan kita telah buktikan kita pernah buat.

Akan tetapi kalau bagaimana kukuh atau teknikal pun pindaan-pindaan itu jika tidak ada keikhlasan, tidak ada kejujuran dan tidak ada amanah dari kalangan Menteri ataupun pemegang-pemegang jawatan yang diberi amanah untuk menjaga dana-dana awam ini, maka saya tidak pasti berapa banyak lagi dana yang akan terus tiris, tidak kiralah berapa banyak pindaan yang kita akan buat.

Apa jawapan yang Menteri ada kepada pendeposit-pendeposit Tabung Haji? Apa jawapan yang kita Ahli Dewan boleh berikan kepada – Saya pergi haji tahun 2013, muassasah dengan Tabung Haji, duduk berkongsi enam orang, salah seorangnya itu ialah seorang pakcik yang berumur 88 tahun daripada Pasir Mas. Dia menyimpan sampai 20-30 tahun, dia pun sudah hendak lupa masa dia pergi haji itu tetapi itu sahaja tabungan dia cukup dia boleh pergi pada umur dia 88 tahun. Apa kita hendak beritahu kepada dia? Menteri hendak jawab macam mana dengan segala undang-undang dan juga kuasa yang ada ini kita biarkan juga pelaburan dia sampai rugi, sampai dia kena tunggu 88 tahun baru dia boleh pergi haji.

Ini adalah jawapan-jawapan yang lebih besar yang perlu dijawab oleh Menteri dan juga kerajaan, bukan dengan pindaan-pindaan teknikal ini. Maka saya pulangkan soalan-soalan ini kepada Yang Berhormat Menteri. Apa pindaan-pindaan yang kita dapat jaminan selepas ini kalau ada pegawai-pegawai, Menteri, pihak pengurusan daripada kelima-lima tabung ini yang menyebabkan kerugian sedemikian rupa, apa rang undang-undang ataupun peruntukan yang membolehkan mereka didakwa? Kita hendak tengok mereka didakwa.

Kedua, kita hendak tengok bagaimanakah rang undang-undang ini dan juga pindaan-pindaannya membolehkan supaya orang ramai ataupun pihak-pihak pemantau boleh dengan segera memastikan tabung-tabung awam ini tidak mengambil kedudukan ataupun pelaburan di dalam syarikat-syarikat yang dikira berbahaya. Saya ambil contoh, saya sedang cuba untuk menyaman Tabung Haji dan juga Kumpulan Wang Amanah Pencen. Saya juga hendak saman dan pastikan KWSP, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan juga Permodalan Nasional Berhad tidak ada sebarang urusan niaga dengan 1MDB. Akan tetapi saya dimaklumkan oleh peguam-peguam saya mengikut undang-undang yang sedia ada ini kita kena tunggu badan-badan itu melabur terlebih dahulu.

Maknanya setelah dia buat kesilapan melabur dan ada bukti-bukti kerugian, barulah saya sebagai pendeposit boleh ambil tindakan mahkamah dalam bentuk dengan izin, *injunction* untuk memastikan tidak ada lagi pelaburan masa depan. Akan tetapi pelaburan yang telah dibuat itu rugi. Apakah bentuk-bentuk pindaan yang boleh dimasukkan di dalam undang-undang ini atau undang-undang lain yang membolehkan dalam keadaan kita semua ini cemas dengan kedudukan 1MDB contohnya.

Kita cemas dengan hutang PFI contohnya. Kita hendak pastikan bahawa rakyat biasa boleh mengambil tindakan undang-undang terus untuk memastikan tabung-tabung yang berkepentingan awam yang mengutip dana daripada rakyat ini tidak dibenarkan melabur di dalam syarikat-syarikat yang berisiko seperti ini. Mana pindaan-pindaan itu yang perlu dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri.

Jadi, saya kira cukup setakat itu. Saya ulang kembali bahawa sedang kita boleh berbahas panjang di sini, perbahasan di sini tidak ada makna kalau saban tahun rakyat dihadangkan dengan kerugian demi kerugian, pecah amanah demi pecah amanah. Kelak

suatu hari nanti rakyat di luar bukan sahaja hilang kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat Pekan, rakyat akan hilang kepercayaan kepada semua wakil rakyat, rakyat akan hilang kepercayaan kepada kebolehan proses demokrasi yang kita ada ini untuk menjaga kebajikan mereka.

Jadi sebab itu saya rayu kepada Menteri terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Pekan sendiri supaya jangan ambil mudah soal-soal ini dan rang undang-undang seperti ini perlu diperjelaskan dan diperkukuhkan untuk menjawab kebimbangan dan ketidakyakinan rakyat terhadap sistem pasaran yang ada sekarang apabila terlalu banyak campur tangan daripada orang-orang berkuasa yang menyebabkan dana-dana rakyat yang saya sebutkan tadi telah terdedah kepada kerugian. Dengan itu saya ucap terima kasih, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**12.59 tgh.**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya ingin membangkitkan satu isu yang orang kata merupakan satu cerita lama. Cerita lama daripada tahun 2012 dan saya hendak bangkitkan cerita ini semula sebab tidak ada tindakan langsung ataupun tidak ada tindakan berikutan yang berlaku selepas laporan-laporan telah pun dibuat ke atas anak kepada Yang Amat Berhormat Pekan yang disyaki telah pun menjalankan *stock market manipulation* di Bursa Malaysia melalui syarikat-syarikat yang telah pun diambil bahagian ataupun terlibat dalam syarikat tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sambung petang Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Tumpu kepada pindaan rang undang-undang ya. Saya dengar tadi. Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *Mic*, ya okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan tumpukan kepada undang-undang Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Tidak ada 1MDB dalam ucapan saya. **[Ketawa]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Lain-lain yang tidak berkaitan pun juga tidak ada.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Oh! Berkaitan. Okey, saya ingin menumpukan kepada satu soalan yang saya pernah timbulkan pada bulan Mac tahun 2012 yang mana saya telah pun menyeru supaya *Securities Commission* menyasat satu perkara yang boleh dikatakan ajaib ataupun tidak biasa yang berlaku kepada satu syarikat yang bernama Supercomnet Technologies Berhad yang disangka sebagai sebuah syarikat yang telah pun harga sahamnya di Bursa Malaysia telah pun di manipulasi dan terdapat unsur-unsur *insider trading*. Ini perkara yang berkaitan secara langsung dengan akta ini, okey. *Securities Commission*, betul ya? **[Ketawa]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Okey, syarikat ini pada 20 Mac, harganya 12.5 sen, hari Selasa. Pada hari Jumaat, harganya menjadi 29.5 sen dan pada hari Isnin, hari satu lagi, menjadi 58 sen. Ini merupakan peningkatan sebanyak 96.6% ataupun mengikut harga satu minggu, harganya telah pun meningkat sebanyak 362%, okey. Bila Bursa Malaysia telah pun menyoal kepada syarikat tersebut kenapa ada *unusual stock activity*, Supercomnet menjawab pada malam hari Isnin bahawa pada hari sebelumnya, syarikat Supercomnet telah pun menandatangani satu perjanjian dengan Encik Mohd. Nazifuddin bin Mohd. Najib untuk memberikan opsi kepada Mohd. Nazifuddin untuk membeli 45,357,000 saham 10 sen dengan harga 22.5 sen yang merupakan 18.66% daripada *paid-up capital* Supercomnet.

Pengumuman ini menyebabkan pada hari Selasa, harga saham Supercomnet terus meningkat sehingga 52.5 sen sebelum harganya tumbang jatuh terjunam ke 36 sen pada hujung hari. Akan tetapi apa yang lebih *shocking*, yang mengejutkan pasaran ialah selepas penutupan, *the closing* hari Selasa, Supercomnet mengumumkan bahawa mereka telah pun menerima surat daripada Encik Mohd. Nazifuddin bin Mohd. Najib yang berkata bahawa beliau tidak akan - saya quote dengan izin, "*He will not be persuading the option to purchase 18.66% stake in the company as stated in the option letter*". Oleh sebab itu, hari kemudiannya iaitu hari Rabu, harga saham menurun sehingga 22.5 sen.

Peningkatan dan penurunan harga saham Supercomnet jelas menunjukkan kepada semua yang ada di pasaran, *the market*, bahawa ada manipulasi yang cukup *extensive* dan *negligence* ataupun kecuaihan daripada pihak pemilik saham, *shareholders*, *board of directors*, Lembaga Pengarah dan juga Encik Nazifuddin untuk menentukan supaya maklumat-maklumat yang penting disampaikan kepada pasaran ataupun pihak pemilik saham dengan masa yang mencukupi ataupun *on a timely basis*.

Dengan izin, saya berkata pada masa itu, "*Nazifuddin down right bizarre u-turn on the acceptance of the option to purchase 18.66% of the company only to rejected within 48 hours is clearly suspicious and must be immediately investigated*". Akan tetapi sampai hari ini, kita tidak mendapat sebarang jawapan ataupun hasil siasatan daripada *Securities Commission*. Saya ada tanya dalam satu lagi soalan pada bulan Jun 2012 mengenai status kes ini tetapi soalan tersebut telah pun ditolak oleh Dewan. Oleh sebab itu sampai hari ini kita tidak mendapat sebarang jawapan daripada pihak kementerian ataupun *Securities Commission* mengenai kes yang jelas mempunyai unsur-unsur manipulasi dan juga *insider trading* dalam perkara ini.

Ini bukan kali pertama Encik Nazifuddin ditimpa satu kontroversi. Sebelum pelaburan beliau dalam syarikat Supercomnet ini, beliau pernah menyebabkan sekali lagi unsur-unsur yang luar biasa bila beliau dilantik sebagai Lembaga Pengarah Harvest Court pada bulan Oktober 2011 tetapi selepas itu meletak jawatan selepas satu bulan sahaja. So, harga saham Harvest Court yang sebelum itu kurang daripada 10 sen, mencecah 40 sen selepas Nazifuddin menyertai Lembaga Pengarah dan meningkat sehingga RM2.14 sen dari kurang daripada 10 sen sehingga RM2.14 sen pada pertengahan bulan November sebelum Nazifuddin tiba-tiba mengumumkan bahawa beliau akan meletakkan jawatan beliau dan menyebabkan harga saham Harvest Court terjunam sekali lagi. So, untuk menjaga...

■1440

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bangun.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Masih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzi [Kulim-Bandar Baharu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara di mana kesalahan Nazifuddin ini, di mana

kesalahannya. Sebab dia hanya Pengarah, *market is a market force*, pasaran naik di mana yang, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara rasa kesalahan Nazifuddin menjadi *Director* sebulan selepas itu *resign* dan dia yang konon-kononnya menyebabkan kekeliruan *market*.

Adakah tidak kerana dia ini sebagai anak Perdana Menteri, maka dalam negara ini pasaran saham ini suka ataupun tidak senantiasa naik turun ikut gosip sama ada *Fund Managers* ataupun *market force* tetapi ceritanya gosip. Karakter adalah salah satu gosip. Jadi di mana kesalahan Nazifuddin cara Yang Berhormat Petaling Jaya Utara itu hendak bawa sebab dia anak Perdana Menteri, dia jadi *Director*, *market* naik dia tidak boleh. Di mana silapnya?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Silap yang paling penting adalah dalam syarikat Supercomnet di mana perjanjian telah pun ditandatangani tetapi pengumuman tidak dibuat dengan *immediately*. Itu penting, kalau tidak...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzi [Kulim-Bandar Baharu]:** Itu *company secretary* punya kerja kenapa...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Bukan, bukan ini syarikat punya tanggungjawab, syarikat punya tanggungjawab. Syarikat dan juga Nazifuddin kena menentukan supaya syarikat sebab Supercomnet merupakan satu syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. *The owners* dalam undang-undang, undang-undang ini *the owners to make an announcement on major agreements and material movements in the company...*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzi [Kulim-Bandar Baharu]:** Siapa, siapa yang kena buat itu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Syarikat.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzi [Kulim-Bandar Baharu]:** Syarikat. Ia bukan Nazifuddin lah ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya cerita syarikat. *[Ketawa]*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzi [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara berulang-ulang mengutarakan nama untuk *create a political issue*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Sebab dia terlibat.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzi [Kulim-Bandar Baharu]:** Dia terlibat tetapi sebagai salah satu pengarah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Dia terlibat. Dia sebagai salah satu pengarah bertanggungjawab untuk menentukan supaya syarikat tersebut untuk membuat pengumuman *on a timely basis*.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzi [Kulim-Bandar Baharu]:** Salah seorang daripada pengarah-pengarah. Dia bukan *individual needs to be responsible*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *The action that was involved was his purchase of shares of his receipt of the letter to buy, of course his name is mentioned.* Akan tetapi saya belum lagi salahkan beliau. Saya hanya minta supaya pada masa itu - saya hanya minta supaya *Securities Commission* membuat siasatan dan apa yang saya minta sekarang adalah supaya *Securities Commission* memberikan hasil siasatan tersebut sebab dalam jangka masa terkini kita ada lihat kes-kes *insider trading* yang dibawa oleh *Securities Commission* kepada mahkamah.

Ini perkara yang baik sebab kita hendak satu *market* dan satu institusi yang bebas yang akan mengenakan hukuman atau tindakan ke atas pihak-pihak yang menyalahgunakan maklumat ataupun menyalahgunakan kuasa mereka sebagai syarikat yang tersenarai untuk membawa keuntungan luar biasa kepada mereka sendiri. So, *bringing insider cases* ke mahkamah adalah perkara yang baik.

Apa yang kita bimbang adalah walaupun apa yang dipinda dalam akta ini merupakan pindaan yang baik, yang kita sokong dan boleh terima tetapi kalau pihak institusi tidak menjalankan tugas mereka secara bebas ataupun secara tidak mengambil memihak mana-mana pihak, memilih pihak semua pihak perlu dibawa ke mahkamah bukan sahaja pihak-pihak yang tertentu dan pihak yang berkaitan yang terlibat nama besar

mungkin nama sensitif sebab itu Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu sensitif sedikit. Nama sensitif ia tidak disiasat dan tidak ada jawapan yang diberikan kepada pasaran.

So, itu merupakan antara satu kes yang di mana kita tidak mendapat sebarang jawapan daripada Securities Commission. Pada masa yang sama ada kes lain juga kes seperti pengambilalihan *acquisition of E&O 30%* daripada E&O oleh syarikat Sime Darby di mana ia mencetuskan satu kontroversi pasaran di mana Sime Darby pada awalnya tidak diperlukan untuk menjalankan satu *general offer* untuk semua saham-saham yang lain di dalam E&O. So, dalam perkara tersebut bila kontroversi timbul, kita diberitahu bahawa satu jawatankuasa siasatan telah pun ditubuhkan dalam Securities Commission, pada masa itu 2012.

Akan tetapi sampai hari ini tidak ada sebarang *update* dan sebelum saya buat ucapan saya, saya ada *check* sekali lagi adakah perkembangan yang terkini yang berlaku yang mungkin terlepas pandang oleh saya di mana Securities Commission telah pun membuat satu keputusan ataupun mengumumkan hasil siasatan mereka. Tidak ada, senyap. *Completely silent*. So, kita harap supaya undang-undang mungkin baik tetapi kita harap supaya Securities Commission dapat bertindak dan dilihat sebagai bertindak dengan secara bebas, *without fear or favor of any parties* sama ada GLC yang paling besar ataupun syarikat-syarikat kecil yang berkaitan dengan VIP-VIP yang tertentu.

Saya tidak kata dia salah, saya hanya minta supaya beliau, SC ada menjalankan satu siasatan yang telus dan rakyat diberikan satu jawapan oleh pihak SC. Okey, itu sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

**2.46 ptg.**

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih memberi saya peluang pada hari ini. Saya juga ingin bahas di dalam perkara Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan Tuan Yang di-Pertua saya ambil maklum yang terdapat beberapa teras utama dalam RUU ini tetapi saya difahamkan kalau kita tengok dalam Fasal 9 antara lain akan memperkenalkan satu rangka kerja penajaan Jannah SME yang melalui ECF ataupun *equity crowdfunding* dan di bawah fasal ini operator ECF boleh didaftarkan sebagai pengendali pasaran diiktiraf.

Saya hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian berkenaan kerana membawa RUU ini kerana kita rasa pada saya ini adalah *the right time*, dengan izin. ECF ini ataupun *equity crowdfunding* apabila diluluskan akan menjadi negara Malaysia akan menjadi negara yang pertama di ASEAN yang memperkenalkan rangka kerja ECF ini dan ini saya lihat akan menjadi satu inisiatif untuk membantu usahawan baru melalui suntikan ekuiti daripada pelabur yang berminat dan secara langsungnya akan membantu SME untuk mengumpul dana melalui ECF ini.

Ini Tuan Yang di-Pertua kita lihat akan dapat membantu untuk menyelesaikan masalah-masalah SME untuk mendapatkan pinjaman dari bank terutamanya apabila syarikat-syarikat ini adalah syarikat baru yang tidak mempunyai *track record*, dengan izin ataupun syarikat ini adalah syarikat yang mengeluarkan produk-produk inovasi dan kreatif yang kita faham agak sukar untuk mendapatkan dana dan kerana itulah saya hendak mengambil beberapa contoh. Kalau di luar negara, ECF ini agak popular sebagai contohnya dekat U.S.. Contoh paling dekat adalah CircleUp yang telah berjaya kita lihat berjaya membantu 30 syarikat untuk mendapatkan sejumlah dana yang berjumlah RM30 juta dalam masa dua tahun.

Saya tengok ini adalah satu global trend dan Malaysia sepatutnya satu negara yang sama-sama turut serta di dalam penyertaan untuk memperkenalkan ECF ini. Akan tetapi walaupun ECF ini kita dapati memang berkesan di luar negara saya ada beberapa perkara yang saya hendak bawa dan saya hendak tanya kepada pihak kementerian iaitu dalam kita hendak memastikan kejayaan platform ini, platform *equity crowdfunding* ini, saya

hendak minta kementerian untuk menjelaskan *guideline* ataupun *framework* yang telah ditetapkan oleh SC kepada *operators.*, kepada SME dan juga kepada pelabur yang berminat untuk turut serta di dalam ECF ini kerana itu tidak ada di dalam RUU ini yang dibekalkan kepada kita.

■1450

Seterusnya memandangkan ECF ini adalah yang pertama di ASEAN sudah semestinya ramai yang tidak berapa pasti dan tidak tahu mengenai takrif *crowdfunding* ini sendiri. Oleh itu saya hendak memohon agar pihak kementerian untuk menjelaskan apakah kriteria yang membolehkan syarikat itu menjadi operator. Apabila hendak menjadi operator ini, adakah mereka ini memerlukan lesen? Setakat ini saya juga hendak kementerian untuk menjelaskan kepada Dewan ini ataupun memberitahu kepada kita berapa banyak syarikat yang telah menyatakan *interest* dengan izin, *interest* mereka untuk menjadi operator kepada penyediaan ECF ini.

Tuan Yang di-Pertua, platform ECF ini memang banyak kebaikan kepada SME seperti yang saya nyatakan tadi. Di samping mendapat penyediaan kewangan itu, kita percaya ianya dapat membantu SME untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka menggunakan platform ECF ini. Jadinya sehubungan dengan itu, bila kita bercakap mengenai syarikat-syarikat SME ini, sudah semestinya kita perlu dimaklumkan jenis-jenis SME yang boleh menggunakan *facility* yang bakal ditawarkan ini. Sebagai contohnya, apakah jenis perniagaan, kriteria utamanya, adakah perlu mempunyai apa-apa modal minima bagi membolehkan mereka ini memohon untuk turut serta di dalam ECF ini. Melalui ECF ini juga pelabur dia tidak ada *direct access* dengan syarikat yang akan menerima pelaburan ini.

Jadinya kadang-kadang pelabur bila kita tidak kenal kepada syarikat tersebut dan hanya bergantung kepada informasi yang diberikan secara *online*, saya khuatir dan juga takut mungkin ada sesetengah maklumat itu tidak diberikan hebahan. Jadi soalan saya kepada pihak kementerian adalah bagaimanakah SC boleh memastikan informasi syarikat ini tepat dan syarikat ini tidak menyembunyikan apa-apa maklumat daripada bakal pelabur mereka.

Seterusnya, apakah langkah yang diambil oleh SC untuk melindungi duit pelabur agar pelabur ini dia ada keyakinan. Dia merasai keyakinan dengan pelaburan mereka. Maklumlah syarikat ini hanya mereka kenal ataupun mereka tahu mengenai informasi yang diberikan kepada mereka secara atas talian.

Jadinya apakah ataupun adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan satu *trust account* di mana apabila duit ini, duit yang dikumpul, yang ditawarkan ini tetapi belum cukup untuk diberikan kepada penerimanya, adakah kementerian akan mewujudkan satu *trust account* di mana duit ini boleh disimpan sebelum diserahkan kepada syarikat yang terpilih. Jadinya ini sangat penting. Kemudian kementerian juga perlu untuk memaklumkan bahawa apabila adanya, sekiranya ada *trust account* yang diwujudkan, siapakah yang akan mengendalikan *trust account* ini, sama ada SC atau siapakah.

Jadinya diharapkan kementerian dapat memberikan penjelasan mengenai perkara yang saya telah timbulkan. Saya sebelum mengakhirinya ucapan saya, saya kira ini tepat pada waktunya. Kalau ianya satu yang bagus dan boleh dikembangkan lagi dan ianya secara tidak langsung akan juga membantu sebab akhirnya pada hujung tahun ini *insya-Allah* kita akan wujud satu *ASEAN Economy Community*. Jadinya secara tidak langsung ianya dapat membantu. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak dan saya menyokong rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada lagi yang berminat? Ya, sila Yang Berhormat Titiwangsa.

2.54 ptg.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih. Saya ingin mengucapkan banyak terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana telah membentangkan Rang Undang-undang Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan ini. Ada beberapa isu yang saya ingin bangkitkan. Pertama, dari segi cadangan bagaimana kita memperluaskan *audit overview board* dalam pembentangan ini kerana saya lihat sudah tiba

masanya SC kena melihat bagaimana kita boleh melihat audit, *auditors* yang diguna pakai sebagai pemaklum kepada segala *proposal* yang *submit* kepada SC untuk kita pastikan bahawa *auditors* yang diguna pakai oleh SC ini kena memenuhi kriteria-kriteria sebelum mereka boleh diguna pakai oleh mana-mana syarikat yang ingin mentadbir dana-dana untuk *public*, awam ini.

Ini kerana saya melihat banyak *auditors* yang diguna pakai oleh syarikat-syarikat ini kadang-kadang tidak memenuhi kriteria dan ketelusan dari segi audit yang diguna pakai ini banyak meragukan sehingga apabila kita wujud satu masalah yang timbul dalam syarikat-syarikat ataupun dana-dana awam ini yang mana ramai pelabur-pelabur minoriti yang terlibat secara langsung.

Saya ingin mencadangkan bahawa kalau boleh SC mewujudkan satu *communication website* untuk kita melihat segala sebarang masalah yang apabila sesuatu syarikat itu mengemukakan cadangan kepada pihak SC dan apabila ada masalah-masalah bersangkutan paut dari segi kesahihan sesuatu maklumat itu perlulah dikemukakan untuk *public* mendapat tahu segala masalah yang dikendalikan ataupun yang di *submit* oleh SC ini supaya ianya tidak menjadi bebanan kepada pihak kerajaan oleh kerana kerja-kerja yang dilakukan oleh konsultan-konsultan yang bergelar, yang diguna pakai oleh pelabur-pelabur ini tidak menjalankan tanggungjawab mereka sepenuhnya.

Jadi, banyak syarikat yang mengemukakan cadangan-cadangan kepada SC. Respons daripada SC ini kadang-kadang mengambil masa begitu lama dan selalunya *period* yang diambil atau jangka masa yang diambil ini panjang kerana banyak maklumat-maklumat yang dihantar tidak memenuhi pra syarat yang dikehendaki.

Saya ingin mencadangkan bahawa SC kalau boleh mewujudkan satu sistem komunikasi di antara pelabur dan juga syarikat-syarikat ataupun mereka yang ingin menggunakan dana *public* ini supaya sebarang *submission* yang dibuat terhadap maklumat-maklumat yang dihantar ini dapat kita analisa secara *detail* tanpa menggunakan undang-undang yang memerlukan SC bertanggungjawab.

Kita hendak kita *pass back to the investor* dan juga *provider of the information* untuk bertanggungjawab. Oleh sebab itu, kalau kita lihat dari segi *proposal* yang dihantar. Setiap *proposal* yang dihantar kepada SC ini, oleh kerana masa yang diambil begitu lama, *investment* yang telah *propose* kan itu tidak begitu relevan lagi dengan masyarakat atau syarikat melabur.

Jadi saya mohon kepada pihak kerajaan melihat perkara ini kerana ianya sangat penting terutamanya apabila kerajaan cuba hari ini memperkenalkan *crowdfunding*. *Crowdfunding* ini kalau kita lihat isu *about crowdfunding* yang berbangkit kepada negara-negara yang telah memperkenalkan *crowdfunding* adalah isu dari segi *governance of cash* yang apabila telah dikutip ataupun disimpan atau di *subscribe* oleh pelabur-pelabur dan wang itu tidak dapat dijaga sepenuhnya kerana *most of the crowdfunding* ini adalah di *manage* oleh *private entity* ataupun *private institution* yang mana *privately run by board*. *Board* mereka juga terdiri daripada mereka yang kebanyakannya tidak mempunyai pengalaman dan akhirnya dia akan menyebabkan kerugian besar kepada mereka yang terlibat secara langsung dari segi *crowd money*.

Kedua, saya juga ingin mohon kepada pihak kerajaan melihat bagaimana *private run companies* yang mengumpul dana-dana ini boleh mempunyai *standard and procedure* yang boleh menjaga dari segi ketelusan syarikat-syarikat yang memohon *crowdfunding* ini kerana banyak *crowdfunding*, maklumat-maklumat *crowdfunding* yang kita lihat sekarang ini mereka banyak bergantung kepada *individual investor* yang menghantar maklumat untuk kita melabur.

#### ■1500

Jadi saya harap pihak SC boleh melihat benda ini dengan harapan bahawa apabila kita *introduce crowdfunding* ini, sistem dan *procedures* kita untuk menentukan market mendapat pasaran kewangan daripada *public* ini tidak akan tergendala.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada lagi yang berminat? Kalau tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

### 3.01 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut terlibat untuk membahaskan Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015. Terdapat beberapa isu yang dibangkitkan. Yang berkaitan saya akan cuba menjawab.

Dari segi banyak yang diulangi terutamanya mengenai pematuhan sama ada daripada pengawalseliaan terutamanya dari segi pasaran modal di Malaysia ini atau undang-undang sekuriti adalah mematuhi suatu standard. Di sini saya ingin memberi maklum dan juga memberi maklumat bahawa Malaysia melalui Suruhanjaya Sekuriti telah menunjukkan tahap pematuhan yang tinggi dalam melaksanakan objektif dan prinsipal pengawalseliaan undang-undang sekuriti yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti berdasarkan penilaian oleh IMF dan *World Bank* di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan.

Berdasarkan penilaian di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti telah diberikan penarafan mematuhi *fully implemented* bagi hampir kesemua prinsipal dan objektif, 34 out of 37 *principle* dengan izin yang telah digariskan dari aspek tahap pengawalseliaan SC sebagai badan kawal selia penguatkuasaan undang-undang sekuriti dan pemantauan pasaran. Secara keseluruhannya, pihak SC telah dinilai mencapai kepatuhan prinsipal-prinsipal tersebut sebanyak 92% berbanding dengan negara-negara lain seperti Singapura, 76%; Australia, 76%; dan Jepun, 59%. Malaysia merupakan negara yang mencapai kepatuhan yang tinggi berbanding dengan negara-negara maju yang lain. Malaysia juga berada dalam kedudukan kelima di dalam senarai *World Bank* bagi perlindungan pelabur minoriti.

Maka di sini saya ingin mengatakan bahawa dalam pindaan ini terdapat juga pengukuhan. Sebagai contoh, untuk rangka kerja penawaran bon sedia ada, sekarang dibahagikan kepada dua iaitu melibatkan pelabur *sophisticated* dan pelabur runcit. Untuk bon yang diterbitkan dan ditawarkan kepada pelabur *sophisticated*, rangka kerja sedia ada memerlukan pelabur *sophisticated* ini membaca dan meneliti maklumat di dalam dokumen penzahiran sebelum membeli bon tersebut. Oleh itu, SC memandang serius dan mendakwa mereka yang memberi maklumat palsu atau mengelirukan di dalam penzahiran yang dibuat. Kesalahan ini terdapat dalam seksyen 246 dan boleh dihukum penjara 10 tahun atau denda RM3 juta atau kedua-duanya. Dalam pindaan CMSA ini juga, mereka dipertanggungjawabkan membuat penzahiran juga dikukuhkan di dalam fasal 29, 30, 33 dan 34.

Untuk isu kes Sime Darby dan ENO berkenaan dengan isu pembelian, jawatankuasa khas yang ditubuhkan untuk meneliti transaksi ini telah pun memberi keputusannya pada 11 Oktober 2011 dan satu siaran akhbar juga telah dikeluarkan oleh SC pada Oktober 2011 untuk makluman orang ramai.

Mengenai saranan bahawa dana dan hutang haruslah—peminjaman wang haruslah untuk pembangunan ekonomi haruslah lebih bergantung kepada pinjaman bank, itu adalah tidak betul. Pasaran saham memainkan peranan penting sebagai satu sumber alternatif pinjaman jangka panjang melalui instrumen jangka panjang. Ini membantu dalam mengurangkan *stress* kepada sistem perbankan dengan memadankan, *matching*, pelaburan jangka panjang dengan dana jangka panjang. Instrumen kewangan berdasarkan pasaran modal mampu memberi pilihan yang besar alternatif kepada pelabur dan penerbit berasaskan profil risiko yang berlainan.

Berkenaan dengan yang mengatakan pasaran saham adalah seperti kasino. Pasaran saham tidak boleh dikatakan sebagai kasino memandangkan terdapatnya pengawalseliaan yang rapi yang dijalankan oleh SC ke atas semua penyerta pasaran saham termasuk pelabur, syarikat broker saham, pengarah syarikat tersenarai dan bursa saham. Dari tahun 2010 hingga 2014, seramai 22 individu yang melanggar undang-undang sekuriti telah dipenjarakan antara satu hingga 12 tahun. Mahkamah juga telah mengenakan denda sebanyak RM27.1 juta pada masa yang sama.

Mengenai dakwaan yang mengatakan bahawa semua IPO mesti ada premium. Sebenarnya saya ingin berkongsi sebagai contoh syarikat yang terkenal seperti Facebook, mengalami penurunan 50% daripada IPO *price* dan perlu tunggu sehingga setahun sebelum dia sampai ke IPO *price*.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, boleh penjelasan lebih? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang premium itu, Yang Berhormat Menteri ada tidak tentang berapa IPO yang ada premium? Saya rasa Yang Berhormat Parit Sulong memang *expert* dalam *matter* ini. Dia tengok sahaja saya. Setahu saya, sekurang-kurangnya 95%, 97% syarikat yang buat IPO akan dapat premium. Betul kah tidak?

**Datuk Chua Tee Yong:** Bukan semua syarikat yang mencuba akan menjadi premium. Kalau tidak, semua boleh melabur dan mengaut keuntungan. Dia melihat terutamanya kepada *market condition* dan semasa menyenaraikan.

Untuk isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong terutamanya mengenai *equity crowdfunding* bersama dengan Yang Berhormat Titiwangsa, memang dari segi kriteria, SC mengeluarkan kriteria bagi pendaftaran pengendali platform ekuiti. Pengendalian platform *equity crowdfunding* hendaklah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia. Sebelum didaftarkan, seseorang pengendali hendaklah menunjukkan bahawa pengendali mempunyai sumber kepakaran dan kaedah atau *rules* yang mencukupi bagi menjalankan operasi platform itu, membuat penilaian atau *due diligence* terhadap syarikat-syarikat berminat untuk disenaraikan atau diplatformkan dan memastikan pelabur adalah dilindungi.

Sebenarnya pada masa sekarang ada boleh dikatakan *crowdfunding* tetapi bukan *equity crowdfunding* lah seperti di Malaysia ada *Mystarr.com* dan *Pitchin.my*. Mereka telah aktif tetapi bukan melabur dari segi ekuiti dan *funding*. Untuk jenis-jenis syarikat yang boleh menjana dana melalui *equity crowdfunding*, jenis-jenis syarikat adalah syarikat persendirian dengan modal berbayar tidak melebihi atau *paid-up capital* tidak melebihi RM5 juta dan syarikat hendaklah mempunyai pelan perniagaan yang kukuh.

Ada juga yang bertanya jumlah dana yang boleh dijana atau dikumpulkan oleh SME melalui *equity crowdfunding*. SME boleh menjana dana sebanyak RM3 juta setahun melalui platform *equity crowdfunding* dan sejumlah maksimum RM5 juta sepanjang tempoh penglibatannya di dalam platform tersebut.

Terdapat juga risiko dari segi sebarang pelaburan sama seperti risiko untuk *crowdfunding*, pelabur *equity crowdfunding* adalah terdedah kepada risiko-risiko berikut:

- (i) kerugian keseluruhan jumlah wang yang dilaburkan sekiranya projek yang ingin dimajukan dari dana pelabur itu gagal; dan
- (ii) risiko kecairan syarikat, *liquidity risk* bagi pelabur untuk melepaskan pemegang syer mereka di dalam SME itu.

Mengambil kira risiko-risiko *equity crowdfunding* seperti yang telah dinyatakan, para pelabur *equity crowdfunding* adalah tertakluk kepada konsep *buyers beware*. Akan tetapi, dari segi peruntukan, terdapat peruntukan-peruntukan perlindungan pelabur yang akan diperkenalkan.

Pertama, memastikan pelabur diberi pendedahan dan maklumat yang mencukupi bagi memahami risiko dan prosedur berkaitan *equity crowdfunding* dengan adanya had. Sebagai contoh, untuk mereka yang tidak *sophisticated*, *normal investors*, mereka dihadkan sebanyak RM5,000 setiap penerbit dan sebanyak RM50,000 setahun sahaja. Untuk pelabur peruncit. Untuk pelabur *angel* adalah sebanyak RM500,000 setahun dan pelabur *sophisticated* tidak terhad. Akan tetapi, mekanisme yang sedia ada juga termasuk nombor tiga, wang para pelabur akan disimpan di dalam satu akaun amanah, *trust account* seperti

Yang Berhormat bangkitkan dan hanya diberikan kepada syarikat berkenaan sekiranya jumlah dana yang telah dikenal pasti dapat dicapai sepenuhnya. Sekiranya jumlah dana tersebut gagal dikumpulkan, wang para pelabur akan dipulangkan.

■1510

- (iv) Pelabur akan diberi tempoh rehat atau *cooling-off period* selama enam hari bagi membenarkan pelabur untuk menarik balik pelaburan mereka sekiranya mereka ingin berbuat demikian;
- (v) Kehendak bagi memaklumkan pelabur akan sebarang perubahan material berkenaan syarikat tersebut semasa tempoh penawaran syarikat itu. Juga akan diadakan tindakan yang boleh diambil oleh SC sekiranya syarikat menyalahgunakan wang pelabur...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Cuma ada sedikit. Terima kasih banyak, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi telah dimaklumkan secara terperinci mengenai *the detailing* dengan izin, untuk menunjukkan terutamanya duit-duit yang telah dikumpulkan. Jadi soalan saya adalah siapa nanti yang akan buka ataupun *open the trust account* dengan izin. Siapa nanti akan buka, sama ada SC sendiri ataupun syarikat-syarikat tersebut yang telah dikenal pasti sebab kita ini berbicara mengenai kewangan ataupun satu dana yang mungkin besar. Jadi kita kena ada *great confidence*. Jadi saya hendak tahu, siapa nanti yang akan jaga *fund* itu.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya SC juga memandang berat terutamanya untuk memberi keyakinan kerana Malaysia merupakan salah sebuah negara yang mempunyai boleh dikatakan akta untuk *equity crowdfunding*. Maka dari segi prosesnya, kita akan memastikan sebagai contoh yang dikenakan, terutamanya wang pelabur itu akan disimpan di dalam satu akaun amanah. Maka tujuannya disimpan di dalam akaun amanah ini adalah untuk memastikan bahawa wang itu kalau tidak dapat dikumpulkan sepenuhnya, boleh dipulangkan. Operator akan membuka *trust account* dengan pihak bank. Akaun ini akan diasingkan secara *trust* tetapi dari segi jikalau terdapat apa-apa isu, apakah tindakan yang boleh diambil oleh SC.

Sebenarnya, kalau terdapat penyalahgunaan wang pelabur atau *fraud* adalah satu kesalahan di bawah seksyen 179 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan yang sekiranya dibabitkan kesalahan boleh dihukum dengan pemenjaraan tidak melebihi 10 tahun dan denda minimum RM1 juta. Oleh itu, terdapat juga ada *exceed* mekanisme yang tersedia bagi pelabur *equity crowdfunding*, pengendali *equity crowdfunding* boleh memperuntukkan satu tempoh *window period* bagi membenarkan para pelabur *equity crowdfunding* untuk menjual syer mereka melalui transaksi pasaran iaitu *secondary market*. Walaupun...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Titiwangsa.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Minta maaf Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, siapa yang menentukan sama ada sesuatu pelabur itu kategori *retail investor*, *angel investor* ataupun *sophisticated investor*? Adakah definisi *investor* ini ditentukan oleh pihak Security Commission?

**Datuk Chua Tee Yong:** Sebenarnya terdapat juga definisi-definisi ini di mana ia mengikut pendapatan. Boleh dikatakan pelabur-pelabur dan terdapat juga boleh dikatakan nombor satu untuk *angel investor* seperti yang saya katakan, *angel investor* mereka mempunyai had untuk RM500,000 setahun. Ia adalah berdasarkan pengiktirafan Malaysia Business Angels Network di mana mereka adalah berasaskan nombor satu, dari segi total *wealth* atau *net personal asset* adalah RM3 juta *and above* atau *equivalent in foreign currency*. Selain itu dari segi *income*, mereka adalah melihat dari segi *annual income* adalah *not less than*, tidak kurang daripada RM180,000. Juga untuk pelabur sofistikated di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 di Jadual 6 dan 7, mereka juga mempunyai kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Maka, ini adalah mengikut apa yang terdapat di dalam akta.

Dengan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasan ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapan tentang siasatan mengenai kes *manipulation of Supercomnet*?

**Datuk Chua Tee Yong:** Jawapan yang saya ada memandangkan kedua-dua kes masih dalam siasatan pihak SC, SC tidak dapat mendedahkan apa-apa maklumat mengenai siasatan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 49** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula**]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PERSARAAN (PINDAAN) 2015**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **3.18 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang Akta Kumpulan Wang Persaraan (Pindaan) 2015 untuk meminda Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662] dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 2 Julai 2014 semasa menimbangkan memorandum daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri No. M4442014 bertajuk Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Transformasi Perkhidmatan Awam Bil. 1 Tahun 2014 antara lain telah bersetuju supaya KWAP mengambil alih fungsi pembayaran faedah persaraan, pembiayaan kos operasi dan belanja mengurus melibatkan pesara perkhidmatan awam persekutuan dan negeri, pihak berkuasa berkanun dan tempatan, hakim dan bekas anggota pentadbiran Ahli Parlimen serta bekas Setiausaha Politik kecuali Angkatan Tentera Malaysia. Fungsi penggubalan dasar dan kelulusan persaraan adalah kekal di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini akan memberi manfaat kepada negara dalam empat aspek utama iaitu:

- (i) akan meningkatkan tahap kecekapan operasi dan khidmat pelanggan kepada pesara dan bakal pesara melalui pelantikan KWAP sebagai ejen kepada Kerajaan Persekutuan untuk

- melaksanakan perkhidmatan pembayaran pencen ganjaran atau faedah lain;
- (ii) akan membolehkan Jabatan Perkhidmatan Awam lebih fokus terhadap pemantauan keberkesanan polisi-polisi saraan sedia ada dan seterusnya melaksanakan penambahbaikan;
  - (iii) Jabatan Perkhidmatan Awam bersama-sama dengan KWAP akan melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan mutu kehidupan pesara-pesara ataupun *pensioners' wellbeing* dengan izin, dari aspek kewangan kesihatan dan lain-lain; dan
  - (iv) membolehkan KWAP melaksanakan aktiviti-aktiviti pelaburan bagi aset kelas yang baru bagi tujuan meningkatkan pulangan pelaburan pada kadar tahap risiko pelaburan yang dibenarkan dan seterusnya akan menyokong pertumbuhan dana persaraan KWAP pada jangka masa panjang.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, maklumat rang undang-undang ini adalah untuk mencapai lima objektif berikut iaitu:

- (i) membolehkan KWAP dilantik sebagai ejen kepada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan perkhidmatan pembayaran pencen, ganjaran atau faedah lain;
- (ii) membolehkan KWAP membuat pelaburan melalui pemerolehan atau langganan sekuriti dalam syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham di luar Malaysia;
- (iii) membolehkan KWAP dengan kelulusan Kementerian Kewangan untuk membuat pelaburan dalam kelas aset yang baru seperti berikut:
  - (a) pembangunan bangunan, infrastruktur dan sumber asli;
  - (b) sekuriti yang diterbitkan atau dijamin sepenuhnya oleh mana-mana kerajaan berdaulat, organisasi supranasional atau multilateral;
  - (c) sekuriti yang diterbitkan atau dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia, dijamin oleh mana-mana kerajaan berdaulat, organisasi supranasional atau multilateral;
  - (d) membeli sekuriti atau melanggan apa-apa produk bagi maksud perlindungan nilai pelaburan KWAP dan bukannya bagi maksud mengambil keuntungan jangka pendek; dan
  - (e) dana ekuiti persendirian.
- (iv) mengemas kini Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 dengan memasukkan rujukan kepada undang-undang baru yang berkaitan dengannya; dan
- (v) memasukkan peruntukan baru mengenai pemeliharaan kerahsiaan data dan dokumen yang dikendalikan oleh KWAP.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi lapan fasal untuk meminda Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007, Akta 662. Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini diringkaskan seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan dan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 662 untuk memasukkan takrif baru "debentur" dan meminda beberapa takrif yang sedia ada dalam Akta 662.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A ke dalam Akta 662 untuk membolehkan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bertindak sebagai ejen Kerajaan Malaysia bagi maksud pembayaran apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis daripada Kumpulan Wang Disatukan. Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) boleh dibayar apa-apa jumlah wang yang jumlahnya boleh ditentukan oleh Kerajaan Malaysia bagi perkhidmatan yang diberikan olehnya sebagai ejen kepada Kerajaan Malaysia.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda perenggan 6(4)(f) Akta 662 untuk menaikkan kelayakan bakal ahli lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) untuk memasukkan orang yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam pelaburan atau perbankan.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda perenggan 7(2)(b) Akta 662 untuk mengeluarkan wakil dari Bank Negara Malaysia sebagai ahli lembaga dan untuk menambahkan bilangan orang yang akan dilantik oleh Menteri di bawah perenggan 7(2)(e) Akta 662 daripada tiga orang kepada empat orang yang boleh dilantik daripada sektor awam dan swasta dengan syarat mereka ini mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan pelaburan perbankan atau kewangan.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda subseksyen 13(2) Akta 662 untuk memasukkan wang yang diterima oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi perkhidmatan yang diberikan olehnya sebagai ejen Kerajaan Malaysia di bawah seksyen 4A Akta 662 untuk dibayar ke dalam atau dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang Persaraan.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen 14(1) Akta 662 untuk memperjelaskan dan memperluaskan skop pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 21A ke dalam Akta 662 untuk mengenakan kewajipan bagi mengekalkan kerahsiaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata rang undang-undang ini akan membolehkan skop pelaburan KWAP diperluas, meningkatkan kecekapan operasi KWAP dan membolehkan KWAP dilantik sebagai ejen Kerajaan Persekutuan untuk memberikan perkhidmatan dalam pembayaran pencen, ganjaran atau faedah lain yang diperuntukkan di bawah undang-undang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ya, Yang Berhormat Sepang.

### 3.25 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat pindaan ini dibuat dalam keadaan kita tahu bagaimana sebelum ini wang Kumpulan Wang Persaraan ini telah digunakan oleh pihak kerajaan walaupun dinafikan sebagai *bailout* tetapi ini adalah sebahagian daripada *bailout* yang menjadi kerusingan rakyat Malaysia ini. Kita tahu di mana di dalam Parlimen ini didedahkan bagaimana pihak Kumpulan Wang Persaraan ini telah digunakan sebanyak RM4 bilion. Kali ini yang terbaru pula didedahkan kita lihat bagaimana selepas isu Tabung Haji membeli tanah di TRX itu, sekarang ini timbul pula kontroversi yang baru di mana wang daripada Akta Kumpulan Wang Persaraan ini juga akan digunakan untuk membeli juga satu lagi tanah di tempat yang sama.

Saya ingin membangkitkan dalam perbincangan ini ialah berkaitan dengan pindaan ke atas yang memperkenalkan seksyen baru 4A itu di mana Kumpulan Wang Persaraan ini dimasukkan satu *provision* bahawa akan bertindak sebagai ejen Kerajaan Malaysia bagi maksud pembayaran atau pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis daripada Kumpulan Wang Disatukan. Persoalan yang ingin saya timbulkan kepada Menteri, apakah rasional diperkenalkan seksyen 4A ini sebab kalau kita lihat kepada seksyen 4 yang asal itu bahawa tujuan Kumpulan Wang Persaraan ini ialah untuk memastikan wang-wang pencen ini dapat digunakan untuk matlamat yang tertentu. Sudah tentulah matlamat yang paling besar ialah bagaimana memastikan wang persaraan ini dapat membantu pesara-pesara sebab itulah sasaran atau *target* di mana wang ini diperkenalkan.

Jadi, kita risau dengan apa yang berlaku sekarang ini nampaknya wang-wang seperti ini, wang-wang yang bagi saya kerajaan pegang sebagai satu *trust*, sebagai satu amanah daripada rakyat kepada kerajaan tetapi mengapakah dalam keadaan 1MDB mengalami masalah, tiba-tiba wang-wang yang menjadi wang amanah ini digunakan. Tadi dalam perbincangan semasa Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015. Ketika Yang Berhormat Kelana Jaya berbahas saya dengar celahan daripada Ahli Parlimen Jasin yang mengatakan 1MDB ini ialah satu syarikat yang bertujuan sebagai syarikat pelaburan. Kalau kita lihat konsep *sovereign wealth fund* itu, yang itulah sebenarnya yang dikatakan tujuan kenapa 1MDB ini ditubuhkan.

Selalunya wang-wang yang hendak digunakan untuk *sovereign fund* ini ialah wang-wang lebihan di mana contohnya kalau sekiranya surplus, bajet surplus, sedangkan dalam negara kita ini berapa tahun dah kita telah didedahkan bajet yang dibentangkan di Parlimen ini adalah melibatkan defisit, belanjawan defisit.

Dalam keadaan kewangan kita pun tidak teguh, kita berbeza dengan negara-negara pengeluar minyak sebagai contoh, negara-negara seperti UAE, memang mereka mempunyai *sovereign wealth fund* ini kerana mereka mempunyai wang berlebihan. Wang yang lebih itu mereka laburkan dalam tabung ini bagi memastikan antara lain supaya sekiranya apa-apa berlaku terhadap harga minyak dan sebagainya, ada dia punya *safety net*. Akan tetapi dalam negara kita ini, dalam keadaan belanjawan defisit, dalam keadaan wang berlebihan pun tidak ada, tiba-tiba kita buat satu tabung untuk melaburkan. Yang lebih malang lagi sampai sekarang kita tidak tahu apakah keuntungan yang telah dicapai oleh 1MDB ini. Apa dia *profit* 1MDB ini yang telah kita dapat kecapai, rakyat Malaysia. Apa yang kita tahu daripada satu hutang ke satu hutang dan didedahkan oleh *Sarawak Report* yang terbaru. [*Dewan riuh*]

■1530

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak. Saya hendak katakan nanti wang pencen ini akan digunakan, wang pencen ini. Barisan Nasional ini, apabila ada masalah, dia akan gunakan. Sekarang ini ... [*Disampuk*] Kalau hendak tanya, sila bangun. Jangan macam- saya cakap nanti marah pula. Macam alat tengah berkerumun dalam, bunyi macam alat yang berkerumun di - tahu-tahulah. Mana alat-lalat itu, bangunlah kalau hendak cakap.

Persoalannya sekarang ini, wang ini dikatakan sebagai ejen kepada kerajaan. Saya risau digunakan perkataan 'ejen' ini untuk hendak melindungi *bailout* ini. Makna kalau wang ini digunakan - Oh! Sebenarnya kerajaan mengambil tanggungjawab, bukan kita, bukan wang pencen. Maknanya dia berlakap dengan perkataan 'ejen' ini untuk hendak memastikan, untuk hendak menyatakan bahawa kalau sekiranya *bailout* ini dilakukan, ia adalah atas *government* punya ataupun satu tindakan kerajaan, bukan simpanan. Maknanya, hendak katakan bahawa tidak salah kerajaan menggunakan wang ini kerana kita adalah ejen kepada kerajaan.

Jadi saya hendak katakan contoh dalam 1MDB tadi. Kalau betul pelaburan ini boleh menguntungkan, kita tidak risau wang-wang pencen ini tidak akan disalahgunakan. Akan tetapi sekarang ini, yang terbaru didedahkan bagaimana katanya sebahagian wang yang dilaburkan di Cayman Islands itu telah berjaya dibawa balik tetapi bawa balik ke Singapura, tidak berjaya dibawa balik ke Malaysia, masuk ke sebuah bank di Singapura dan bank ini pula dilaporkan dalam *website* ini mengalami kerugian. Kita masuk satu *private bank* yang mengalami kerugian, bank yang kecil, kemudiannya yang lebih malu lagi, kata

RM1 bilion telah dimasukkan, tiba-tiba didedahkan dalam sebuah *report*, dalam satu dokumen, bukan wang tunai yang dimasukkan tetapi *paper asset*. Maknanya bukan wang. Ini semua merunsingkan kita. Jadi kita risau wang-wang ini apabila tidak dapat balik kepada menolong rakyat Malaysia dengan hasil daripada pelaburan itu, akhirnya Wang Amanah Pecen ini akan digunakan seperti mana wang Tabung Haji, seperti mana wang KWSP dan sebagainya.

Oleh sebab itulah saya hendak tanya kepada kerajaan, apa rasionalnya diperkenalkan seksyen 4A ini yang mengatakan kumpulan wang ini bertindak sebagai ejen Kerajaan Malaysia? Apa rasionalnya?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh bagi jalan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, silakan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya dengar Yang Berhormat Sepang cakap fasal 1MDB ini walaupun kita tahu siasatan Audit dan juga PAC akan ambil tindakan. Itu tidak apalah, kita tunggu.

Lagi satu saya hendak tanya, kalau saya tidak silaplah - ini Yang Berhormat Petaling Jaya Utara pun ada di sini. Kalau tidak silap, saya ada baca surat khabar kata Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ini disaman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara cuba mohon pada mahkamah untuk mengetepikan saman daripada Perdana Menteri. Betulkah? Itu kalau betul, sebab apa hendak diketepikan saman tersebut? Kalau betul-betul *gentleman*, lawan masuk mahkamahlah. Jadi saya tanya, di mahkamah, Yang Berhormat pun *lawyer* juga tahu, di mahkamah itu dedahkanlah semua. So ini saya hendak tanya, apa pendapat Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Pendapat saya, pertamanya, soalan itu ditujukan kepada orang yang salah. *[Ketawa]* Ini sebab yang bercakap sekarang ini Yang Berhormat Sepang. Kalau soalan fasal Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, tanyalah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Itu pertamalah. Maknanya, kalau hendak buat soalan pun kena belajar dahulu. Ini yang pertamalah, satu *lesson* kepada...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Relaks dahulu. Sabar, saya jawab.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bukan. Ini saya tanya tadi pendapat dia mengenai kes Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Takkan bahasa begitu mudah pun tidak faham. Tidak faham bahasakah? *[Disampuk]* Yang Berhormat, bab hendak tanya dalam Parlimen tidak payah ajar sayalah. Saya sudah 20 tahunlah. Yang Berhormat baru dua tahun, tidak payah ajar saya. Saya tanya pendapat Yang Berhormat. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ada. Saya tanya pendapat sebagai *lawyer* yang kononnya hebat tetapi tidak hebat. Saya tanya itu sahaja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, sudah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat pusing-pusing fasal apa? Saya tanya ikhlas. Yang Berhormat hendak ajak berbahas dengan saya, boleh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, sudah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tanya ikhlas. Itu sebab saya tanya Yang Berhormat, pendapat Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bertanya, saya tanya pula Yang Berhormat Petaling Jaya Utara kalau dia berucap. Saya hendak tanya, benar tidak benar. Itu sahaja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okeylah, saya boleh jawab. Jawapan saya ada bersiri. Baru jawapan pertama, relaks dahulu. *[Ketawa]* Saya hendak



tanya, yang pertamanya saya hendak beritahu Yang Berhormat Tanjong Karang, tanya ikhlas atau tidak ikhlaskah saya akan jawab. Tidak payah hendak ikhlaskah. Ini bukan hendak sembahyangkah atau hendak apakah, hendak ikhlas jawab soalan buat apa. Pertama. [Dewan riuh]

Keduanya, sabar dahululah... [Disampuk]. Eh! Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, hendak tanya, bangun, bangun. Keduanya saya kata, 20 tahun dalam ini. Itu yang saya pelik. Sudah 20 tahun tetapi dia tidak tahu tanya soalan. Itu yang saya pelik. Sepatutnya 20 tahun semakin mahir bertanya soalan. Itu yang keduanya.

Ketiganya...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tidak puas hati, apa salah soalan saya? Tolong beritahu apa salah soalan saya?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya akan jawab. Sabarlah, saya hendak jawab ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tanya Yang Berhormat pandangan. Saya tahu, sebab itu saya tanya pandangan berkaitan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya tanya Yang Berhormat sebagai peguam, apa pendapat Yang Berhormat sebab Yang Berhormat cakap fasal 1MDB.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey saya jawablah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa salah soalan saya ini? Yang Berhormat kata saya salah tanya ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, okey. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Karang. Ini baru saya jawab. Tadi itu mukadimah pada jawapan, supaya belajar dahulu.

Ketiganya saya hendak kata beginilah, mana-mana orang di saman, undang-undang memperuntukkan- kalau baca dalam *Rules of Court*, baca Aturan 18 kaedah 19. Kalau tidak tahu, saya beritahulah. Kaedah itu membenarkan mana-mana orang yang disaman membuat peruntukan dipanggil *to strike out* untuk membatalkan saman. Jadi hak itu ialah hak seorang *litigant*. Apabila dia buat satu permohonan, kita tidak boleh hendak menyalahkan dia. Saya rasa, Yang Berhormat Tanjong Karang pun kalau kena saman, berhak untuk buat permohonan yang sama. Tun Dr. Mahathir dahulu disaman oleh bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, dia buat permohonan, kes *defamation*. Dia buat permohonan untuk *strike out* dan mahkamah membenarkan.

Maknanya, apabila dibenarkan, janganlah kita buat *insinuation* seolah-olah kita takut. Kalau kita rasa sesuatu tindakan saman itu tidak berasas, *no reasonable cause of action* ataupun *scandalous, frivolous, vexatious, abuse of process*. Kita boleh buat permohonan untuk makluman Ahli Parlimen Tanjong Karang. Faham? Okey, faham ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** [Bangun]

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak payahlah bangun lagi.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau sudah faham itu, tidak payah...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat hendak cakap fasal undang-undang, saya pun faham apa Yang Berhormat cakap itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya Allah!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Soalannya sekarang ialah soalan ini...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** [Bangun]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bangun, saya hendak beritahu. Saya hendak tanya Yang Berhormat Sepang. Saya tanya Yang Berhormat Sepang, bukan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara sebab ini *floor*

Yang Berhormat Sepang. Soalnya, apabila dia membuat fitnah kepada Perdana Menteri, Perdana Menteri saman dia. Kalau betul-betul *gentleman*, berani, itu bukan fitnah, okey, *fightlah*, lawanlah di mahkamah. Itu soalan saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bermakna kalau daripada segi undang-undang, saya faham, memanglah hak dia, memang hak Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya tidak nafikan tetapi saya persoalkan mengapa takut masuk mahkamah. Kalau betul-betul tuduhan itu betul ada bukti, ayuh! Pergilah mahkamah, lawan. Itu maksud saya. Hak dia, itu tidak payah cerita. Saya pun tahu. Macam Yang Berhormat lawan saya di mahkamahlah, kita faham. [Disampuk] Dia kalahlah, Yang Berhormat lawan saya, Yang Berhormat kalah. Saya faham. Tidak payah ajar saya benda ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Sepang. Terima kasih Yang Berhormat Sepang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja. Saya hendak tanya, kalau saya timbulkan *application to strike out*. Katakanlah saya berjaya bahawa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pekan itu tidak berasas, *frivolous* dan senang diselesaikan oleh masalah dengan jangka masa pendek, ditolak terus. Bukankah itu akan menunjukkan bahawa apa yang saya ucapkan itu benar dan apa yang dituduh sebagai saya memfitnah, itu salah? Itu sahaja. Itulah matlamatnya bahawa saya tidak bersalah dalam segala yang saya ucapkan, yang dikatakan sebagai bahan fitnah daripada Yang Berhormat Pekan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya ingatkan kita ada peraturan ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan tetapi oleh kerana...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat, saya sedang bercakap ini. Ikut peraturan Yang Berhormat. Kes kita sedang ditimbang di mahkamah. Jangan panjang-panjang. Peraturan Mesyuarat 36(2), lepas itu kita ada juga Peraturan Mesyuarat 35(1) iaitu berucap menghadap Tuan Yang di-Pertua. Ketiganya kita ada Peraturan Mesyuarat 37(1) dan Peraturan Mesyuarat 37(2) tentang celahan dan apabila dipanggil oleh Tuan Yang di-Pertua, baru kita berucap. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpaksa menghadap kepada Yang Berhormat Tanjong Karang sebab dia tanya sayalah. Kalau saya tidak tengok dia takut dia tidak faham pula tetapi tidak apalah. Saya hendak jawab beginilah, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara itu betul. Saya hendak betulkan sedikit apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang. Dia kata bahawa Yang Berhormat Petaling Jaya Utara telah memfitnah Yang Berhormat Pekan. Tidak betul. Itu *allegation*. Patut istilah-istilah ini, sebagai seorang yang ada latar belakang undang-undang, kena cermat.

#### ■1540

Apabila pergi mahkamah tidak boleh kata ia terus fitnah. Apabila fitnah bermakna mahkamah sudah putus. Ini baru saman, itu baru *allegation*. *Allegation* dalam *pleading*. Belum lagi konklusif itu adalah fitnah. Oleh sebab itu kita pergi mahkamah untuk buktikan itu fitnah dan bukti adalah beban kepada pihak yang menyaman.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi kalau kata tadi sebenarnya Yang Berhormat Pekan telah difitnah tidak betul, istilah tidak betul. *Alleged*. *Allegedly defame* okey. Jadi saya harap kena belajarlah guna istilah ini supaya jelas.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Sepang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bukit Gelugor sila.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Sepang. Terima kasih. Saya *just* hendak tanya pandangan Yang Berhormat Sepang berkenaan apa yang telah pun ditimbulkan. Kalau kita bandingkan keadaan ini dengan satu keadaan sepina di mana saksi disepina untuk hadir di mahkamah seperti dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim dan sepina itu diketepikan.

Bukankan itu boleh dibandingkan dengan hak kerja *you* untuk mengetepikan samannya ataupun membatalkan samannya? Itu merupakan satu hak substantif, bukan? Apa pandangan Yang Berhormat Sepang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sepang saya kira beralih kepada tajuk rang undang-undang. Kita sudah jauh melencong.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya jawab sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak payah jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, sebab tidak jawab sebab sudah jelas sangat tetapi pelik ini Yang Berhormat Tanjong Karang tanya soalan yang sudah jelas, sudah saya jelaskan pun. Orang kata benda yang sudah jelas jangan tanyalah. Ini macam Tuan Yang di-Pertua sindir Yang Berhormat Tanjong Karang, perkara sudah jelas pun tanya soalan lagi. Kan sudah terpaksa merewang-rewang benda lain. Lain kali kalau benda yang sudah jelas jangan tanyalah, buang masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang sama sahaja, tidak payah panjang-panjang, sama sahaja. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak katakan bahawa – ya Yang Berhormat Tanjong Karang ada lagi? Janganlah merepek lagi, pergi makan ubatlah. Tidak boleh. Kena ada soalan yang relevan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang saya tanya Yang Berhormat Sepang, boleh tak Yang Berhormat Tanjong Karang mencelah? Bagi kebenaran?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak bolehlah, sudah terbukti dia tanya soalan, soalan merapu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak boleh. Teruskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kita jangan tanya soalan merapu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ....Merapu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukup.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi saya hendak beritahu supaya Kumpulan Wang Amanah Pencen ini, inilah wang teras, wang amanah. Jadi saya hendak tanya rasional kenapa digunakan ejen itu? Adakah sebagai satu melindungi segala salah guna wang ini sebab dengan menggunakan perkataan ejen ini kita khuatir ia memberi satu *connotation* bahawa sebenarnya hakikatnya bukan Kumpulan Wang Amanah Pencen ini yang suka-suka bertindak tetapi ia adalah atas kapasiti ejen kerajaan. Jadi di situ cuba hendak menyelamatkan Kumpulan Wang Amanah Pencen ini daripada diserang oleh rakyat kerana menyalahgunakan wang ini. Jadi saya ingin tanyakan apakah rasional seksyen 4A ini?

Saya sebut tadi sebenarnya dalam seksyen 4(4) yang asal kita tahu bahawa dibaca dengan Seksyen 13 akta ini pelaburan daripada wang yang hendak digunakan oleh Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen ini ia telah dikhususkan, seksyen 13 itu diterangkan bagaimana wang ini harus digunakan. Saya hendak tanya kepada pihak Menteri, adakah dengan tindakan yang sekarang ini pertamanya membeli hartanah daripada pihak 1MDB di TRX itu, adakah itu satu yang *ultra vires* akta kerana saya tidak nampak di bawah mana, di bawah *lane* manakah pembelian itu boleh dijustifikasikan oleh pihak Kumpulan Wang Amanah Persaraan ini. Itu pertama.

Keduanya saya hendak tanya, adakah Kumpulan Wang Amanah Persaraan ini telah diarahkan seperti mana dalam kes Tabung Haji kita telah pun mendengar penjelasan daripada Pengerusi Tabung Haji dalam akhbar. Beliau mengatakan Tabung Haji telah diarahkan oleh Perdana Menteri untuk membeli tanah itu, untuk terlibat dalam *transaction* itu. Sekarang ini kita ingin tahu adakah pembelian hartanah yang terbaru ini juga adalah atas paksaan, atas desakan...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak benarkan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bukan. Saya hendak betulkan fakta. Masa bila pula Tabung Haji kata Perdana Menteri mengarahkan membeli? Itu hendak betulkan fakta.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bahas nantilah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bukan mengarah membeli, dia arah, dia bagi pandangan untuk jual semula. Saya hendak betulkan fakta. Yang Berhormat baru sahaja cakap, itu sebab saya kena betulkan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey saya hendak tanya, kalau kata hendak jual semula, beli pula siapa yang arah. Kita hendak tanya juga. Jadi kita hendak tanyakan adakah syarikat-syarikat amanah ini sekarang ini tidak boleh bertindak dengan bebas sedangkan mereka sepatutnya apabila mereka ingin melabur atau membuat apa-apa pelaburan mestilah *board* itu yang menentukan, lembaga pelaburan itu yang menentukan. Tidak harus ada *interference* daripada pihak-pihak ketiga.

Akan tetapi sekarang ini sudah jelas berdasarkan kes Tabung Haji ini sudah jelas ada *interference*. Jadi pihak *board* ini tidak boleh bertindak secara *independent*. Jadi saya khuatir sekarang ini dengan pengenalan seksyen 4A ini jadi secara tidak langsung, secara *subtle*, secara halus boleh *interfere* sebab atas alasan dia adalah ejen kepada kerajaan. Jadi kita khuatir pindaan-pindaan ini adalah sebahagian daripada proses untuk justifikasikan penggunaan wang-wang amanah ini dengan alasan dia ialah ejen kerajaan. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**3.46 ptg.**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan isu KWAP di mana KWAP telah pun memberikan pinjaman sebanyak RM4 bilion pada masa itu kepada sebuah anak syarikat 1MDB, SRC International pada masa itu. Wang telah pun dikeluarkan dengan dua bahagian. Bahagian pertama *first disbursement* pada bulan Ogos 2011 dan sekali lagi pada bulan Mac 2012. Tiba-tiba pada masa itu kita pun hairan kenapa SRC International telah pun diambil alih oleh Kementerian Kewangan daripada 1MDB. Tiba-tiba, tidak tahu sampai hari ini semasa itu 2012 beberapa kali kita telah bangkitkan perkara ini di luar Dewan dan di dalam Dewan, tidak ada sebarang jawapan mengapa MOF perlu mengambil langkah untuk mengambil alih syarikat SRC International.

Soalan yang saya bangkitkan dalam sesi yang lalu iaitu soalan pertama ada *rumors* di mana SRC disebut pada masa itu telah pun melabur dalam sebuah syarikat arang batu di Mongolia dan saya tanya dalam soalan Parlimen yang diberikan kepada Kementerian Kewangan dan saya dapat jawapan. Jawapan daripada Menteri Kewangan adalah bahawa SRC telah pun melabur melalui satu *joint venture* dengan syarikat *Gobi Coal & Energy*. SRC memiliki 50% daripada pelaburan tersebut dan soalan berikut telah pun saya bangkitkan kepada Kementerian Kewangan, saya tanya dalam Laporan Audit Penyata Kewangan SRC International bagi tahun Mac 2014 ada yang disebut bahawa jumlah

RM3.81 bilion adalah dilabur. Saya petik dalam pelaburan luar Malaysia, *investment portfolio outside Malaysia*. Laporan bertulis bahawa *the groups investment portfolio outside Malaysia consist of open-ended funds, quoted shares, bonds and time deposits*.

Oleh sebab itu saya hendak tanya kepada pihak Menteri Kewangan, apakah yang dilaburkan yang disebut sebagai *open-ended funds, quoted shares, bonds and time deposits*? Akan tetapi jawapan yang diberi oleh Menteri Kewangan adalah bercanggah dengan apa yang disebut dalam penyata kewangan. Jawapan yang diberi oleh Menteri Kewangan adalah pelaburan adalah dalam sektor arang batu dan sumber asli dan SRC International melakukan dan menjalankan pelaburan mereka secara langsung atau melalui syarikat usaha sama dengan pelabur-pelabur antarabangsa.

#### ■1550

So, kita ada soalan di sini di mana Menteri Kewangan berkata bahawa apa yang dilabur RM3.81 bilion itu adalah dalam sektor batu arang dan sumber asli dan segala pelaburan dibuat secara langsung ataupun melalui syarikat-syarikat usaha sama dengan pelabur-pelabur antarabangsa.

Akan tetapi apa yang ditulis di dalam akaun ialah pelaburan dibuat *open ended funds, quoted shares, bonds and time deposit*. Ini telah pun membangkitkan kecurigaan ataupun *doubts on what actually happening* dalam *SRC International*. Kita tahu bahawa *Gobi Coal and Energy* merupakan pelaburan yang paling besar untuk *SRC International* seperti yang dijawab oleh pihak Menteri dalam jawapan yang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen.

Kita terkejut apabila kita melihat dalam satu laporan penyata kewangan satu syarikat yang disenaraikan di *London Stock Exchange*, syarikat *Origo Partners PLC*. Dalam laporan tersebut, *Origo Partners* merupakan satu pemilik saham bagi syarikat *Gobi Coal and Energy* di Mongolia. Kita terkejut sebab dalam laporan *Origo*, nilai keseluruhan syarikat *Gobi Coal and Energy* hanya USD96 juta sahaja iaitu lebih kurang RM350 juta iaitu nilai syarikat *Gobi Coal and Energy* seluruhnya hanya RM350 juta sahaja. Kita kena ingat jumlah pelaburan SRC di luar negeri disebut dalam akaun, RM3.8 bilion tetapi *Gobi Coal and Energy*, nilainya hanya RM350 juta. Nilai *Gobi Coal and Energy* dan lebih.

So, kalau katakan *SRC International* ada memiliki 50% daripada saham *Gobi Coal and Energy*, nilai saham itu hanya USD48 juta. Kita baca lagi penyata kewangan daripada *Origo Partners* dan mereka menyebut bahawa *Origo* mempunyai 14% saham dalam *Gobi Coal and Energy* dan juga menyebut bahawa mereka merupakan pemegang saham yang paling besar dalam *Gobi Coal and Energy*. Maksudnya tidak ada syarikat lain yang mempunyai saham melebihi 14% dalam *Gobi Coal and Energy* dan nilai 14% itu hanya USD13.4 juta ataupun lebih kurang RM50 juta sahaja.

Katakanlah pelaburan *SRC International* dalam Syarikat *Gobi Coal and Energy* lebih kurang 14%. Sama saiz dengan *Origo*. Itu hanya nilai RM50 juta. Jumlah pelaburan *SRC International* di luar negeri yang disebut dalam laporan penyata kewangan SRC adalah RM3.81 bilion. RM50 juta pelaburan dalam *Gobi Coal and Energy* hanya merupakan 1.3% daripada jumlah pelaburan yang telah pun dibuat oleh *SRC International*.

Kita hendak tanya pelaburan yang telah pun dibuat, pinjaman yang telah pun dibuat oleh KWAP kepada *SRC International* yang berjumlah RM4 bilion, mana perginya wang tersebut? Ini menyebabkan kita ataupun pasaran membuat banyak spekulasi. Kenapa tiba-tiba MOF terpaksa mengambil alih SRC daripada 1MDB? Adakah ia dibuat untuk *cover up* sebab 1MDB semua orang tumpu perhatian kepada 1MDB. Kalau ada hutang RM4 bilion lagi daripada KWAP yang dilaburkan dalam pelaburan yang mungkin lesap ataupun hilang nilainya, krisis lebih besar. Oleh sebab itu *liabilities* dalam SRC dipinda ataupun dipindah kepada MOF supaya dalam 1MDB tidak lihat begitu teruk pada tahun 2012. Oleh sebab itu pemindahan ini dibuat pada bulan Mac 2012. *Last month of the financial year end of March 2012*.

Perkara ini menjadi satu perkara yang kita bimbang kerana kita melihat dalam *SRC International*, tidak ada wakil daripada MOF. Akan tetapi yang menjadi pengarah ini, seorang yang bernama Nik Faisal Ariff Kamil dan kita tahu Nik Faisal Ariff Kamil ini merupakan *side kick* kepada Encik Low Taek Jho (Jho Low). Dia ikut Jho Low daripada UBG Berhad dan menjadi eksekutif di mana dia merupakan *executive director of investment* pada hujung tahun 2000 dan kemudian menjadi *Chief Investment Officer* dalam 1MDB.

Walaupun syarikat telah pun dijual balik kepada MOF, dia masih kekal sebagai pengarah dalam *SRC International*. Dia merupakan mengikut *e-mails* yang telah pun terbongkar dalam 'Sarawak' report, *the key man in the transaction* di mana wang 1MDB pergi kepada Jho Low melalui PetroSaudi.... Selepas itu pulang balik untuk mengambil alih syarikat UBG. Ini proses *money laundering* di mana Nik Faisal jelas melalui *e-mail* merupakan satu *what we call* terserlah yang terlibat secara langsung dalam perkara tersebut.

So, kita bimbang bahawa akta ini, pindaan ini yang dibawa oleh pihak kerajaan akan cuba *cover up* transaksi-transaksi yang berlaku dalam *SRC International*. Antara perkara pertama yang mereka hendak buat, kerajaan hendak buat ialah *kick out Central Bank representative*. Wakil daripada Bank Negara akan dibuang, tidak ada lagi. Dibuanglah. Tidak ada lagi. Manakala hak diberikan kepada pihak Menteri Kewangan ataupun Perdana Menteri untuk menambahkan wakil dalam lembaga KWAP.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** [Bangun]

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ini hanya – Ya, Yang Berhormat Setiawangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya ayat *kick out* ini kerana di *investment panel* ini, *according to* Yang Berhormat Petaling Jaya Utara mengatakan bahawa *representative of Bank Negara* ini *kick out where in fact our knowledge is that Bank Negara were the one who send letter to KWAP to ask* dia punya *representative not to be represented* dalam panel. *So I want to –* kita minta penjelasan atau pencerahan kepada itu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya sedia terima kalau Menteri berikan mengapa *Central Bank* hendak mengeluarkan diri mereka daripada KWAP tetapi apa yang ditulis di sini ialah *clause five, seeks to amend paragraph 7(2)(b) – to remove – kick out, representative from Central Bank of Malaysia as a member of the Board*.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Sekejap sahaja. Satu lagi. *Can you not see* benda ini sedangkan mereka juga *representative of Bank Negara* ini juga duduk sebagai lembaga *will not be a conflict of interest* sekiranya mereka ada di *investment panel* tetapi dalam masa yang sama, *representative of Bank Negara* juga ada di Lembaga. Saya rasa untuk mengelakkan *conflict of interest* itu, saya rasa *amendment to that is that*, kalau Bank Negara punya *representative* telah bersetuju untuk membeli sesuatu dekat panel itu, kalau ia telah masuk sekali lagi untuk Lembaga, apa perlu Lembaga itu membuat keputusan sedangkan mereka mempunyai *representative* baik dekat panel dan juga dekat Lembaga. Oleh itu mereka *get out from investment panel*. Kemudian *they will be decided at Board*. So, dia tidak ada *conflict of interest* lagi. Itu pandangan saya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya berpendapat, ini pendapat, bahawa bila ada seorang wakil daripada *Central Bank* yang fasih dalam semua transaksi-transaksi kewangan terutamanya antarabangsa yang dibuat termasuk *instrument-instrument security* yang akan dikeluarkan ataupun dilabur oleh KWAP, ia hanya akan mengetatkan *corporate governance* dalam KWAP. Ini saya rasa tidak dinafikan bahawa Bank Negara merupakan agensi yang mengawal wang yang keluar masuk daripada negara dan juga kestabilan *financial market* (pasaran kewangan) di Malaysia.

#### ■1600

So kita bimbang dan bila berlaku bersama, kebimbangan kita meningkat. Pada masa yang sama, kita melihat bahawa dalam akta ini klausa 7, Kementerian Kewangan meminta supaya *the investment scope* diperluaskan lagi dengan spesifik kriteria yang ditulis, "*In the development of building, infrastructure and natural resources...*" yang berkaitan secara langsung dengan pelaburan dalam Gobi Coal & Energy. Ya, ini merupakan satu andaian.

Saya tidak menafikan bahawa ia merupakan satu andaian tetapi *very coincidentally*, kenapa ada satu-satu sahaja *natural resources that is written in here?* Kalau pelaburan, pelaburanlah. Kenapa ada *specifically written in here "natural resources"*? Bukan

*environment*, bukan *energy*, bukan *green technology*, tapi *natural resources in the* akta, *very specific*.

So, apa yang kita bimbang ialah tumpuan masyarakat dan pasaran kewangan masa ini ada tertumpu pada 1MDB. SRC kurang sedikit orang hendak bincang tetapi adakah kerajaan mungkin bimbang satu hari nanti selepas selesai atau pun terletup masalah 1MDB, SRC akan juga pada masa yang sama terbongkar dan adakah akta ini akan memberikan kuasa kepada KWAP untuk mengambil alih aset secara langsung daripada SRC International supaya SRC International kesnya akan dapat ditutup, lepas itu semua aset yang dicurigai dalam SRC sekarang masuk balik ke dalam KWAP dan oleh kerana ada klausa-klausa kerahsiaan yang ditambahkan lagi dalam KWAP, semua orang tidak boleh bincang apa yang dibeli oleh KWAP daripada SRC International. Itu yang kita bimbang.

So, kita minta satu jaminan daripada pihak kerajaan supaya wang pencen rakyat Malaysia terutamanya yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan tidak akan disalahgunakan untuk mengambil alih sebarang aset daripada SRC International tanpa satu *independent assessment* yang dibuat kepada apa yang sebenarnya berlaku dalam *SRC International's black box*.

So, kita harap Menteri Kewangan atau pun Timbalan dia dapat menjawab *once and for all, settle the doubt, remove the suspicion* mengenai apa yang sebenarnya berlaku dalam SRC International, wang yang dipinjam oleh KWAP kepada SRC, mana dia RM3.8 bilion yang disebut sebagai dilabur di luar Malaysia? Adakah aset-aset itu masih kekal dan mana aset-aset itu berada sekarang? Akhir sekali, sekali lagi menegaskan supaya KWAP tidak akan diarahkan untuk mengambil alih aset-aset daripada SRC untuk *cover up* skandal yang mungkin akan meletup tidak lama lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pandan.

#### 4.04 ptg.

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh kerajaan kepada Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007. Ini juga lanjutan daripada beberapa pindaan yang dicadangkan pagi tadi kepada Akta Pasaran Modal. Jadi, akhirnya saya ingin bermula dengan menegaskan kembali bahawa kewujudan akta-akta ini adalah untuk menekankan kebertanggungjawaban kerajaan dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang diamanahkan untuk menjaga dana-dana awam.

Daripada lima dana awam yang saya sebutkan tadi, satu dana awam yang saya kira sama kira sensitif dan penting ialah Kumpulan Wang Amanah Persaraan atau pun KWAP. Selama ini rakyat mungkin kurang peka tentang KWAP kerana pandangan rakyat terutama mereka yang kakitangan kerajaan ialah wang pencen ini dibayar terus oleh kerajaan daripada belanjawan dan perbelanjaan kerajaan.

Rakyat sedia maklum tentang bayaran kepada pekerja swasta melalui KWSP. Sebab itu sensitiviti rakyat kepada perbelanjaan KWSP ini adalah lebih tinggi berbanding dengan sensitiviti rakyat kepada perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Pencen. Semua Yang Berhormat yang hadir dalam Dewan ini saya ingin ingatkan bahawa wang pencen kita ada di dalam tabung ini, bagi mereka yang mendapat pencenlah... [Disampuk] Termasuk kita semualah.

Jadi, sebab itu rang undang-undang yang asal mempunyai satu peruntukan yang jelas mengenai panel pelaburan yang mengikut pindaan sekarang ini, panel pelaburan itu hendak diubah oleh kerajaan dengan mengecualikan wakil daripada Bank Negara Malaysia, kemudian kuota itu akan diambil oleh seorang yang dicalonkan oleh Perdana Menteri, oleh Menteri Kewangan. Maknanya, daripada calon sekarang yang ada tiga orang akan naik kepada empat orang. Maka, lantikan Perdana Menteri itu kalau mengikut pindaan akta yang dibentangkan pada hari ini, panel pelaburan itu, lantikan yang paling ramai iaitu datang daripada lantikan Perdana Menteri. Itu sebenarnya inti pati utama kepada pindaan pendek yang dicadangkan kepada Dewan pada hari ini.

Oleh sebab itu saya hendak menarik perhatian Dewan kepada apa sebenarnya fungsi dan juga amanah yang kita berikan kepada panel pelaburan. Sudah tentu panel pelaburan ini ialah mereka yang berkebolehan, yang mahir, yang ada pengetahuan, yang kita letakkan sebagai dengan izin, *check and balance* iaitu untuk memastikan bahawa pelaburan-pelaburan oleh Kumpulan Wang Amanah Persaraan ini memastikan kepentingan dana awam dan pesara-pesara pencen itu terus menjadi matlamat dan tujuan nombor satu.

Sebab itu kita faham selama ini kenapa perlu ada wakil Bank Negara dan ini secara langsung saya hendak sentuh juga seperti pertanyaan yang ditanya oleh Yang Berhormat Setiawangsa tadi. Kalau betul pun Bank Negara yang membuat permintaan supaya mereka dikecualikan, tugas dan amanah kita di Dewan ini untuk menilai dengan skop yang lebih luas sama ada soal pertelingkahan kepentingan atau pun *conflict of interest* dengan izin, seperti yang disebut-sebut sebelum ini, adakah itu lebih mudarat daripada kita langsung tidak ada seorang wakil Bank Negara yang boleh kita berikan amanah untuk menjadi *check and balance*? Mana yang lebih mudarat?

Mudarat bila ada *conflict of interest* di antara Bank Negara sebagai *regulator* atau pun badan penguat kuasa atau pun mudaratnya lebih teruk kalau wakil-wakil dan lantikan-lantikan Menteri Kewangan langsung tidak diselia dan tidak ada input, tidak ada maklum balas daripada orang yang kita tahu, *insya-Allah* lebih berhati-hati dalam memastikan pelaburan Kumpulan Wang Amanah Pencen? Itu persoalan yang saya yakin Yang Berhormat Setiawangsa juga bersetuju. Tugas kita untuk menulis undang-undang itu walaupun Bank Negara Malaysia mungkin ada pandangan tersendiri tetapi amanah kita menentukan yang mana lebih berkesan untuk menjamin kebertanggungjawaban dan juga keselamatan dana pesara-pesara.

Sebab itu saya tidak boleh lari daripada menyentuh kepada dua pelaburan yang kontroversi akhir-akhir ini. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara telah menyebut dengan panjang lebar tentang syarikat arang batu di Mongolia.

#### ■1610

Jadi saya kena sambung lagi kerana syarikat ini yang diberikan nama Strategic Resources Corporation mulanya adalah syarikat 1MDB. Syarikat ini ditubuhkan dalam tahun 2011 seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, adalah anak syarikat 1MDB. Kemudian dari segi lembaga pengarahnya, daripada segi pengurusannya adalah mereka yang kita kenal rapat dengan Jho Low dan juga mempunyai jawatan-jawatan penting di dalam entiti-entiti yang pernah ditubuhkan oleh Jho Low. Jadi sebab itu, kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa SRC International ini adalah sebuah anak syarikat ataupun sebuah entiti yang telah dilahirkan oleh 1MDB. Jangan cuba memisahkan SRC ini dengan 1MDB.

Maka apabila Kumpulan Wang Amanah Persaraan dalam tahun 2011 telah memberikan pinjaman RM4 bilion kepada anak syarikat 1MDB ini, kita perlu tanya ke mana wang ini telah pergi kerana sehingga sekarang, kita belum mendapatkan jawapan yang memuaskan ke mana pergi RM42 bilion wang 1MDB yang lain-lain. Apakah wang RM4 bilion yang telah diambil daripada Kumpulan Wang Amanah Persaraan ini nasibnya sama seperti wang yang pernah dikatakan berada di Pulau Cayman, dari Pulau Cayman kemudian ke Singapura, dari Singapura kita dengar di Hong Kong, Mongolia sebentar, tidak ubah seperti main bola. *Passing* duit daripada satu kaki ke satu kaki yang lain. Oleh sebab itu, maklumat yang paling dekat yang kita ada sekarang ini tentang ke mana perginya dana RM4 bilion pesara-pesara pencen ini, hanya boleh diperoleh daripada laporan kewangan yang telah diaudit, yang terkini iaitu 31 Mac 2014.

Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi menyebut tentang bagaimana daripada RM4 bilion yang telah diambil daripada Kumpulan Wang Amanah Persaraan tadi, hanya RM200 juta yang boleh dikaitkan dengan pelaburan di Mongolia. Saya hendak tambah Tuan Yang di-Pertua, sudahlah hanya RM200 juta, kita tidak tahu apa jadi dengan baki RM3.8 bilion, malah pelaburan yang RM200 juta itu pun tidak meyakinkan daripada segi prestasi kewangannya.



Berdasarkan prestasi kewangan terakhir, syarikat itu rugi RM115 juta daripada segi pelaburan. Ditambah daripada RM215 juta itu, pelaburan itu juga terpaksa mengalami susut nilai ataupun dengan izin dalam bahasa perakaunannya, *in payment* sebanyak RM89 juta. Maknanya dalam satu tahun Tuan Yang di-Pertua, syarikat Mongolia yang sangat strategik Yang Amat Berhormat Pekan, pentadbirannya telah beli menggunakan duit pencen ini telah kerugian RM204 juta. Kalau Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dedahkan itu benar dan sehingga sekarang tidak ada jawapan daripada Yang Amat Berhormat Pekan, ambil wang pencen RM200 juta, beli syarikat lombong arang baru di Mongolia lebih kurang RM200 juta, rugi dalam setahun RM204 juta. Ini syarikat apa ini?

Dalam laporan kewangan yang diaudit terkini juga telah menyebut daripada RM3.8 bilion yang disebut oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi, RM3.1 bilion ini lagi ajaib di mana wangnya. Kalau mengikut kategori pelaburan-pelaburan, mengikut peraturan dan juga standard perakaunan antarabangsa, ia perlu dikelaskan kepada tiga kelas. Satu, kelas 1. Kelas satu ini maknanya ialah pelaburan dalam saham-saham atau ekuiti yang memang didagangkan di pasaran. Jadi kita tahu harga pasaran turun naik dan lain-lain tidak boleh tipu.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Pandan, mencelah boleh tidak?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ya, ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** ...Sebab Yang Berhormat Pandan – Tuan Yang di-Pertua, boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana Yang Berhormat Pandan menimbulkan isu *the type of investment*lah, gred *one* tentang syarikat yang *listed* entitinya. Saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Pandan berpendapat atau tidak dengan isu ini, tentang *investment* dalam FGV. Ini kerana kita tahu, KWAP adalah pemegang saham terbesar kelima dalam FGV dengan RM216 juta saham dan kita tahu selama ini bermula dengan harga RM5.39, harga hari ini RM2.07, ia sudah jatuh 65%.

Jadi saya minta kalau Yang Berhormat Pandan bersetuju, bolehkah tambahkan dalam soalan itu dan tanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah kerugian akibat pelaburan ini, kerugian benar dan juga apakah kerugian atas kertas yang *disuffer* oleh KWAP tentang FGV. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Saya memang hendak sentuh tentang pelaburan KWAP dalam FGV selepas ini. Baik, saya akan kembali kepada isu itu dan saya akan jawab selepas ini, selepas saya habis tentang pinjaman RM4 bilion daripada dana pesara ini kepada SRC.

Jadi, saya kembali kepada kelas tadi ya. Pelaburan kelas satu ialah pelaburan dalam saham-saham yang memang disenaraikan di pasaran saham. Jadi boleh tahu, salah satu contohnya ialah FGV. Pelaburan kelas dua ialah pelaburan yang mana walaupun tidak disenaraikan di pasaran saham tetapi syarikat itu aktif dan ada perbandingan antara nilai dan harga syarikat itu dengan syarikat-syarikat yang lain yang serupa dengannya.

Ambil contoh, pada suatu ketika dahulu Maxis di bawah keluar daripada pasaran saham. Memang saham Maxis tidak ada di Bursa tetapi kita boleh agak Maxis ini berapa daripada segi pelanggan, keuntungannya dan kita boleh menilai berdasarkan perbandingan dengan Celcom, Digi dan lain-lain, ini kelas dua. Pelaburan kelas tiga ini ialah pelaburan paling ajaib sekali iaitu pelaburan yang juruauditnya tidak ada apa-apa maklumat. Maknanya juruaudit hanya boleh bergantung sepenuhnya kepada apa yang disebut oleh syarikat. Kalau syarikat kata wang RM1 bilion ini ada dekat Kazakhstan, terpaksa dia percaya di Kazakhstan adanya. Kalau dia kata ada RM2 bilion di Cayman, RM2 bilion di Caymanlah, dia tidak boleh tanya kerana dia tidak ada maklumat yang lain.

Jadi daripada RM3.8 bilion yang diambil daripada Kumpulan Wang Amanah Persaraan tadi, yang disebutkan oleh Yang Berhormat petaling Jaya Utara, RM3.1 bilion adalah dalam kategori kelas tiga iaitu dana yang apabila juruaudit masuk, juruaudit tidak mendapat apa-apa maklumat ke mana wang ini pergi. Juruaudit hanya perlu percaya bulat-bulat bahawa sebenarnya wang ini ada seperti yang disebut oleh pengurusan SRC dan juga – ya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Pandan. *Level three asset* ini dalam akaun, saya petik *quotation* ini, "*Fair value measurements are those derived from valuation techniques that include inputs for the asset*

*or liability that a not based on observable market data, unobservable input*". Maksudnya pihak audit sendiri dan syarikat auditnya Deloitte. Deloitte sendiri pun tidak pasti apakah nilai sebenar aset-aset ini. Tadi ada disebut SRC International RM3.1 bilion. Dalam buku akaun 1MDB, RM13.8 bilion. Jumlah syarikat kedua-duanya lebih kurang RM17 bilion yang dikatakan ataupun diklasifikasikan sebagai *level three asset* oleh Deloitte.

Oleh sebab itu, adakah *defenses* yang diberikan oleh pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga lembaga 1MDB di mana mereka kata akaun kita cukup baik sebab ia telah pun diaudit oleh syarikat bebas antarabangsa Deloitte. Adakah alasan itu dapat diterima kerana Deloitte sendiri dalam laporan mereka kata, kita sebenarnya tidak tahu RM13 bilion ini ataupun RM3 bilion ini ada atau tidak ada, benar atau tidak angka tersebut dan adakah ini menunjukkan bahawa mereka hanya menggunakan nama Deloitte sahaja tetapi sebenarnya mengelirukan orang awam di luar bahawa segala pelaburan mereka itu adalah telus dan jelas. Terima kasih.

#### ■1620

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya rasa, saya ada hak untuk menjawab dengan itu kerana saya bekas *auditor*. Kita perlu bezakan antara peraturan-peraturan minimum dalam memastikan sesuatu laporan kewangan itu tidak dengan izin mendapat *qualification* oleh *Auditor*. Memang peraturan-peraturan perakaunan antarabangsa atau *International Accounting Standards Board* sama ada daripada *Financial Reporting Standards* dan lain-lain ada memberi ruang kepada perkara-perkara begini. Akan tetapi kesihatan ataupun kedudukan sesuatu syarikat itu tidak boleh dilihat semata-mata kepada audit semata-mata.

Kita tengok sejarah kewangan dunia, dahulu kita digegarkan oleh satu skandal Enron. Enron ini bertahun-tahun mendapat audit yang cukup baik daripada syarikat Audit terbesar pada ketika itu, Arthur Andersen. Akan tetapi oleh kerana bertahun-tahun syarikat Audit berikan audit yang baik, tiba-tiba jatuh kemudian barulah diketahui bahawa audit itu ada yang tidak benar dan ada maklumat yang tidak diketahui oleh juruaudit tetapi firma juruaudit itu mengambil risiko di dalam berdasarkan undang-undang yang ada, maka akhirnya firma audit itu pun jatuh sama. Oleh sebab itu sekarang ini tidak ada Arthur Andersen, sudah tinggal Andersen sahaja.

Jadi kalau hendak jawab kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi, jawapan Yang Amat Berhormat Pekan bahawa hanya kerana audit itu ataupun laporan kewangan itu telah mendapat audit yang tidak ada *qualification*, tidaklah bermakna itu wahyu bulat-bulat yang kita boleh terima bahawa syarikat itu baik. Oleh sebab itu, bagi syarikat yang sebesar ini apatah lagi apabila laporan kewangannya telah mempunyai maklumat bahawa hampir RM17 bilion seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi, juruauditnya tidak mempunyai apa-apa maklumat, maka tanggungjawab dan amanah itu perlulah jatuh kepada Yang Amat Berhormat Pekan untuk membentangkan di mana sebenarnya wang itu.

Saya yakin di dalam Dewan yang mulia ini kalaulah Yang Amat Berhormat Pekan tunjukkan dekat mana wang itu ada semua akan senyap termasuklah Tun Mahathir sendiri. Selagi tidak jawab di mana wang itu ada, selagi orang tanya kerana tiap-tiap dua bulan apabila 1MDB, selepas ini SRC kena bayar hutang, tiba-tiba tidak ada wang. Macam mana kami hendak fikir pada satu sudut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut, "Wangnya ada, telah diaudit" tetapi bila sampai hendak bayar hutang tidak ada wang. Dalam empat bulan lagi akan ada satu hutang besar RM3.6 bilion campur *interest* RM4 bilion. Kalau betul ada hutang itu, sudah tentu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh tunjukkan.

Jadi bagi saya mudah, jangan kita pakai 100% audit kerana auditnya bukan itu tujuannya. Di dalam Laporan Audit muka surat pertama yang juruaudit akan tulis ialah audit ini dilakukan berasaskan maklumat yang diberikan kepada kami dan ujian-ujianya adalah dibuat secara *sampling basis* atau pun mengikut sampel-sampel urus niaga. Mustahil untuk juruaudit mengaudit keseluruhannya. Jadi janganlah diambil kira satu-satu Laporan Audit itu sebagai wahyu yang meletakkan bahawa akaun itu bersih dan tidak ada penyelewengan.

Baik, saya kena kembali sedikit lagi tentang RM4 bilion tadi ya. Kalau kita sudah tahu kerugiannya RM200 juta dalam satu tahun sama dengan anggaran pelaburan untuk membeli syarikat lombong arang batu itu. Kalau kita sudah tahu contohnya RM3.1 bilion daripada RM4 bilion itu, juruaudit pun tidak tahu di mana wang ini, tidakkah kita sebagai Ahli-ahli Dewan yang mulia yang mewakili rakyat ini rasa gelisah bila mana wang ini perlu dibayar kembali kepada Kumpulan Wang Amanah Persaraan kerana ini wang amanah pencen.

Bila sampai masanya nanti apabila wang ini katakanlah dana ini telah hilang kita tidak tahu ke mana pergi, maknanya Kerajaan Malaysia yang sekarang ini adalah tuan punya kepada SRC International ini akan terpaksa mengambil RM4 bilion daripada dana rakyat untuk dibayar kepada Kumpulan Wang Amanah Persaraan. Sama ada Kumpulan Wang Amanah Persaraan terpaksa rugi dan terpaksa ubah beberapa dasar pelaburan untuk mendapatkan kembali kerugian itu ataupun ambil dana RM4 bilion daripada dana kerajaan, mana-mana pun yang ruginya adalah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan cepat mungkin ada dalam lima atau enam minit lagi. Saya hendak sentuh tentang pelaburan yang kedua yang saya sebut tadi iaitu pelaburan dalam saham-saham. Apa yang menjadi kontroversinya adalah di dalam FGV. Wakil Yang Berhormat Kelana Jaya tadi telah menanya soalan dan tolong jawab sendiri soalan itu. Apabila Kumpulan Wang Amanah Persaraan merupakan pemegang ekuiti terbesar di dalam FGV, lebih kurang RM200 juta lebih sahamnya. Kemudian apabila harga saham FGV telah susut nilai 65%, paling kurang dalam tempoh satu atau dua tahun ini Kumpulan Wang Amanah Persaraan telah rugi lebih daripada RM200 juta.

Jadi oleh sebab itu saya hendak kembali kepada soal *investment* panel iaitu keperluan untuk kita mengetatkan tata kelola dan kawal selia di dalam Kumpulan Wang Amanah Persaraan ini bukannya untuk dilonggarkan seperti yang dicadangkan dalam rang undang-undang pindaan ini. Ambil contoh yang terbaru, yang ini saya rasa yang bukan Kabinet Jemaah Menteri boleh dengar juga kerana saya dapat dokumen yang bocor daripada yang dibentangkan di Kabinet.

Minggu lepas apabila soal Tabung Haji pecah bahawa Tabung Haji ini telah beli tanah di TRX daripada 1MDB, keluar berita seterusnya bahawa Kumpulan Wang Amanah Persaraan pun rupanya sudah beli tanah di situ. Kemudian beberapa hari kemudian dapat penafian bahawa, "*Oh, itu tidak betul, kami tidak beli lagi, kami sedang mempertimbangkan*". Itu jawapan Kumpulan Wang Amanah Persaraan. Saya dapat dokumen yang saya dimaklumkan dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II kepada Kabinet yang menyenaraikan semua perjanjian yang telah ditandatangani dengan 1MDB bagi pembangunan Tun Razak Exchange.

Salah satunya telah ditandatangani dengan KWAP perjanjian jual beli untuk pembangunan ibu pejabat KWAP telah pun ditandatangani yang melibatkan pembangunan seluas 900,000 kaki persegi. Pemiliknya adalah KWAP, pemajunya ialah 1MDB Real Estate. Kemudiannya selepas dibangunkan dan dimajukan oleh 1MDB RE ini, 1MDB RE ini pula akan menyewa daripada KWAP.

Itu perjanjian yang dibentangkan, yang saya mohon supaya Menteri sahkan betul atau tidak ini dibentangkan di dalam Kabinet. Senarainya salah satunya ialah melibatkan KWAP. Ini kerana kita bimbang satu, 1MDB ini bermasalah daripada segi aliran tunai. Kalau saya jadi panel pelaburan KWAP, macam mana kita boleh bayar beli tanah kemudian kita bagi kepercayaan kepada syarikat seperti 1MDB yang bermasalah aliran tunai untuk menjadi pemaju. Tidak siap dan terbengkalai nanti. Kalau siap pun nanti, apa jaminannya yang 1MDB ini boleh menyewakan kembali ruang-ruang pejabat ini supaya dapat pulangan yang munasabah kepada KWAP?

Ini supaya Jemaah Menteri dan juga Menteri-menteri yang berkenaan tolong jawab dan tolong sahkan kerana saya dapat laporan itu dan juga dokumen itu yang saya dimaklumkan dibentangkan di dalam Kabinet. Jadi saya tutup begini Tuan Yang di-Pertua, sebab itu untuk menjawab soalan Yang Berhormat Setiawangsa bagi tadi. Kenapa perlunya wakil Bank Negara Malaysia di dalam panel pelaburan ini? Kalaupun ada soal pertelingkahan, kepentingan dan lain-lain kerana saya percaya melihatkan rekod setakat ini pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan adalah lebih baik bagi kita berhati-hati dan memastikan bahawa mencegah itu lebih baik daripada membayar kerugian. Dengan izin, "*prevention is better than cure*", Tuan Yang di-Pertua.

Dalam keadaan kita tahu rekod KWAP setakat ini dalam tempoh dua atau tiga tahun yang lepas telah mengalami kerugian dan berdepan dengan beberapa pelaburan yang dipersoalkan ini bukannya lebih baik kita ketatkan tata kelola dan kawal selia dengan memastikan wakil Bank Negara Malaysia ada di situ.

#### ■1630

Kenapakah perlunya wakil Bank Negara Malaysia? Ini kerana mereka adalah *regulator*, dengan izin. Mereka ialah badan penguat kuasa. Maka memang dengan latihan dan kepakaran mereka, mereka lebih berhati-hati tentang sesuatu urusan niaga yang mereka kira boleh melanggar undang-undang. Ambil contoh pinjaman RM4 bilion tadi, wakil dalam panel pelaburan dari Bank Negara Malaysia mesti jawab bagaimana dana RM4 bilion ini dibenarkan dan pinjaman ini diluluskan? Ini kerana ia melibatkan aliran tunai yang besar dari Malaysia ke luar negara. Adakah ini telah melanggar undang-undang *Anti-Money Laundering Act* dengan izin, contohnya?

Oleh sebab itu saya yakin, apabila kita ada wakil Bank Negara Malaysia yang lebih maklum, yang lebih tahu tentang undang-undang, maka lebih konservatif daripada segi pelaburannya, kita boleh matikan sebarang cadangan pelaburan yang berisiko itu lebih awal. Kalaupun Bank Negara Malaysia betul-betul melaksanakan tugasnya sebagai *regulator* dan *check and balance* di dalam panel pelaburan itu, saya yakin pelaburan FGV tidak akan berlaku, pinjaman RM4 bilion kepada SRC tidak akan berlaku dan sudah tentu KWAP tidak akan beli tanah di TRX, kemudian dipulangkan kepada 1MDB untuk dimajukan seperti yang telah berlaku sekarang. Jadi sebab itu dan yang paling penting Tuan Yang di-Pertua, tugas Bank Negara adalah memastikan kestabilan sistem kewangan dan perbankan negara.

Apabila dana-dana kerajaan ini sudah menjadi sebuah pelabur yang besar, yang dominan dalam pasaran, maka sudah tentu risikonya juga mereka boleh mendatangkan risiko yang besar kepada kestabilan sistem kewangan seperti mana yang dibawa oleh 1MDB sekarang ini. Maka, persoalan saya kepada Menteri dan Ahli-ahli Dewan, bukannya lebih baik sekiranya Bank Negara Malaysia ini diletakkan dalam kedudukan yang boleh mencantas awal-awal sebarang usaha ataupun cadangan ataupun pelaburan yang boleh membawa risiko besar kepada sistem kewangan negara.

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya Dewan dan Menteri mempertimbangkan untuk meminda pindaan yang ada ini supaya kita kekalkan wakil dari Bank Negara Malaysia atas sebab-sebab yang saya telah huraikan tadi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih. [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu.

#### 4.32 ptg.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih. Saya tidak mahu ulang secara spesifik isu-isu tentang *investment* oleh KWAP yang telah dibentangkan oleh rakan-rakan saya. Saya cuma ingin tegaskan bahawa KWAP setiap tahun terima lebih daripada RM4 bilion dan ia datang daripada sekurang-kurangnya 160,000 *subscriber*. Ini juga bermaksud kita mempunyai tanggungjawab besar di Dewan ini untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan 160,000 lebih keluarga yang telah meletakkan penggantungan mereka terhadap kita dan amanah ini sangat kita harus ingati.

Dalam pindaan yang telah dibawa, sebenarnya kita harus bandingkan apakah falsafah yang asal apabila kita membentangkan undang-undang ini? Di kebanyakan negara, pengurusan wang pencen itu, persaraan ini adalah satu perkara yang sangat serius. Juga di antara pengurusan *provident fund* iaitu seperti KWSP dan wang pencennya ada banyak perbezaan. Perbezaannya bukan sahaja daripada segi cara pembayaran kepada orang-orang yang telah melabur tetapi juga kerana persaraan adalah satu *long term commitment* oleh kerajaan yang tidak diambil keluar dengan sekali gus. Oleh itu Kumpulan Wang Amanah Pencen ini mempunyai peraturan secara biasanya, kelaziman di negara-

negara lain mempunyai peraturan yang sangat ketat. Di India, hampir 90% daripada pelaburan dari *pension fund* ini adalah *government bond* dan sangat kecil sahaja untuk perkara-perkara yang dianggap sebagai *speculative*.

Kita juga lihat satu perubahan yang besar pada 2013. Sebelum ini hanya 10% daripada wang KWAP ini boleh dilabur ke luar negeri, telah ditambah kepada 19%. Kita ingin tahu setakat ini, berapa *percent* daripada wang ini telah dilabur di luar negara? Dalam pindaan undang-undang ini, kita harus bandingkan dengan apa yang telah di bentang pada undang-undang asal. Saya ingin dapatkan penjelasan kerana di pihak kerajaan telah bantangkan pindaan ini tanpa memberi alasan kenapa perlu kita lakukan perkara ini dan adakah ini akan mempertingkatkan lagi kesejahteraan dan kebajikan kakitangan kerajaan yang telah melabur dalam KWAP ini?

Secara spesifik dalam seksyen 4A, apabila tiga ini, seksyen baru 4A ini, kita ingin tahu apakah tujuan kerajaan untuk menjadikan KWAP ini sebagai ejen Kerajaan Malaysia? Kalau kita baca dengan teliti, kita dapati bahawa salah satu alasan yang telah digunakan di sini ialah ia boleh menerima wang dari kerajaan dan juga membahagikan dana yang telah dialih daripada kerajaan untuk tujuan-tujuan tertentu.

Kalau kita bandingkan undang-undang yang asal, apabila kita lihat dalam akta ibunya, sebelum pindaan, ia telah dinyatakan bahawa "*Wang dan harta-harta diperoleh atau hasil daripada mana-mana pelaburan KWAP*". Bermaksud, KWAP diberi amanah untuk menguruskan wang ini dengan disiplin yang sangat tinggi. Ia tidak boleh dibayar dengan kerajaan kalau ada *shortfall*. Ini juga bermaksud, mereka bertanggungjawab supaya dengan wang yang dikutip itu, mereka harus uruskan wang ini sehingga sanggup dana ini membayar pencen. Kalau ditambahkan dengan ayat menjadi "ejen" dan dengan implikasi pindaan ini, juga bermaksud ia boleh terima bayaran. Ini sedikit sebanyak bagi pandangan saya, ia akan mengurangkan lagi disiplin yang telah diamanahkan kepada kumpulan wang ini.

Saya tidak mahu ulang isu tentang wakil Bank Negara dan saya setuju dengan rakan-rakan sebelum ini, adalah sangat bahaya kalau kita sebagai dana yang diamanahkan itu, kita tidak membenarkan atau tidak mengurangkan *regulatory body* ini untuk menguasai dana ini.

Akan tetapi pada seksyen yang berikut dalam 6B ini, kita juga lihat ia telah memotong bagi – dengan memotong perkataan 'bagi pegawai perkhidmatan awam dan pekerja pihak berkuasa, berkanun dan tempatan'. Saya ingin tahu, adakah ini bermaksud KWAP ini boleh bayar kepada sesiapa di luar kategori iaitu perkhidmatan awam dan pekerja-pekerja pihak berkanun ini? Adakah kita longgarkan bayaran ini kepada orang-orang yang di luar kategori kakitangan kerajaan? Seterusnya pada seksyen yang kita pinda iaitu pada seksyen 14, kita lihat satu revolusi yang besar dari sebelum ini telah menyatakan wang ini ialah bentuk yang sangat konkrit kerana seperti yang saya sebut adalah amanah rakyat.

#### ■1640

Dalam 7(a)(ii) ini, bila dikatakan surat cara yang diiktiraf oleh badan pegawai selia yang berkaitan, pada undang-undang asal, ia harus dalam bentuk perakuan deposit iaitu wang yang *solidly exist*. Akan tetapi dengan pindaan ini, ini juga bermaksud *any form of IOU* yang ditandatangani oleh pegawai selia yang berkaitan boleh diiktiraf sebagai dana. Ini juga ada kaitan dengan perenggan yang seterusnya, sebelum pindaan undang-undang ini menyatakan hanya pada pihak yang menguntungkan KWAP sahaja. Bila kita tambah dengan kriteria kredit yang boleh diterima, kita ingin tahu apa maksud dia kriteria kredit yang boleh diterima. Ini sekali lagi kita lihat satu kelonggaran yang sangat besar.

Di undang-undang asal, kita dapati bahawa pada seksyen 4 ini, iaitu pelaburan ini terhad kepada badan-badan yang diluluskan dan disenaraikan di Bursa Saham Malaysia, diluluskan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Bila kita longgarkan, membenarkan pelaburan saham di mana-mana bursa saham di luar Malaysia, tertakluk kepada penyenaian sekuriti tersebut yang telah diluluskan oleh undang-undang dalam bidang kuasa asing. Seterusnya kita lihat dalam perenggan-perenggan berikut, kita telah lihat berulang kali, negara asing, kerajaan berdaulat asing, telah dibenarkan, diterima bukan sahaja di Malaysia. Apakah maksud ini?

Kita juga harus ingat, dalam negara-negara berdaulat, negara asing, ia mempunyai tahap yang berbeza. Caesar Islands memang mempunyai peraturan dan kredibiliti yang berbeza dengan United Kingdom atau Amerika Syarikat atau European Union. Akan tetapi kalau kita menggunakan satu kriteria yang begitu longgar *any sovereign government, then* inilah seolah-olah ini *perfect recipe* untuk 1MDB pergi ke mana-mana negara, Uzbekistan atau Kazakhstan atau Armenia atau negara-negara yang suka hati dipilih oleh *panel of investment*. Ini saya ingin desak supaya kita harus ingat sekali lagi amanah kita dalam Dewan ini, sama ada kita akan membenarkan pelaburan ini begitu longgar sekali, dibenarkan melabur di tempat-tempat yang kita sendiri tidak tahu dengan kredibiliti dan keyakinan kita.

Akhir sekali, saya amat kecewa dan risau kerana pada undang-undang yang asal, *the old law*, ia menyatakan bahawa tanggungjawab mana-mana pihak dalam lembaga atau panel pelaburan, jawatankuasa dan pegawai, mereka dikuasai di bawah Kanun Keseksaan. *Responsibility* adalah pada pihak berkuasa untuk membuktikan mereka telah melakukan kesalahan. Kalau mereka telah menyalahgunakan kuasa, adalah tanggungjawab untuk mendakwa mereka dan mempertanggungjawabkan kesalahan mereka terhadap tindakan tertentu. Akan tetapi dengan pindaan ini, kita ada *total secrecy*. Ia tidak boleh, tidak ada *whistle-blower*. Kalau ada masalah pun, tidak ada siapa-siapa boleh dedahkan dan ini selama-lamanya. Ia bukan *time-frame period*.

Kita tahu, dalam semua pengurusan *investment* ini kita *learn through trial and error* dan dengan *governance*, dengan kuasa yang ketat. Akan tetapi, bila kita tidak membenarkan siapa-siapa yang terlibat dalam *board* ini untuk mendedahkan atau membukakan maklumat dalaman, ini hampir termasuk PAC *I think*. Kalau begitu, undang-undang ini diluluskan bermaksud kalau PAC panggil mereka, mereka pun tidak boleh mendedahkan *the internal operation* atau urusan of KWAP. Kita agak ini adalah sangat bahaya sekali dan kita harap seksyen ini kita tidak diluluskan.

Sebagai kesimpulan, adalah satu perkara yang sangat besar bila pindaan ini dilakukan memang satu pindaan yang telah membawa satu perubahan besar dan beralih daripada falsafah asal untuk membentuk dana ini. Saya desak supaya Dewan ini tidak menerima pindaan-pindaan ini. Kita tidak mahu selepas sebulan, selepas seorang Menteri atau bekas Perdana Menteri mendedahkan, barulah ahli-ahli dari parti pemerintah meloncat-loncat hendak mencari kebenaran.

Bagi saya, inilah masanya kita ketepikan perbezaan politik dan untuk sama-sama mempertahankan tanggungjawab kita terhadap kakitangan kerajaan yang telah melabur dan meletakkan harapan kepada Dewan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya sila Yang Berhormat Menteri.

#### 4.47 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan (Pindaan) 2015. Terdapat beberapa isu yang dibangkitkan.

Nombor satu, saya ingin mengatakan bahawa peruntukan yang dicadangkan adalah hanya untuk membolehkan KWAP iaitu sebuah badan berkanun menjadi ejen untuk mengurus bayaran pencen dan faedah persaraan sektor awam. Seperti yang dijelaskan, pengambil alih operasi ini adalah bagi meningkatkan prestasi dan penyampaian perkhidmatan.

Sebenarnya semua tanggungan atau peruntukan untuk pembayaran pencen ini masih adalah di bawah tanggungjawab kerajaan dan bukan dibayar melalui KWAP. Maka mereka hanya bertindak sebagai ejen pembayaran sahaja. Untuk *services* yang diperuntukkan, kerajaan juga perlu memberi bayaran kepada KWAP untuk kerja-kerja yang dilaksanakan.

Dari segi prestasi KWAP, kita tahu tahun 2007 mereka mempunyai aset bernilai RM48 bilion dan sehingga tahun 2014, mereka mempunyai aset mencecah RM100 lebih bilion. Jangkaan mereka peningkatan atau *return on investment* mereka untuk purata tujuh tahun iaitu 2007 hingga 2014 adalah sebanyak 6.65%.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat kepada Seksyen 4A ini, saya percaya ia memberi satu kesan yang lebih daripada apa yang dikatakan oleh pihak Menteri tadi. Menteri mengatakan bahawa ia sekadar untuk tujuan *delivery* sahaja. Akan tetapi ayat yang digunakan "*Kumpulan Wang Amanah Persaraan boleh bertindak sebagai ejen Kerajaan Malaysia bagi maksud pembayaran apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain.*". Apa yang saya nampak, kalau sekiranya pembayaran-pembayaran contoh tadi, membantu 1MDB, dan sekiranya keputusan dibuat oleh Lembaga Pelaporan, tiba-tiba Lembaga Pelaporan diambil tindakan oleh pencarum, dia mengatakan kami bertindak sebagai ejen kerajaan. So, dia boleh lepas tanggungjawab itu. Jadi tidakkah Menteri merasakan bahawa dengan menggunakan perkataan "ejen kerajaan" ini, ia memberi satu, dengan izin, *far-reaching consequence*. Maknanya Lembaga Pelaporan ini boleh terlepas daripada tanggungjawab dengan mengatakan mereka adalah ejen kerajaan.

Jadi saya ingin tanya, sedangkan ayat tahu terlalu umum ya, pembayaran apa-apa pencen kerajaan atau faedah lain, maknanya *any money from that fund*, kalau sekiranya digunakan dan oleh sebab dia bekerja sebagai ejen kerajaan, maknanya ia boleh mungkin melepaskan diri daripada tanggungjawab. Kerana itu saya tanya, adakah itu sahaja tujuan pindaan itu atau ia adalah satu usaha untuk hendak menutup kelemahan-kelemahan Lembaga Pelaporan.

■1650

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Yang Berhormat bertanya...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya nak sambung sedikit Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. Menteri, kalau tengok pada huraian untuk fasal – terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau tengok huraian pada Fasal 3, Fasal 3 membawa maksud bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A ke dalam Akta 662 untuk membolehkan Kumpulan Wang Saraan (Diperbadankan) bertindak sebagai ejen kepada Malaysia bagi maksud pembayaran apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Ini membawa maksud bagi maksud pembayaran apa-apa pencen. Dia tidak memberi perincian seperti yang Menteri tekankan tadi. Sini nampak gaya dalam huraian itu memberi keluasan kepada maksud ejen kepada Kerajaan Malaysia. Penerangan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Chua Tee Yong:** Saya masih berpendapat dengan akta ini bahawa yang tertulis boleh bertindak sebagai ejen Kerajaan Malaysia bagi maksud pembayaran apa-apa pencen, ganjaran atau faedah yang lain bukan dibayar untuk syarikat tetapi dibayar untuk menguruskan boleh dikatakan tanggungan yang mana dari segi pencen akan dikendalikan dari segi pembayaran oleh KWAP sebagai ejen kerajaan. Maka dari segi kerja-kerja JPA, mereka hanya akan bertugas dari segi dasar sahaja.

Untuk isu yang dibangkitkan terutamanya mengenai dari segi panel pelaburan di mana wakil Bank Negara digugurkan atau *remove*. Sebenarnya ini adalah di bawah permintaan Bank Negara Malaysia. Menurut Akta Bank Negara Malaysia 2009 antara fungsi utama Bank Negara Malaysia termasuklah merumus dan mengendalikan dasar *monetary* di Malaysia, mengawal selia dan menyelia institusi kewangan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank Negara Malaysia, mengadakan pengawasan ke atas pasaran wang dan pasaran pertukaran wang asing.

Antara undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank Negara ialah Akta Perkhidmatan Kewangan 2012 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2012. Aktiviti utama Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) adalah untuk membuat pelaburan dalam pelbagai bidang sebagaimana yang dibenarkan di bawah aktanya. Dalam menjangakan aktiviti pelaburan ini, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) ini sama seperti badan-badan lain adalah tertakluk kepada undang-undang yang mengawal selia

aktiviti pelaburannya. Ini termasuklah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank Negara Malaysia.

Sekiranya wakil Bank Negara Malaysia turut mengikuti panel pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) ini, maka penglibatan wakil berkenaan boleh terjumlah kepada suatu *conflict of interest* atau percanggahan kepentingan antara tanggungjawab Bank Negara Malaysia sebagai anggota panel pelaburan dan sebagai pengawal selia aktiviti pelaburan itu.

Sehubungan itu, kerajaan dan Bank Negara Malaysia telah bersetuju supaya Bank Negara Malaysia tidak lagi menjadi anggota dalam panel pelaburan. Dengan yang demikian, pengawal seliaan oleh Bank Negara ke atas aktiviti Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) ini boleh dibuat dengan suci hati dan *transparent* dan tidak tercemar dengan apa-apa kemungkinan percanggahan kepentingan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** [Bangun]

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan Yang Berhormat Batu bangun.

**Datuk Chua Tee Yong:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dua soalan. Nombor satu, kalau mengikut sebab-sebab ataupun alasan-alasan yang diberikan tadi mengenai percanggahan kepentingan bahawa ada percanggahan antara wakil Bank Negara yang duduk dalam lembaga ataupun ahli panel pelaburan dan KWAP. Buat masa ini, Bank Negara juga merupakan ahli panel dalam KWSP. EPF. So, adakah juga kerajaan akan mengeluarkan satu undang-undang baru bahawa Bank Negara juga akan digugurkan daripada ahli panel, lembaga panel pelaburan dalam KWSP?

Saya rasa perkara ini tidak masuk akal kerana Lembaga KWAP ataupun Tabung Haji ataupun EPF merupakan agensi-agensi pelaburan ataupun kewangan kerajaan. Ia tidak merupakan pihak swasta seperti Maybank, CIMB. So, kalau Bank Negara merasa bahawa kalau mereka duduk dalam Maybank ada percanggahan, betul. Akan tetapi, bila duduk dalam agensi kerajaan tidak mungkin ia boleh dikatakan sebagai percanggahan.

Nombor dua, Pengerusi bagi KWAP buat masa ini merupakan *Treasury General*, Tan Sri Irwan Serigar. Bukankah MOF sebagai badan penguat kuasa juga? Kalau duduk sebagai *Chairman of KWAP*, ia juga akan menimbulkan percanggahan kepentingan. So, tidak masuk akal kita mengeluarkan satu undang-undang khusus untuk menggugurkan wakil Bank Negara daripada lembaga ataupun panel pelaburan bagi KWSP. Saya rasa alasan yang diberi itu tidak dapat diterima.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya tambah sedikit sahaja. Saya setuju dengan apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Cuma saya nak tambah. Kita – oleh sebab ini adalah wang pencen sama ada EPF atau ini, dia *regulatory procedure*nya berbeza. So, Bank Negara sebagai *regulatory body* yang duduk di sana, saya tidak nampak alasan yang *conflict of interest* ini boleh – Bolehkah kerajaan senaraikan apa yang terjadi selama ini telah mewujudkan satu tanggapan Bank Negara sehingga mereka rasa ada *conflict of interest*.

Akan tetapi, kalau kita kata empat orang yang telah diganti itu, sekarang undang-undang ini kita tidak boleh mengelakkan seseorang itu duduk dalam 1MDB tetapi pada masa yang sama duduk dalam KWAP. Kita tak boleh halangkan seorang yang telah dilantik oleh MOF yang duduk dalam Tabung Haji tetapi juga duduk di sini. Atau seseorang itu yang dilantik duduk dalam *Board of Investment* di EPF dan juga dilantik untuk duduk di sini. Kalau kita betul-betul *concern* tentang *conflict of interest* yang *conflict of interest* yang dilantik oleh *politician* iaitu MOF atau Perdana Menteri, itu adalah lebih kita harus tawar daripada sebuah institusi yang tidak ada kepentingan politik seperti Bank Negara. Apa penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.



**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan-soalan tambahan tadi. Sebenarnya untuk KWSP dan SOCSO memang Bank Negara juga mengatakan mereka ingin kalau boleh menarik dari segi wakil mereka. Sebenarnya ini adalah kerana di bawah akta mereka mempunyai wakil dan juga ingin mengendalikan supaya tiada percanggahan atau boleh dikatakan *conflict of interest*.

Dari segi isu yang dibangkitkan mengenai SRC *International*, pelaburan pembiayaan ke atas SRC ini dijamin sepenuhnya oleh kerajaan. Oleh itu dari segi KWAP, risiko mereka adalah tiada pada masa sekarang. Dari segi kadar keuntungan dan juga pembiayaan mereka bukan membeli ekuiti SRC *International* tetapi pemberian boleh dikatakan sukuk atau bon. Oleh itu proses pembiayaan ini juga dilakukan mengikut tadbir urus korporat yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan KWAP dan juga diluluskan oleh panel pelaburan KWAP. Sekian, terima kasih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jawapan dah habis Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tiba-tiba duduk macam itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, ada dibangkitkan proses kerahsiaan tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Isu kerahsiaan - ini rahsia ke tak rahsia ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:**...Menteri menjawab perkara-perkara yang berbangkit kepada pindaan Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kita tak boleh jangka bila dia nak duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak jawab soalan bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak salah pun.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terus terima kasih, terus duduk. Laju betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis sudah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Soalan berkenaan kerahsiaan tak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya rasa Menteri menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak. Kerahsiaan *part of the amendment*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang dipinda.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, betul Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, ada yang berbangkit daripada apa yang dibangkitkan tadi.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Menteri takut jawab. Kerajaan Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak. Perkara yang dipinda sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak. Perkara yang dipinda, kerahsiaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dah habis dah. Ikut tafsiran Menteri dah habis.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, isu kerahsiaan tak jawab lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Datuk Chua Tee Yong:** Yang Berhormat, dah habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dah habis dah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mana boleh tak jawab. Mana boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Oleh sebab itu bila kita berbahas, perkara-perkara yang dipinda sahaja dibahas.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kena pinda lah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak, Menteri dah...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kenapa Menteri tak jawab?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *The obligation of secrecy is part of amendment.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sabar ya Yang Berhormat. Nanti ya. Saya jalankan tugas Yang Berhormat ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Seksyen 7 sahaja yang... Selepas itu seksyen...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

■1700

**Fasal-fasal 1 hingga 8 -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

5.00 ptg.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *Handsome* hari ini Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Ketawa]* Ini belum mula lagi ini. Terima kasih Tuan Pengerusi, salam reformasi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Orang kata *handsome* itu terima kasihlah, Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih juga Yang Berhormat Parit Sulong.

Jadi saya hendak bangkitkan tentang fasal 5 pindaan seksyen 5 tadi tentang-maaf seksyen 4A tentang... [Disampuk] Ya, fasal 5 pindaan seksyen 5, ya betul, tentang pengeluaran wakil Bank Negara. Tadi saya dengar panjang lebar Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan tentang *conflict of interest*. Akan tetapi pada peringkat awal tadi, kita telah tekankan soal-soal tentang kredibiliti dan soalan tentang kepercayaan. Saya nampak jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih kepada *conflict of interest* tetapi telah membelakangkan isu-isu seperti kredibiliti, integriti mahupun *trustworthy*.

Isu utama, isu pokok adalah tentang kepercayaan tetapi yang itu tidak dipandang tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri menghala ke satu hala hanya pandang daripada satu sudut *conflict of interest*. So saya ingin untuk fasal pindaan seksyen 5 ini menekankan tentang apakah rasional wakil Bank Negara tidak ada? Adakah ia kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya pandang dari sudut *conflict of interest*, tidak meluas dari sudut-sudut yang lain?

Kedua adalah kena mengena dengan fasal 8, seksyen 21A yang baru dimasukkan. Ini ada kena mengena dengan obligasi kerahsiaan. Walaupun tadi pada peringkat dasar beberapa soalan telah dikemukakan tetapi saya nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri langsung tidak sentuh tentang seksyen 21A. Lagi sekali soalan yang berkaitan adalah tentang isu kepercayaan, *trustworthy*. Akan tetapi dekat sini kita lagi kongkong, lagi mengetatkan supaya, contoh seperti *whistleblower* tidak dapat mengemukakan apa-apa selok-belok ataupun kekurangan kepincangan yang berlaku dalam Kementerian nanti. So saya rasa seksyen ini seolah-olah ingin menutupkan beberapa kepincangan yang telah berlaku, keburukan yang telah berlaku dan sebagainya. Sepatutnya obligasi kerahsiaan ini perlu diberi definisi yang lebih terperinci dan lebih berpatutan, berwajib, di sini tidak.

So saya minta penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk kedua-dua seksyen atau fasal yang telah saya kemukakan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu.

#### 5.04 ptg.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya akan ulangi beberapa poin yang telah saya bawa dan saya harap kali ini Menteri secara spesifik jawab. Saya sekali lagi saya tidak berapa yakin dengan seksyen 6 ini yang dikatakan wang yang diterima oleh Kumpulan Wang Persaraan bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Kumpulan Wang Persaraan kepada Kerajaan Malaysia sebagai ejennya di bawah seksyen ini.

Ini kerana, perbezaan besar ialah dulu sebelum pindaan, wang yang boleh diurus oleh Kumpulan Wang Persaraan ini hanya, ikut undang-undang yang lama, adalah wang dan harta-harta yang diperolehi atau terhasil daripada mana-mana pelaburan KWAP. Bila dialih untuk menjadi ejen kerajaan, adakah ini satu hari nanti kita akan lihat KWAP uruskan BR1M bagi pihak kerajaan dan bayar kepada *pensioner* BR1M dan lain-lain lagi? Saya ingin dapat penjelasan secara spesifik adakah ini tidak akan berlaku?

Saya juga ingin bawa isu sekali lagi dalam isu wakil Bank Negara dalam konteks dalam seksyen 7 ini. Bila kita baca dengan teliti dari seksyen 6 di bawah subseksyen (i) hingga (v), kita lihat kelonggaran untuk membenarkan pelaburan itu sangat-sangat luas. Kalau tidak ada Bank Negara, akan ulanglah seperti yang kita lihat wang yang dikatakan kembali kepada Cayman Island disimpan di Singapura dengan alasan yang diberi oleh Pengerusi 1MDB, mereka hendak elakkan *to be governed by the rules and regulation of the Bank Negara*. Bagaimana sebuah *sovereign funds* yang dibentuk oleh kerajaan kata mereka tidak mahu ikut peraturan Bank Negara?

Akan tetapi bila kita lihat kita membenarkan kelonggaran bagi *investment* ini ke merata tempat, kita akan lihat ulangan RM4 bilion yang telah hilang di Mongolia ini sebab kita telah membenarkan kerajaan yang berdaulat – apa-apa kerajaan yang berdaulat tak kiralah dia Mongolia kah, Kazakhstan kah, dia boleh dikira sebagai satu *investment* yang *legitimate*. Ini bertentangan dengan satu prinsip pertanggungjawaban yang sangat tinggi dalam wang persaraan ini.

Oleh itu, saya tetap ingin dapatkan penjelasan, apakah tujuan kita, pertama sekali, *remove the Bank Negara representative*, and *secondly*, melonggarkan supaya KWAP ini

boleh melabur di merata tempat? Kita juga jangan lupa salah satu falsafah daripada pembentukan dana ini, *pension fund* ini untuk membantu *national investment, national development*. Kalau kita membenarkan pelbagai ayat-ayat yang tidak menyekat pelaburan kita di dalam negara dan juga dengan bentuk pelaburan tertentu, ini akan seolah-olah memberi *green light* kepada lembaga *investment* ini untuk masuk ke dalam arena yang spekulatif. Ini mempunyai risiko yang tinggi dan ini bukan satu perkembangan yang ingin kita lihat.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

**5.08 ptg.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin hanya membangkitkan isu berkaitan dengan fasal 8 yang memperkenalkan seksyen 21A.

Pertamanya soalan saya adalah apakah rasional diperkenalkan pindaan ini? Ini kerana kita tahu bahawa apa yang berlaku di dalam kes Tabung Haji itu nampaknya pihak polis lebih memfokuskan siasatan ke atas maklumat yang bocor, bukan apa yang telah dibocorkan. Jadi saya risau dengan adanya seksyen 21A ini, maka idea untuk kita jadikan satu kerajaan yang *transparent* bahawa apa-apa wang amanah ini dibelanjakan ataupun dilaburkan dengan penuh amanah akan terjejas dengan adanya seksyen *obligation of secrecy* ini.

Ini kerana dikhuatiri, maknanya walaupun mungkin ada pelaburan yang mungkin *bad investment* kah ataupun ada elemen-elemen yang boleh menyebabkan duit ini tidak diuruskan dengan baik, dia akan dilindungi dengan adanya seksyen ini. Jadi nampaknya walaupun kita menjaga wang amanah tapi kita tak betul-betul amanah dari segi untuk hendak *share information*.

■1710

Ini termasuk kalau kita lihat kepada seksyen 21A(b) itu, yang saya 21A(1)(b) jika diizinkan saya membaca dalam bahasa Inggeris, "*no other person who has by any means access to any information or documents relating to the affairs of the Retirement Fund (Incorporated) shall disclose such information or document.*" Maknanya, *no other person* itu termasuklah kalau *pensioner* sendiri. Maknanya kalau dalam (1)(a) tadi itu, "*no member of the Board, Investment Panel, committee, officers and servants of the Retirement Fund (Incorporated) or any person attending any meeting of the Board, Investment Panel or any of its committees...*" Akan tetapi yang (1)(b) itu pula, *no other person*. Jadi maknanya *stakeholder* pun, mereka yang ada kepentingan dalam wang, dalam *fund* itu pun, nampaknya mereka pun tidak boleh *share*. Mungkin mereka pun ada masalah untuk terima maklumat secara bertulis sebab katakan mereka sebagai *pensioner* hendak minta maklumat daripada *Board*, daripada *Investment Panel, Investment Panel* tidak boleh...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Sepang bangkitkan tentang huraian ataupun perincian di bahagian obligasi kerahsiaan. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat Sepang kerana Yang Berhormat Sepang menjelaskan agak *detail* tentang perkara ini. Boleh tidak kita tanya Yang Berhormat Menteri, apa jadi dengan komitmen kerajaan untuk mewujudkan apa yang disebut sebagai NKRA (*National Key Result Areas*) on *corruption* di mana kita telah ada satu undang-undang yang dipanggil *Whistleblower Protection Act 2010*.

Dalam *Whistleblower Protection Act* ini menjelaskan bahawa sebarang tindakan-tindakan ataupun perkara-perkara yang membabitkan penyelewengan, salah saku dan

sebagainya itu, mereka yang memberikan maklumat ini tentulah dijaga ataupun tidak akan dibawa ke muka pengadilan kerana memberikan maklumat tentang perkara-perkara yang baik untuk negara ini. So, adakah undang-undang yang sedia ada ataupun cadangan pindaan ini boleh sahaja kita simpulkan sebagai satu cadangan yang bercanggah sendiri dengan suatu undang-undang federal yang lain yang telah pun diwujudkan dan telah pun dipaparkan di dalam *website-website* NKRA bahawa inilah tujuan kerja baik kerajaan. Akan tetapi dalam kes pindaan ini, kita seolah-olah cuba menghalang mana-mana pihak yang mungkin boleh *disclose* maklumat atau menzahirkan maklumat yang boleh menyebabkan perkara-perkara yang bersabit mengenai korupsi, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya. Mohon pandangan Yang Berhormat Sepang. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Saya setuju dengan Yang Berhormat Bukit Katil. Maknanya jelas daripada pindaan ini, *we want to shoot the messenger, not the message*. Maknanya kalau mesej itu jelas, mesej itu menolong rakyat memahami bahawa pelaburan ini telah disalahgunakan, tetapi oleh kerana *messenger* membawa mesej yang jelas ini beliau pula yang ditembak, bukan mesej itu...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Sepang, boleh sedikit? Saya hendak mendapatkan pandangan dari Yang Berhormat Sepang sebagai seorang peguam. Mungkin tadi Yang Berhormat Pandan segan hendak tanya. Kalau undang-undang ini diluluskan esok, tadi semasa ucapan Yang Berhormat Pandan telah sebut ada satu dokumen yang telah menunjukkan bahawa KWAP telah sebenarnya beli tanah di TRX. Kalau undang-undang ini diluluskan, adakah Yang Berhormat Pandan juga ada kemungkinan didakwa kerana telah membongkar rahsia ini? Juga kita ambil contoh, kalau seorang pegawai yang kata yang menganggap pelaburan di Uzbekistan itu memang merugikan wang pencen dan telah mendedahkan supaya rakyat bahas perkara ini, adakah ini juga merupakan kesalahan kalau pindaan ini diluluskan? Apa pandangan Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Kalau ikut apa yang dalam undang-undang ini, kalau kita mengambil kira ini adalah satu kesalahan jenayah, kesalahan jenayah ini dibukti, kesalahan jenayah adalah, "*any person who contravenes subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years...*" Maknanya sesiapa yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 21A ini akan dianggap melakukan satu kesalahan jenayah dan boleh dikenakan hukuman sehingga RM100,000 ataupun denda. Kes jenayah ini tidak ada had masa.

Walaupun mereka boleh dihujahkan, beliau dedahkan ini untuk kepentingan ramai dan sebagainya, tetapi dalam undang-undang ini nampaknya tidak ada satu perlindungan. Ini kerana undang-undang ini bagi saya tidak perlu adapun. Kalau kerajaan sudah ada Akta Rahsia Rasmi dan sebagainya, sepatutnya mana-mana syarikat pelaburan sudah tentulah elemen yang paling penting dalam pelaburan ini adalah makna dia amanah ini, terlibat dengan amanah dan juga terlibat juga dengan wang amanah itu dilaburkan, elemen yang paling penting adalah *transparency*, ketelusan. Ini kerana apabila kita hendak guna wang ini untuk laburkan untuk kita gunakan membantu *pensioners* ini, sudah tentulah paling kurang *pensioners* ini tahu apa yang dibuat. Akan tetapi kalau kita tutup pintu, kita tutup dengan rapat, lepas itu pula kalau orang hendak ketuk pintu pun kita hendak tahu dapat maklumat pun, kita hukum mereka, maknanya ia bertentangan dengan konsep NKRA, konsep indeks syariah, semualah berlawanan ini.

Indeks syariah apa macam ini? Kalau dalam Islam, seorang khalifah sebagai contoh Sayidina Umar bila dia pakai pakaian, orang tanya daripada mana kamu dapat lebih pakaian ini? Itu konsep *transparency*. Maknanya apa sahaja yang dibuat oleh pihak pemerintah in, termasuklah daripada pihak-pihak yang terlibat menggunakan wang rakyat ini seharusnya open to *scrutiny*. Ini kita hendak tutup pula. Sudahlah kita tidak mahu perkenalkan Akta *Freedom of Information* atau Akta Kebebasan Maklumat. Kalau ada akta itu, lebih mudah untuk kita boleh mendapatkan maklumat. Sudahlah tidak ada akta itu, sekarang ini kita dengan keadaan yang macam ini, kita tutup lagi. Sedangkan mana-mana KWSP atau apa pun, mereka buat *website*. *Website* itu antara tujuannya untuk mendedahkan maklumat-maklumat kepada *stakeholder*.

Akan tetapi dalam kes ini, sampai ditutup sehingga menyebabkan orang tidak akan berani hendak memberi maklumat kepada Ahli Parlimen, ADUN dan sebagainya. Jadi kita

sebagai Ahli Parlimen, kita hendak bercakap mewakili rakyat, akan tetapi kalau rakyat ada maklumat takut hendak didedahkan sebab mereka mungkin akan didenda, seperti mana yang berlaku kepada Yang Berhormat Pandan dalam isu lembu. Nampaknya lembu dipertahankan, rakyat yang- Orang yang terlibat dalam melabur wang kepada lembu-lembu sampai boleh beli kondominium dan sebagainya selamat, tetapi orang yang mendedahkan maklumat yang menyebabkan segala penyalahgunaan wang itu diketahui oleh umum menjadi mangsa. Jadi saya khuatir dalam kes seperti ini, sekarang ini apa lagi bila wang KWAP ini digunakan untuk 1MDB yang kontroversi itu, mungkin akan dilindungi juga.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap. Dengan adanya akta dan seksyen ini, bermakna kita seolah-olah ingin *justify* segala perkara yang tidak baik dengan kita melindungi maklumat itu daripada *dishare* kepada *public*.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Sepang, apakah Yang Berhormat Sepang pun bersetuju dengan kerisauan pandangan saya ini iaitu seolah-olah bila kita sekat daripada pemberi maklumat ini dimaklumkan kepada umum, seolah-olah kita hendak mengurungkan atau kita hendak mengunci ataupun kita hendak menyeleweng daripada niat yang sebenarnya itu untuk memastikan niat yang kita hendak seleweng atau niat yang hendak dijahatkan itu termasuk ke dalam kerangka yang tidak boleh dibocori ataupun rakyat yang tidak boleh tahu mereka yang terlibat dalam persaraan ini terpaksa didiamkan supaya kekeliruan ataupun penyelewengan itu berterusan berlaku sehingga tidak boleh dikawal selia, hingga meletupkan seperti mana meletupnya gunung berapi hingga mengeluarkan larva dan memudaratkan rakyat. Apakah berkeperluan dengan keadaan begitu sehinggakan terjadinya obligasi kerahsiaan ini dilaksanakan? Apa pandangan Yang Berhormat Sepang? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat. Itulah yang kita risaunya Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak gulung ini. Orang kata *democracy dies behind the closed door*. Maknanya kalau *democracy dies behind the closed doors*, begitu juga *transparency*, semua ini amanah ini *die behind the closed doors*. Maknanya kalau kita buat keputusan di dalam bilik-bilik sahaja, lepas itu maklumat-maklumat itu hanya untuk orang-orang tertentu. Orang-orang yang ada di dalam itu mungkin mereka tidak setuju, mungkin mereka juga merasa bersalah. Akan tetapi mereka takut untuk mendedahkan kerana jika mereka dedahkan, mereka akan diambil tindakan.

#### ■1720

Padahal kalau kita tengok daripada seksyen 21A ini termasuk selepas mereka... dia kata, "*Which has been obtained by him in the course of his duties...*" maknanya, "*During or after his tenure of office*". Maknanya, walaupun dia sudah letak jawatan dia tidak boleh hendak berkongsi. Katakan ada forum, ada satu forum yang dia hadir selepas dia memegang jawatan itu, dalam forum itu ada dipersoalkan, dia ada maklumat itu, akan tetapi tidak boleh zahirkan ataupun seorang yang dipanggil seperti Yang Berhormat Batu kata tadi orang yang akan hadir dalam PAC punya *inquiry*. Kita akan dapat kekebalan ini, kekebalan daripada halangan untuk kita dedahkan ini tidak berlaku dalam kes mahkamahlah. Dia kata, "*For the purpose of any civil or criminal proceeding*".

Akan tetapi dalam *inquiry* oleh badan-badan seperti PAC ini nampaknya seksyen 21A ini tidak terpakai. Makna tidak guna juga kalau kita panggil katakan *members of the board*, *members of investment panel* kah, tiba-tiba kita minta mereka dedahkan. Mereka kata minta maaf, seksyen 21A tidak boleh dipakai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ha? Jadi, saya rasa Menteri pertamanya tolong jawab apa yang kita bangkitkan ini. Selepas itu kalau boleh Menteri tarik

baliklah seksyen 21A ini sebab ini akan menyebabkan orang lagi mudah untuk melakukan pecah amanah dan sebagainya kerana tidak ada *scrutiny* daripada pihak *public*. Terima kasih.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Satu soalan akhir, Kota Raja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kota Raja selepas itu Menteri boleh jawab.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Menteri, saya cuma ingin bertanya dalam kes 21A ini, *hypothetically* ya. Secara *hypothetical* ini sekiranya berlaku penyelewengan di dalam Lembaga, Panel Pelaburan, Jawatankuasa ini tidak mendapat satu *consensus* maka ada keputusan yang *overrule* kepada pendapat-pendapat lain maka bagaimana dalam kes ini bagaimana penyelewengan ini ataupun pecah amanah ini dapat diketahui sekiranya ada 21A ini? Itu sahaja saya hendak tahu. Adakah bermakna selepas ini sebarang kesalahan ditutup rapat? Sampai bila tidak akan diketahui? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

#### 5.22 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Terima kasih atas soalan-soalan telah yang dibangkitkan. Saya terus pergi ke fasal 8 dulu. Apabila KWAP mengambil alih operasi membayar pencen dan faedah persaraan, KWAP akan mentadbir maklumat dan data peribadi lebih 500 ribu pesara dan penerima pencen. Oleh yang demikian, peruntukan undang-undang diperlukan untuk melindungi maklumat peribadi ini. Ini adalah penting, memandangkan pegawai-pegawai KWAP akan berurusan dengan maklumat para pesara. Pengenalalan ini adalah perlu untuk memastikan maklumat ini semasa mengurus adalah tidak didedahkan kepada masyarakat umum.

Segala urusan di dalam KWAP haruslah menjadi rahsia dan tidak didedahkan kepada sesiapa selain daripada pegawai KWAP atau dikehendaki oleh mahkamah atau mana-mana autoriti. Peruntukan ini sejajar secara intinya dengan peruntukan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang juga mempunyai peruntukan kerahsiaan, seksyen 133, Akta 758. Tanpa pindaan ini segala maklumat dan data peribadi yang sulit boleh terdedah. Selain itu maklumat pelaburan KWAP juga adalah *prior sensitive*, yang mana sebarang pendedahan atau penzahiran kepada yang tidak berkaitan atau kepada umum boleh menyebabkan maklumat tersebut digunakan untuk kepentingan atau keuntungan peribadi dan atau boleh berkemungkinan membawa kepada pelanggaran undang-undang di bawah akta-akta yang sedia ada di dalam mengawal maklumat berkaitan pelaburan.

Oleh itu dari segi fasal ini juga adalah dikenakan kepada pegawai-pegawai KWAP. Dari segi isu yang dibangkitkan terutamanya dari segi kelonggaran dari segi definisi, sebenarnya bukan semua kelonggaran dari segi fasal 7. Kalau kita lihat (a)(iii) pindaannya dia telah memasukkan perkataan "*Kriteria kredit yang diterima*". Dulu tidak ada. Nombor dua, kalau kita melihat dari segi...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Batu bangun.

**Datuk Chua Tee Yong:** Belum habis lagi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dulu dia mengatakan hanya membenarkan pelaburan yang menguntungkan Kumpulan Wang Persaraan sahaja. Bila ditambah dengan kriteria kredit yang boleh diterima, ini maksudnya dilonggarkan.

**Datuk Chua Tee Yong:** Tidak ada.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Mana boleh tidak melonggarkan kerana dulu yang menguntungkan. Menguntungkan mesti maksudnya *you* laburkan RM1...

**Datuk Chua Tee Yong:** Menguntungkan maknanya 0.5%.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Dia kena untung. Akan tetapi kalau kriteria yang diterima selagi dia tidak melanggar undang-undang dan peraturan boleh diterima. Dia kriteria, *depends on how the government set what it means by criteria*. Kriteria yang boleh diterima sangat meluas. Kita tidak perlu untung. Kriteria yang boleh diterima boleh pelaburan yang membantu, *let's say membina infrastruktur di Mongolia for example*. *We can say* kriteria yang boleh diterima ialah membantu negara jiran kita Indonesia untuk membangunkan ekonominya. Itu pun boleh jadikan kriteria yang boleh diterima. Akan tetapi dulu, sebelum ini dia secara spesifik hanya *investment* yang menguntungkan Kumpulan Wang Persaraan. *That is very different* dalam tafsiran ini. Mohon penjelasan.

**Datuk Chua Tee Yong:** Pada sekarang dia tulis atas terma yang menguntungkan. Kalau dia kata menguntungkan dia boleh 1%, 0.5%, semua pun boleh. Akan tetapi dengan adanya pindaan ini dia ada kriteria kredit yang diterima, saya yakin Kumpulan Wang Persaraan ataupun KWAP tentu akan melihat dari segi pelaburan-pelaburan yang sedia ada. Bahkan kalau kita lihat dari segi seksyen 14 sekarang, (k) terdapat juga peruntukan di mana tertulis, "*Dalam apa-apa pelaburan lain dengan kelulusan Menteri*".

Akan tetapi dengan adanya pindaan ini dia telah mengeluarkan apakah industri-industri yang kelulusan dengan kelulusan Menteri dia ada, (i), (ii), (iii), (iv) dan (v). Selain itu juga dibangkitkan mengenai isu seksyen atau fasal 3 dan juga fasal 5. Saya tidak ingin mengulang lagi. Tadi saya sudah mengatakan seksyen 4A adalah untuk mengurus sebagai ejen pembayaran untuk pesara-pesara dan fasal 5 adalah untuk memastikan dari segi *conflict of interest* tidak wujud. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat,

**[Fasal-fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG AHLI KIMIA (PINDAAN) 2015

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.29 ptg.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Ahli Kimia 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat esoklah Yang Berhormat ya?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** *[Ketawa]* Terima kasih. Saya pun ingat esok tetapi dia panggil saya bangunlah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, usul Peraturan 16(3). Sila Yang Berhormat Menteri.



■1730

USUL**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 16(3)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl):  
Penggulungan Syarikat No. 28NCC8-530-2011**

5.30 ptg.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, ucapan penangguhan saya ialah mengenai Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) Ruj. Tuan: Mdl (WP) 669/2011/1 Penggulungan Syarikat No. 28NCC8-530-2011.

Seperti pihak kementerian sedia maklum, Kausar Corporation Sdn. Bhd. telah digulungan oleh Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur dalam Penggulungan Syarikat No. 28NCC-530-2011 pada tarikh 14.12.2011.

Salah seorang kreditor, Wang Plumbings Construction Sdn. Bhd. telah dibuktikan berhutang RM267,212.04 oleh Jabatan Insolvency Malaysia Kuala Lumpur melalui surat bertarikh 10 Mei 2012 dan RM5,711,427.55 juga oleh Jabatan Insolvency Kuala Lumpur melalui surat bertarikh 1 November 2012 setelah lama menunggu bayaran yang harus dibuat oleh syarikat Kausar Corporation Sdn. Bhd, syarikat Wang Plumbings Construction Sdn. Bhd melalui surat mereka bertarikh 6 Mac 2015 tanya tentang tindakan yang sedang diambil oleh Jabatan Insolvency Malaysia cawangan Wilayah Persekutuan untuk menghasilkan hartanah syarikat Kausar (PN27808 No. Lot 27686, Mukim Setapak Daerah Kuala Lumpur) bagi faedah hutang syarikat mereka.

Dalam jawapan Jabatan Insolvency Malaysia cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang bertarikh 17 Mac 2015 mengatakan pada 20 Mei 2014, pihak Alliance Islamic Bank Berhad telah memberi pengesahan bahawa pihak VC Technologies Sdn. Bhd. telah membuat penyelesaian penuh untuk hartanah tersebut di atas dan untuk menghasilkan hartanah berkenaan perlu melalui proses pelepasan gadaian (*discharge of charge*) daripada pihak Alliance Islamic Bank Berhad dan juga butiran cukai tanah daripada pihak berkuasa tempatan sebelum tindakan selanjutnya dapat diambil.

Dengan usaha sendiri, Wang Plumbings Construction Sdn. Bhd. telah menerima pengesahan dari Alliance Islamic Bank Berhad melalui surat mereka bertarikh 8 April 2015 iaitu pada 30 Mei 2014, pihak bank telah menyerahkan kepada Jabatan Insolvency, *title deed* yang sah dan dua salinan "*charges*" (*documents*) dan diakui terima pada 2 Jun 2014. Pihak bank juga mengatakan sampai hari ini mereka masih belum terima permohonan dari Jabatan Insolvency untuk "*Discharge or Charge*".

Maka saya ingin tanya, apakah sebabnya kelewatan bagi Jabatan Insolvency menjalankan tugas mereka untuk proses "*Discharge or Charge*" dan ikut dengan melelongkan harta tersebut dan tindakan selanjutnya membuat bayaran kepada kreditor berkenaan.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**5.35 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang bertanya mengenai perkara yang telah dinyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, syarikat Kausar Corporation Sdn. Bhd. telah digulungkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 14 Disember 2011 atas petisyen Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan pegawai penerima telah dilantik sebagai pelikuidasi pada 4 Oktober 2013.

Pentadbiran penggulungan syarikat ini ditadbir oleh Jabatan Insolvensi Malaysia cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ataupun MdIKL yang mana selepas ini saya rujuk kepada MdIKL. Syarikat ini mempunyai hartanah yang didaftarkan atas PN27808 Lot. 27686 Mukim Setapak Kuala Lumpur. Ia selepas ini dirujuk sebagai hartanah tersebut. Mdl Kuala Lumpur perlu mengambil tindakan-tindakan berikut sebelum proses *Discharge or Charge*, dengan izin dapat disempurnakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

- (i) memastikan status gadaian pada hartanah tersebut melalui rekod sijil carian rasmi Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Hasil carian menunjukkan terdapat tiga gadaian yang telah didaftarkan ke atas hartanah tersebut iaitu satu gadaian oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dan dua lagi oleh Bank Islam Malaysia Berhad;
- (ii) memastikan Borang 42B dan Borang 16N ditandatangani oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dan juga Bank Islam Malaysia Berhad selaku pemegang gadaian. Alliance Bank Malaysia Berhad telah menandatangani dokumen pelepasan gadaian iaitu Borang 16N pada 9 April 2015. Mdl Kuala Lumpur tidak mempunyai pengetahuan yang Bank Islam Malaysia Berhad juga merupakan pemegang gadaian sehingga rekod sijil carian rasmi Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diperolehi. Mdl Kuala Lumpur dimaklumkan bahawa dokumen bagi tujuan pelepasan gadaian telah dikemukakan kepada peguam cara bank tersebut pada tahun 2011 untuk disempurnakan. Mdl Kuala Lumpur telah menghubungi peguam cara Bank Islam Malaysia Berhad pada 6 Mei 2015 untuk memastikan tindakan pelepasan gadaian diambil dengan sewajarnya; dan
- (iii) memastikan bil cukai taksiran dan bil cukai tanah dibayar dan dikemas kini pembayarannya pada tahun semasa. Semakan mendapati bahawa bil cukai taksiran bertarikh 6 April 2015 sebanyak RM212,560 dan bil cukai tanah Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2015 sebanyak RM20,860 masih belum dibayar. Oleh yang demikian, tindakan pelepasan gadaian "*Discharge or Charge*", dengan izin hanya dapat disempurnakan setelah menerima maklumat lanjut daripada peguam cara Bank Islam Malaysia Berhad serta bil-bil yang tertunggak diselesaikan sepenuhnya.

Bagi tindakan pembayaran dividen kepada pemiutang-pemiutang syarikat, Mdl Kuala Lumpur terpaksa menangguhkan pembayaran tersebut memandangkan terdapat permohonan ke mahkamah oleh penyumbang syarikat iaitu Encik Baharin bin Ayob untuk mengakas atau dengan izin, *levers* atau mengetepikan keputusan Mdl Kuala Lumpur yang memperakukan tiga borang bukti hutang termasuk borang bukti hutang daripada Wang Plumbings Constructions Sdn. Bhd. Permohonan tersebut telah difailkan ke mahkamah pada 14 April 2015 dan telah ditetapkan untuk pengurusan kes berikutnya pada 3 Jun 2015 ini. Sehubungan dengan itu, Mdl Kuala Lumpur hanya boleh membuat pembayaran dividen setelah isu-isu berkaitan borang bukti hutang tersebut diputuskan di mahkamah.

### **Mewartakan Lebih Banyak Laluan Basikal Dalam Bandar Raya Kuala Lumpur**

#### **5.39 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan langkah yang DBKL laksanakan pada setiap hari Ahad pertama setiap bulan yang mana Datuk Bandar dan warga kota akan berbasikal sekitar Kuala Lumpur dengan tujuan untuk menyedarkan warga kota betapa pentingnya kesihatan badan, kebersihan bandar raya dan usaha mengatasi masalah kesesakan yang saban hari menyelubungi bandar raya.

#### **■1740**

Saya menyokong program yang sangat berfaedah ini dan berharap semua warga kota dapat menyahut program ini. Dalam kesibukan kenderaan bermotor dalam bandar raya pada setiap hari dan malam, bandar raya Kuala Lumpur sudah menjadi ibu kota yang sibuk yang mana kenderaan kecil dan ringan sangat berbahaya berada di atas jalan raya. Saya berharap program berbasikal ini dapat diperluaskan ke kawasan lain sekitar bandar raya supaya lebih ramai warga kota tanpa mengira umur, latar belakang, kaum dan sebagainya dapat mengambil bahagian.

Basikal bukan sahaja sangat sesuai beriadah di hujung minggu ataupun setiap hari tetapi sangat sesuai untuk digunakan untuk pergi balik ke tempat kerja. Selain menjimatkan kos pengangkutan, ia juga sangat menyihatkan badan, bebas daripada pencemaran alam sekitar.

Malangnya, jika seseorang penunggang basikal memasuki jalan raya, ini sangat berbahaya kerana mereka terdedah kepada kemalangan dilanggar dari belakang. Itu sebab ramai orang tidak berani membawa basikal ke jalan raya, mereka hanya berbasikal di taman-taman perumahan iaitu kawasan yang selamat. Para pelajar tidak berani menunggang basikal ke sekolah walaupun terdapat mereka yang memberanikan diri.

Oleh itu, tibalah masanya pihak DBKL dan kementerian mewartakan banyak jalan dalam bandar raya untuk laluan basikal dengan melakarkan jalan-jalan tersebut untuk laluan basikal dan kenderaan bermotor yang lain seperti motosikal dilarang masuk dan melaluinya. Saya difahamkan DBKL akan membina laluan dari Pusat Bandaraya ke MidValley. Ini tidak mencukupi. DBKL hendaklah membuka laluan untuk basikal di jalan-jalan utama buat permulaan dan diikuti jalan-jalan kecil.

Penunggang basikal akan merasa selamat dan dihargai. Ia bakal menarik lebih ramai orang menggunakan basikal untuk memasuki Pusat Bandaraya. DBKL hendaklah menambah tempat meletak basikal di kawasan tumpuan dan pusat membeli-belah yang selamat. Jika program ini dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, lambat-laun ramai warga kota akan menyahut program berbasikal di Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### **5.43 ptg.**

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun dari Bukit Bintang yang telah menyuarakan pandangan dan persoalan dalam ucapan penangguhan dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas Dewan Rakyat 2015 ini. Keprihatinan, ketelitian dan kepekaan Ahli Yang Berhormat dalam perkara-perkara yang melibatkan kesejahteraan hidup, kebajikan warga rakyat Wilayah Persekutuan khususnya dan rakyatnya amat sangatlah kami hargai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang semua jalan di Kuala Lumpur boleh digunakan untuk berbasikal. Walau bagaimanapun, untuk meningkatkan tahap keselamatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang melaksanakan beberapa inisiatif dengan menggunakan kaedah kongsi lorong kenderaan dan kongsi laluan pejalan kaki berikutan kekangan ruang untuk mewujudkan laluan basikal khas.

Pada masa ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sangat giat menyediakan kemudahan laluan basikal di Bandaraya Kuala Lumpur pada 14 April yang lalu, satu laluan basikal sejauh 5.5 kilometer yang menghubungkan Dataran Merdeka ke Pusat Membeli-belah Mid Valley telah dibuka kepada orang ramai. Sebahagian besar laluan basikal ini adalah merupakan laluan di tepi Sungai Klang.

Laluan basikal yang sedang dibina di dua buah kawasan perumahan iaitu di kawasan Wangsa Maju dan Taman Batu Muda. Laluan basikal di Wangsa Maju menghubungkan kawasan perumahan ke stesen LRT Wangsa Maju. Di Taman Batu Muda pula laluan basikal yang disediakan akan menghubungkan kawasan perumahan ke Taman Metropolitan Batu iaitu sebuah laman rekreasi awam.

Selain daripada itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang merancang satu rangkaian laluan basikal di jalan-jalan utama dalam kawasan Pusat Bandar Kuala Lumpur. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan menaik taraf laluan pejalan kaki sedia ada sekitar kawasan Pusat Bandaraya supaya dapat dikongsi sebagai laluan basikal.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menyedari bahawa seseorang penunggang basikal akan terdedah kepada bahaya apabila berbasikal di atas jalan raya bersama-sama kenderaan bermotor yang lain. Risiko berbasikal di atas jalan raya hanya dapat dikurangkan sekiranya satu laluan yang khas dan berasingan diwujudkan khususnya untuk penunggang basikal sahaja.

Bagi mewujudkan laluan berasingan yang khusus ini, satu lorong lalu lintas sedia ada perlu diambil dan dikhaskan untuk laluan basikal. Dalam erti kata lain penyediaan laluan basikal yang khas dan berasingan akan menyebabkan kenderaan bermotor kehilangan satu lorong lalu lintas di atas jalan raya sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang atas penyampaian ucapan penangguhan yang melibatkan bidang kuasa dan tanggungjawab kementerian ini. Segala teguran, pandangan, cadangan, ulasan mahupun kritikan yang membina daripada Ahli Yang Berhormat amatlah kami hargai dalam usaha untuk menambahkan baik mutu perkhidmatan awam sedia ada khususnya kepada rakyat dan negara secara seluruhnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi, Selasa, 19 Mei 2015.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.47 petang]***